

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 20**

**Selasa**

**25 Julai 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku  
Abdul Rahman (Pindaan) 2006 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 (Halaman 46)

Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai  
Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006 (Halaman 72)

Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 (Halaman 92)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 25 Julai 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sama ada kajian dilakukan untuk memastikan keberkesanan Kempen Budi Bahasa di kalangan rakyat negara kita. Jika ya, sejauh manakah kesannya. Apakah kempen-kempen lain yang harus diketengahkan bagi memastikan rakyat negara kita mempunyai harga diri dan jati diri.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad pada 26 Julai 2006 dan Yang Berhormat Senator Tuan Wan Nordin bin Che Murat pada 27 Julai 2006 kerana ia menyentuh mengenai Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni akan dilaksanakan bagi tempoh enam tahun bermula dari tahun 2005 hingga 2010. Kempen ini baru sahaja dilaksanakan, namun, keberkesanannya telah dapat dirasakan dan dijangka lebih terserlah dalam tempoh jangka panjang pelaksanaannya. KeKKWa atau kementerian telah menjalankan kaji selidik selepas tempoh enam bulan pelaksanaan kempen tersebut pada tahun 2005. Hasil kaji selidik melalui temu bual telefon ke atas 2,002 responden daripada pelbagai lapisan masyarakat seluruh Malaysia mendapati 64% daripada responden tersebut sedar tentang kempen ini.

Satu lagi kaji selidik selepas tahun pelaksanaan kempen telah dijalankan melalui temu bual ke atas 4,800 responden. Kajian dilaksanakan bagi mengetahui tahap kepekaan mereka terhadap kempen tersebut. Didapati sebanyak 78% responden peka terhadap pelaksanaan kempen tersebut. Program pelaksanaan Kempen Budi Bahasa giat dilaksanakan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Kesedaran dan pengamalan budi bahasa di kalangan pegawai dan kakitangan awam terutamanya yang berkhidmat di barisan hadapan sentiasa ditingkatkan dari masa ke semasa.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Kempen Senyum, Pemanduan Berhemah, Bersopan-santun dan aktiviti turun padang seperti gotong-royong di komuniti Melayu, Cina, India dan sebagainya. Pertandingan pidato, syarahan awam, bahas, pantun, boria, dikir barat dengan pihak swasta, korporat dan awam, kem keluarga dan seminar di IPTA. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut, KeKKWa optimis dapat melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan mempunyai jati diri menjelang tahun 2010. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Istilah kesopanan, budi bahasa, berhemah, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi itu, boleh saya kaitkan dengan cara pemandu-pemandu kita di jalan raya. Apakah strategi kementerian dari segi untuk membentuk kesopanan di jalan raya memandangkan jumlah kemalangan negara kita adalah di antara yang tertinggi di rantau ini. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang iaitu perlakuan pemandu-pemandu di jalan raya kita. Kementerian saya akan bekerjasama dengan kementerian lain khususnya kementerian yang memberikan lesen kepada pengangkutan awam iaitu bas ekspres, teksi dan sebagainya.

Kita mula daripada mereka sebab mereka adalah sebahagian besar berkhidmat untuk khalayak ramai. Jadi tentang kemalangan, saya diberitahu sebab ini bukan di kementerian saya, tetapi saya diberitahu juga iaitu sebab kecuaiannya pemandu dan juga keluarga pemandu yang tidak begitu bersopan santun dan sederhanalah iaitu memberi laluan dan sebagainya. Saya harap 47 iaitu ciri-ciri nilai-nilai murni yang termaktub dalam buku kecil kita, haraplah mereka meneraplah dalam kehidupan mereka, termasuk perlakuan mereka di antara rakyat jelata. Sekian, terima kasih. **Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Samsiah selaku penanya asal soalan.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apa sahaja yang ingin kita terapkan kepada manusia, elok bermula dari kecil.

Soalannya adakah kementerian ini berbincang dengan Kementerian Pelajaran supaya apa jua yang ingin kita budayakan, dapat kita masukkan ke dalam pengisian buku-buku teks di sekolah. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat, untuk kejayaan iaitu kempen ini kita patut bermula daripada mereka yang berusia awal tadi sebab pepatah Melayu berkata, "Kalau hendak melentur buluh biar dari waktu rebungunya". Itu yang penting sebab apabila mereka sudah jadi dewasa, perangai, tabiat, kelakuan susah untuk kita mengubah perangai mereka dan sebagainya. Sebab itu kita juga bekerjasama kuat dengan kementerian lain khususnya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Jadi, saya juga hendak sebut daripada ungkapan bestari daripada Umar Al-Khatib iaitu, "Manusia yang berakal adalah manusia yang suka menerima dan meminta nasihat dan mereka bersiap sedia untuk belajar daripada orang lain". Jadi saya berharap, di

rumah juga, kita sebagai ibu bapa, kita akan mengasuh iaitu anak-anak kita pada usia awal. Sekian, terima kasih.

**2. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan baru-baru ini tidak mewakili muka baru wanita tempatan. 2 orang ahli wanita yang sedia ada, salah seorang adalah orang luar yang sudah berkhidmat lebih 15 tahun dan salah seorang lagi jarang bercakap dan menyumbang idea dalam Mesyuarat Majlis. Jika katakan rombakan baru satu pembaharuan, kenapa ia tidak dilakukan untuk 2 wakil wanita ini. apakah rasionalnya mengekalkan mereka ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau ringkasnya MAWIP masih mengekalkan dua orang ahli wanita sebagaimana yang ditimbulkan dalam persoalan oleh Yang Berhormat, kerana kedua-dua mereka adalah tokoh wanita yang aktif dalam Persatuan Kebajikan Wilayah Persekutuan dan memberi komitmen yang tinggi dalam setiap program yang dianjurkan oleh MAWIP (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan).

MAWIP tidak menetapkan syarat bahawa orang luar sebagaimana yang didakwa tadi dari Wilayah Persekutuan tidak boleh dilantik sebagai ahli MAWIP. Seseorang ahli itu boleh dilantik sebagai ahli MAWIP selama beberapa penggal selagi perkhidmatannya diperlukan. Tetapi, saya suka menyatakan di sini sebagai tambahan iaitu, kalau sekiranya orang luar itu dimaksudkan dengan Toh Puan Wan Asiah Ahmad yang berasal dari Terengganu, suka saya menyatakan bahawa, beliau tinggal di Kuala Lumpur iaitu di Kampung Dato Keramat lebih daripada 30 tahun, sudah begitu lama. Saya rasa memang boleh dianggap sebagai Wilayah Persekutuan, yang lahir benar-benar dari Wilayah Persekutuan saya rasa mungkin kurang ataupun tidak seberapa. Sekian.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. *[Tepuk]*

Soalan saya, ramai ahli profesional wanita di Wilayah Persekutuan ingin menyumbang tenaga dan bakti khususnya memajukan ummah, memperjuangkan hak-hak wanita, berani menyuarakan pandangan mengenai undang-undang keluarga Islam, kenapakah tokoh-tokoh ini tidak dilibatkan dan duduk sebaris dengan kaum lelaki dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebagaimana Yang Berhormat tahu, sebab dia lama juga dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, menurut Akta Pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, iaitu menggariskan dengan jelas, Perkara 10 iaitu ada 15 orang anggota lain, selain daripada *ex officio*, maknanya yang lain itu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ketua Setiausaha Negara atau wakil Peguam Negara, Ketua Polis Negara atau wakil

mufti, Dato' Bandar Kuala Lumpur, itu adalah tetap. Kemudian 15 boleh dilantik, tetapi dalam 15 tadi lima mesti daripada tokoh-tokoh agama, dan 10 lagi boleh pelbagai.

Jadi saya rasa dua peruntukan yang diberi itu agak mencukupi pada masa ini dan yang lain itu pelbagai daripada parti politik pun ada, daripada profesional pun ada. Sebab apa, saya rasa ada lagi jawatankuasa di bawah Majlis Agama Islam. Ada pelbagai jawatankuasa dan yang terbaru ini, saya akan bawa pada 28hb iaitu jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Majlis Agama kita masukkan, wanita-wanita dari Wilayah Persekutuan, daripada pelbagai NGOs, terutamanya kita ada yang hampir dengan tugas ini, ialah Jawatankuasa Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam. Saya rasa ini agak lebih sesuai dan sudah tentu banyak, selain daripada jawatan-jawatan yang tertentu yang ada hubungannya dengan kementerian dan juga agensi kerajaan, orang-orang daripada NGO, daripada wanita kita lantik. Itu sebagai contoh sahajalah, banyak lagi jawatankuasa boleh kita serapkan mereka. Sekian.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih di atas jawapan tadi. Tetapi, saya agak terkilang oleh kerana Yang Berhormat Menteri menyebut dua agaknya mencukupi. Dua daripada 15, saya rasa adalah berpatutan kalau jumlah ini ditambah oleh kerana wanita juga adalah 50% Islam dari penduduk dan apa jua yang termaktub dalam Islam mempunyai implikasinya terhadap wanita itu sendiri. Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri akan lihat dengan cara serius untuk menambah jumlah wanita, tokoh-tokoh agama dalam jawatankuasa ini. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Pelantikan dalam masa tiga tahun dan sebenarnya bukan rombakan yang Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan sebutkan, bukan rombakan. Rombakan itu dia masih maknanya berkuat kuasa kemudian dirombak. Ini maknanya pelantikan baru, jadi lanjutan daripada yang lama. Saya mengambil daripada yang lama apabila saya pegang sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, apabila dua tahun lanjut tiga tahun, masa saya pegang dua tahun habis, maknanya itu bukan rombakan. Jadi saya pilih berdasarkan kepada yang dahulu juga diberi peruntukan dua, saya terus mengekalkan dua. Tetapi, boleh kita pertimbangkan pada masa hadapan dan saya rasa memang kita terbuka dan pelantikan ini disahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau sekiranya mana-mana yang tidak kena, sebagaimana yang kita ketahui, Agong menasihatkan kita, menitahkan supaya memperbaiki. Itu cara, sebab yang paling tingginya dalam urusan agama ini di Wilayah Persekutuan ialah Agong, kalau negeri ialah Sultan ataupun raja bagi negeri tersebut. Jadi saya rasa itu kita ambil perhatian terhadap pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekali lagi Dewan Negara menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Terima kasih.

3. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan bagi R&D di Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi meningkatkan pengeluaran getah asli memandangkan harga getah telah meningkat di pasaran dunia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan industri getah di negara ini. Bagi tujuan tersebut, Lembaga Getah Malaysia iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa menjalankan penyelidikan dan pembangunan atau R&D, dengan izin bagi mempertingkatkan daya saing industri getah melalui usaha-usaha penambahbaikan produktiviti dan teknologi pengeluaran getah asli. Aktiviti-aktiviti R&D yang sedang dilaksanakan adalah seperti memperkenalkan klon-klon getah yang baru dan bermutu tinggi serta teknologi-teknologi baru untuk torehan dan pengumpulan latex.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, kuasa untuk meluluskan peruntukan bagi projek-projek kerajaan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi tujuan meningkatkan program R&D, Lembaga Getah Malaysia sentiasa diberi peruntukan sebagaimana yang diperlukan. Misalnya, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan atau RMK-9, Lembaga Getah Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk projek-projek pembangunan berbanding dengan RM59.7 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Angka ini menunjukkan pertambahan sebanyak 67.5%. Peruntukan dalam projek pembangunan ini sebahagian besarnya adalah bagi tujuan R&D bagi sektor getah. Pertambahan ini menunjukkan kerajaan sentiasa berkeyakinan dengan kemampuan LGM dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti R&D untuk industri getah. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah benar bahawa kementerian telah menambah peruntukan bagi LGM bagi RM100 juta, 67%, terima kasih. Adakah ini termasuk bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan di *Tun Abdul Razak Research Center* di London? Sebab apa yang saya difahamkan bahawa pada tahun 70-an, pusat ini telah menjalankan banyak aktiviti tetapi dalam masa 20 tahun ini aktiviti-aktiviti itu dikurangkan sehingga ada cadangan untuk menukar itu menjadikan pusat sukan. Adakah ini termasuk dalam program untuk meningkatkan aktiviti bagi R&D, bagi LGM? Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tadi. Peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D ialah untuk semua stesen-stesen Lembaga Getah Malaysia termasuk *Tun Abdul Razak Research Center* di United Kingdom. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, selepas itu saya bagi satu lagi soalan tambahan kepada Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa sebelum kenaikan harga ini getah ditanam untuk susu dan juga untuk kayu. Jadi, saya ingin tahu berapa peratuskah ladang-ladang di Malaysia yang menanam getah khusus untuk kayu ini dan apakah strategi kerajaan untuk menangani masalah supaya dapat memenuhi keperluan kedua-duanya sekali, getah untuk susunya dan juga getah untuk kayunya. Dan, adakah penyelidikan dibuat supaya satu pokok getah itu boleh menghasilkan kedua-duanya sekali, getah untuk susu dan juga untuk kayu. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah di atas soalan tadi. Memang benar pokok getah boleh digunakan untuk kayu-kayan dan juga untuk susu lateks. Pada masa ini, oleh kerana harga susu lateks begitu tinggi, begitu menarik, pokok getah digunakan untuk susu getah tetapi ada juga cadangan dan rancangan sedang dijalankan untuk menanam pokok getah jenis *Latex Timber Clone* untuk tujuan hasil kayu-kayan. Pokok getah tersebut adalah lebih besar batangnya jika dibandingkan dengan pokok yang digunakan untuk getah.

Berkenaan dengan peratusan angka-angka itu saya tidak ada pada masa ini tetapi tanaman tersebut sedang dijalankan untuk tujuan kayu-kayan juga. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pokok besar tetapi susu itu bertambah atau tidak? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Tuan Yang di-Pertua, susu itu pun boleh dapat tetapi saya rasa tidak bertambah, itu biasa sahaja. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita tahu memandangkan harga getah sudah naik begitu tinggi, saya hendak tahu sama ada kementerian mempunyai dasar ataupun perancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk meningkatkan penanaman secara besar-besaran ataupun untuk pekebun-pekebun kecil. Saya hendak tahu dasar kementerian. Sekiranya ada, apakah insentif-insentif yang kita hendak galakkan untuk menambahkan hasil negara ataupun *foreign exchange*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu atas soalannya. Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang meluaskan tanaman getah di negara kerana kerajaan fikir tanaman yang ada sekarang iaitu lebih kurang 1.2 juta hektar adalah memadai.

Berkenaan dengan harga getah, Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada keadaan dunia pada masa sekarang iaitu petroleum yang begitu tinggi. Oleh kerana itu getah tiruan yang

dibuat daripada petroleum harganya pun telah meningkat. So, ada permintaan untuk getah asli. Tetapi pada suatu hari kita pun tidak boleh jangka harga getah pun barangkali boleh turun, saya pun telah baca di majalah *Economist* di mana CEO-CEO dari dua syarikat petroleum besar, mereka kata boleh jadi harga petroleum dalam tiga atau empat tahun akan datang akan turun. Boleh jadi turun ke USD80 setong, so kita pun kena *adjust* memandangkan senario di dunia dan harga getah terpulang kepada permintaan dan juga pengeluaran, *supply and demand*. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menampung kekurangan tanah taraf pertanian ekoran daripada pengambilan secara besar-besaran ladang getah, kelapa sawit dan sawah padi untuk dijadikan kawasan perumahan, perindustrian dan pembangunan bandar baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang sedar bahawa tanah taraf pertanian telah berkurangan ekoran daripada pengambilan secara besar-besaran ladang getah, kelapa sawit dan sawah padi untuk dijadikan kawasan perumahan, perindustrian dan pembangunan bandar baru.

Untuk menampung kekurangan tanah tersebut, kementerian telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Keperluan Tanah bagi mengenal pasti tanah-tanah milik kerajaan negeri. Setelah kajian kesesuaian tanah dijalankan, hanya tanah yang sesuai dan ekonomik untuk dibangunkan sahaja akan dipohon daripada kerajaan negeri. Kementerian akan membuat permohonan kepada kerajaan negeri untuk dijadikan atau digazetkan tanah-tanah tersebut sebagai kawasan kekal pengeluaran makanan dan persetujuan penyewaan kepada swasta.

Langkah kedua, kementerian juga mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang boleh diguna untuk projek pertanian. Sebagai langkah seterusnya kementerian akan *match* atau gandingkan pemilik tanah dengan pengusaha atau pelabur yang berminat untuk mengusahakan tanah tersebut.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah diberi peruntukan berjumlah RM50 juta di bawah projek kawasan tumpuan pembangunan pertanian atau *agriculture concentrated development area* untuk pelaksanaan pembangunan pertanian di kawasan tanah terbiar. Selain daripada itu, kementerian ini juga sentiasa berusaha untuk memaksimumkan penggunaan sumber tanah yang sedia ada melalui penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ok, Yang Berhormat Tuan Tan Bon You dan selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah dengan tanah pertanian yang semakin

berkurangan ini akan menjejaskan rancangan ataupun program yang dinamakan TKPM, iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang akan dijalankan atau dilaksanakan oleh Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat ini berapakah keluasan tanah yang telah diusahakan dan berapakah taman telah ditubuhkan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk khasnya projek di bawah Taman Kekal Pengeluaran Makanan di mana memanglah kita memerlukan banyak dari segi kerjasama dan ehsan daripada kerajaan negeri tetapi syukur Alhamdulillah, sehingga kini kita telah dapat sejumlah 26,146 hektar tanah milik kerajaan negeri yang telah dikenal pasti akan kesesuaiannya bagi pengeluaran tanaman makanan untuk diusahakan oleh pihak swasta di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi, lokasi dan daerah negeri-negeri memang ada seperti negeri Perak, ada 2,026 hektar untuk kebanyakannya tanaman buah-buahan; di Kedah ada 3,280 hektar juga tanaman buah-buahan; di Perlis 400 hektar kesemuanya untuk mangga; di Kelantan 670 hektar untuk sayur-sayuran dan juga buah-buahan; di Selangor 100 hektar untuk belimbing; Pulau Pinang 20 hektar untuk nanas; dan di Pahang yang besar sekali 16,000 hektar untuk buah-buahan, nanas dan juga nangka serta herba; Johor 1,900 hektar untuk nangka, mangga, limau, pisang dan juga buah pitaya; dan Terengganu 1,750 hektar untuk limau, pisang, ubi dan juga nanas. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setelah merdeka 50 tahun apakah kejayaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menolong petani di dalam mendapat kejayaan untuk tanaman padi tiga kali setahun bererti tiga musim di dalam setahun. Padi 12 tan satu hektar di seluruh negara. Berapa peratuskah kejayaan yang telah diperolehi? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan ini menjerus kepada tanah, penggunaan tanah, jadi dari segi padi itu saya rasa soalan ke belakang sedikit, tetapi memanglah dari segi teknologi baru yang kita telah dapati memang kita hendak menjerus kepada pengeluaran padi melebihi 10 tan sehektar tetapi sekarang ini secara puratanya dalam 3 tan atau 4 tan sehektar. Jadi, kita memang mengadakan penemuan-penemuan baru dari segi penggunaan teknologi-teknologi dan juga *verity*. Sebab ini saya katakan dengan kurangnya keluasan tanah, kita terpaksa mencari alternatif iaitu menggunakan teknologi-teknologi terkini supaya produktiviti walaupun tanahnya tidak bertambah tetapi produktiviti dari segi kegunaan *verity* baru dan juga teknologi baru, termasuk mekanisasi dapat dipertingkatkan supaya produktiviti seperti Yang Berhormat harapkan itu memang boleh dicapai. Tetapi untuk makluman, memang sekarang ini yang tertinggi kita telah dapati adalah 14 tan sehektar. Terima kasih.

5. **Tuan Gooi Hoe Hin** minta Menteri Tenaga , Air dan Komunikasi menyatakan mengapa terdapat Kementerian lain yang menganjurkan beberapa persidangan teknologi maklumat walhal KTAK adalah Kementerian yang bertanggungjawab mengikut undang-undang di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan apakah tindakan yang diambil supaya perkara sedemikian dapat diselaraskan agar tidak berlaku pertindihan fungsi/tanggungjawab.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang meliputi industri percantuman telekomunikasi, pengkomputeran dan penyiaran bertujuan untuk mewujudkan satu tumpuan pusat ataupun *focal point*, dengan izin, untuk pembangunan industri komunikasi dan multimedia di negara ini.

Sejak akta tersebut dilaksanakan pada tahun 1999, industri telah pun mengalami pertumbuhan pesat di mana pendapatan kasar industri telah meningkat lebih dua kali ganda, daripada RM12 bilion pada tahun 1999 kepada RM27 bilion pada akhir tahun 2005. Baru-baru ini Kementerian juga telah melancarkan My ICMS 886 iaitu rangka tindakan atau *blue print* untuk pembangunan industri bagi lima tahun mulai 2006 hingga 2010. Di bawah My ICMS 886, industri Komunikasi dan Multimedia dijangka akan tumbuh dengan lebih pesat. Kementerian ini bertanggungjawab untuk perkara-perkara berkaitan dasar dan *regulatory* teknologi maklumat telekomunikasi dan komunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, iaitu suatu undang-undang bagi industri percantuman telekomunikasi, pengkomputeran dan penyiaran.

Dalam pada itu, Kementerian ini adalah juga merupakan pusat tumpuan *focal point* untuk perhubungan antarabangsa terutama dalam urusan-urusan dengan *International Telecommunication Union (ITU)* dan *World Summit on the Information Society (WSIS)*, Asia-Pacific Telecommunity (APT), Apec Tell, ASEAN, ASEM, ASEAN EU serta perhubungan dua hala. Bidang ICT adalah luas dan melintasi bidang tugas agensi-agensi kerajaan lain yang juga menjalankan program dan aktiviti berasaskan ICT. Namun begitu, bagi mengelakkan pertindihan fungsi Kementerian ini akan menyelaras serta menghalusi peranan masing-masing terutama dari segi penglibatan dalam persidangan antarabangsa yang menyentuh perkara-perkara dasar dan *regulatory* yang termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Terima kasih.

**Tuan Gooi Hoe Hin:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah jelas garis, fungsi dan bidang kuasa tetap KTAK. Soalan tambahan saya ialah alangkah lebih wajar jika bidang kuasa dari aspek kandungan kawal selia pembangunan itu diletak di bawah KTAK. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya faham soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat merujuk kepada *content*. Sebagaimana saya katakan tadi mungkin Yang Berhormat cadangkan *content* adalah untuk melahirkan teknologi yang baru, maka setakat hari ini *content* terletak di dalam bidang kuasa Kementerian MOSTI, yang mana ia banyak kepada inovasi. Dari segi ini, inovasi ini adalah sebahagian daripada kreativiti yang dilahirkan, yang terletak di bawah

Kementerian MOSTI dan saya yakin walaupun ia terletak di bawah MOSTI, tetapi dari segi kementerian, kementerian ini tidak ada masalah. Ini kerana adalah jelas *content* terletak di bawah MOSTI dan juga dari segi pelaksanaan infrastruktur ianya dan juga undang-undang terletak di bawah kementerian ini.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya terlebih dahulu, kementerian ini bertanggungjawab dalam bidang telekomunikasi kerana aktanya, Akta AKM 1998 dan juga kawal selia iaitu Suruhanjaya Telekomunikasi ataupun MC-MC terletak dalam kementerian ini. Maka, dengan jelas bahawa kementerian ini bertanggungjawab dari segi bidang komunikasi, hanya *content development* terletak di bawah bidang MOSTI. Terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan soalan tambahan saya ialah apakah fungsi atau peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dalam usaha kerajaan untuk menjadikan perdagangan elektronik ini adalah merupakan satu perdagangan yang terunggul di Malaysia?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Sebagaimana yang saya katakan tadi, Kementerian telah pun mengeluarkan strategi iaitu My ICMS 886 yang mana ini adalah satu perancangan untuk lima tahun akan datang bagaimana Kementerian ini akan memainkan peranan supaya industri telekomunikasi ini akan terus berkembang termasuk juga perdagangan menggunakan elektronik dan sebagainya. Terima kasih.

**6. Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki kemudahan sistem pengangkutan awam khususnya di ibu negara. Kerajaan patut mewujudkan pusat sistem perhubungan bagi perhubungan antara STAR transit sebagai mengambil contoh sistem pengangkutan awam di luar negara. Ini dapat menggalakkan para pengguna menggunakan kemudahan pengangkutan awam di Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara usaha yang diambil oleh kerajaan dalam memperbaiki kemudahan sistem pengangkutan awam khususnya di ibu negara telah melalui pelaksanaan Projek Integrasi dan Penyusunan Semula Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang ataupun INSPAK Ia adalah bertujuan meningkatkan prestasi dan menjamin kemampuan sistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu, mudah, selesa dan berdaya maju. Keupayaan semua aspek pengangkutan awam yang meliputi perangkaian jambatan rel, bas, kemudahan infrastruktur dan sistem pertiketan khususnya di Lembah Klang sedang dimajukan selaras dengan matlamat INSPAK yang tersebut.

Antara langkah utama yang diambil adalah dengan menambah bilangan bas, meluaskan liputan, meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas. Di samping itu tindakan juga sedang diambil bagi menambahkan lagi kapasiti LRT. Dan menyegerakan integrasi antara semua mode-mode pengangkutan awam yang sedia ada melalui pembangunan infrastruktur seperti

penambahan, tempat letak kereta dan pelaksanaan sistem satu tiket. Dengan adanya usaha-usaha ini adalah diharapkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam akan meningkat.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bilakah agaknya kemudahan-kemudahan ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan luar daripada Lembah Klang?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dalam rancangan yang ada di bawah Rapid KL, Rapid KL akan menambahkan lagi bas. Sehingga hujung tahun ini dijangkakan akan ada terdapat 1,130 bas yang lama dan yang baru. Dan bagi STAR dan PUTRA akan ditambahkan lagi 12km tiap-tiap satu STAR dan PUTRA. STAR akan disambungkan ke Puchong dan Puchong akan disambungkan ke Subang Jaya. Dan juga ditambah lagi *coach* nya daripada 70 sekarang kepada 140 pada jangka masa tahun 2009. Dan bagi penambahan rel yang saya sebut 12km tadi, kerja-kerja dijangka akan bermula dalam jangka masa dua tahun hingga tiga tahun lagi. Sekarang di peringkat kajian, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, 'jalan' baru juga akan sedang diusahakan untuk menambahkan lagi 30km. Yang ini dijangka bermula pada tahun 2010. Tapi ini saya tak mahu sebut destinasi kerana laluan nya, *alignment* nya mungkin berubah. Ini di peringkat Lembah Klang, yang lain belum lagi ada perancangan yang terperinci Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Sing Chooi:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insiden yang berlaku semalam di mana lebih seribu penumpang terperangkap kira-kira satu jam di dalam tiga tren PUTRA LRT yang tiba-tiba berhenti, setengah itu di terowong. Dan mengikut laporan BERNAMA, empat wanita didapati pengsan dan situasi agak huru-hara. Nampaknya prosedur kecemasan itu tidak begitu lengkap. Soalan tambahan saya, macam mana kerajaan dapat meningkatkan keselamatan perkhidmatan sistem awam supaya pengguna-pengguna lebih yakin. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian itu adalah amat malang sekali. Sebenarnya sistem yang ada di operasi itu adalah sistem yang *failed safe* dengan izin. Sebenarnya di *control center* semalam, didapati satu *coach* hilang dalam skrin. Jadi sebagai tindakan yang pertama ialah kena *shut down* lah, takut ia berlanggar, tren berlanggar. *Shut down* jadi, di *control tower shut down* bekalan elektrik, jadi semua tren berhenti. Ada lebih kurang lima tren dalam terowong itu. Tapi dari segi keselamatannya Tuan Yang di-Pertua, *exhaust* sistem berjalan, lampu ada, tapi oleh masa puncak ini ramai penumpang dalam tren jadi *pick hours*, memang kemuncak. Jadi sesaklah dalam tu, dan adalah yang tak tahan dia panik sikitlah. Tapi boleh buka pintu dan boleh keluar. Tapi oleh kerana sistem itu begitu, jadi dimatikan bekalan elektrik, jadi tak berjalan semualah. Takut kalau penumpang jalan atas rel itu, dia kena karan, boleh jadi *get electrocuted* dengan izin, mati kerana kejutan elektrik.

Jadi memang kalau ikut laporan yang saya terima, respons kepada ini adalah lebih kurang 20 minit. Jadi pembantu-pembantu datang ke tren, semuanya dalam masa 20 minit begitulah. Jadi sekarang ini masih dalam siasatan yang rapi, jadi yang maklumat sekarang begitulah, makna respons dalam lebih kurang 20 minit. Tapi dari segi oleh kerana masa puncak, ramai penumpang jadi kurang angin dan sebagainya, jadi ada yang pengsanlah. Terima kasih.

**7. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah 'konsep bina dan jual' akan dilaksanakan. Apakah langkah proaktif kerajaan untuk menjamin masa depan pemaju-pemaju perumahan bermodal kecil supaya mereka tidak gulung tikar jika konsep baru ini dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaksanaan pembinaan rumah melalui 'konsep bina dan jual' mengikut kaedah *variant* 10/90 telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Jun 2006. Konsep ini akan dilaksanakan bermula tahun 2007 secara selari dengan konsep sedia ada iaitu 'jual kemudian bina' bagi satu tempoh peralihan selama dua tahun. Di mana pemaju bebas memilih mana-mana konsep. Cadangan tersebut juga telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 54 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 22 Jun 2006.

Kerajaan sedar memberi perhatian serius terhadap kesan daripada pelaksanaan pembinaan rumah melalui konsep 'bina dan jual' kepada industri perumahan negara terutama pemaju-pemaju perumahan yang bermodal kecil. Kerajaan melalui KPKT akan terus mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan bagi mencari formula terbaik agar konsep ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan dalam masa yang sama tidak memberi kesan yang negatif pada mana-mana pihak. Konsep 'bina dan jual' mengikut kaedah *variant* 10/90 ini juga akan melibatkan pindaan terhadap Akta Pemajuan Perumahan 1966 dan ianya akan dilaksanakan sepenuhnya selepas pindaan Akta berkenaan diluluskan. Oleh itu pemaju perumahan tidak diwajibkan untuk menyertai konsep tersebut malah mereka terus boleh memilih pendekatan yang ada mengikut kemampuan mereka dalam tempoh peralihan selama dua tahun ini.

Kerajaan juga telah mengenal pasti insentif-insentif yang sesuai bagi ditawarkan kepada pemaju-pemaju perumahan yang akan melaksanakan konsep 'bina dan jual' ini. Antara beberapa insentif yang akan dinikmati oleh pemaju-pemaju yang akan melaksanakan konsep ini adalah seperti berikut;

- (i) Mengecualikan syarat pembayaran deposit sebanyak RM200 ribu bagi setiap lesen pemajuan perumahan.

- (ii) Memberi pelepasan daripada kuota membina rumah kos rendah sepenuhnya. Sebagaimana yang disyaratkan kepada pemaju di dalam konsep 'jual kemudian bina' yang membawa maksud bahawa menggantikan pembinaan rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana rendah bagi pemaju-pemaju yang memilih sebagaimana yang disyaratkan kepada pemaju di bawah konsep 'jual kemudian bina'.
- (iii) Keutamaan "*fastlane*" bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan seperti tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan pelan susun atur, pelan bangunan dan kelulusan dari jabatan-jabatan teknikal dan,
- (iv) Pelepasan duti setem semasa tempoh interim.

Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah benarkah bahawa apabila konsep 'bina dan jual' ini dilaksanakan, maka akan membawa kesan buruk kepada pasaran perumahan sebab pemaju-pemaju kata ini menyusahkan mereka. Maka kuranglah nanti rumah-rumah yang akan dibina. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya memang ada pro dan kontranya dengan konsep yang dikemukakan pada masa ini iaitu konsep bina kemudian jual. Kemungkinan ada kenaikan harga rumah mungkin sehingga 20% demikian. Tapi sebenarnya ada cara-cara lain bagi pemaju-pemaju perumahan boleh mengatasi masalah ini. Tidaklah seperti mana yang digembar-gemburkan di dalam media masa yang mengatakan sehingga 100%. Kemungkinan ada sedikit pertambahan. Tetapi dari segi kebajikannya oleh kerana dia boleh menyelesaikan banyak masalah-masalah yang membabitkan pembeli-pembeli rumah, yang menjadi isu besar kepada pembeli-pembeli rumah iaitu banyak rumah-rumah yang terbungkalai, ini adalah kebaikan yang akan kita cuba atasi melalui konsep bina kemudian jual ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Tajul Urus.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan konsep bina dan jual. Cuma persoalan saya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan kepada pemaju yang mengamalkan konsep bina, *piling*, cabut lari. Oleh kerana sehingga hari ini masih terdapat pegawai-pegawai kerajaan, polis dan tentera yang terpaksa membuat potongan gaji mereka sedangkan kontraktor sudah cabut lari. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah sebabnya kita menghadapi masalah yang sebilangan kecil saja Yang Berhormat. Sebenarnya hanya 1.3% sahaja daripada jumlah unit rumah yang diluluskan oleh kementerian. Hanya 1.3% sahaja yang terbungkalai ini, bukannya jumlah yang begitu besar sangat. Cuma banyak digembar-gemburkan oleh pihak media massa dan orang-orang tertentu.

Walaupun jumlah ini kecil, kementerian masih juga memandang perkara ini satu perkara yang serius, maka oleh kerana itulah kita telah mengambil keputusan mengemukakan kepada Kabinet supaya kita mengadakan satu lagi konsep baru iaitu bina kemudian jual. Dalam masa yang sama kita juga akan memperketat lagi undang-undang kita iaitu Akta Pemajuan Perumahan untuk memastikan masalah-masalah yang timbul dalam sistem yang menggunakan sistem jual kemudian bina ini dapat kita atasi masalah-masalah yang timbul. Pada masa ini pun kita banyak mengambil tindakan terhadap mereka. Mana-mana pemaju perumahan yang didapati melakukan masalah-masalah seperti rumah terbengkalai dan lain-lain kesalahan di bawah akta dan peraturan kita, mereka telah pun diambil tindakan termasuklah tindakan *blacklisting* terhadap pemaju-pemaju perumahan dan juga pengarah-pengarah kepada pemaju-pemaju perumahan yang terlibat. Ini memastikan mereka tidak akan kita berikan lagi lesen jika mereka terlibat dalam melakukan kesalahan-kesalahan termasuklah terbengkalai, lewat dan lain-lain lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

8. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah program-program menerapkan nilai-nilai budaya minda kelas pertama dilaksanakan kepada anak-anak di desa.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:**

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sedang mengendalikan 8,307 buah kelas Tabika dengan kanak-kanak berjumlah 195,314 orang dan 271 buah kelas Taska yang mempunyai kanak-kanak seramai 3,472 orang di seluruh negara.

Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, amalan nilai-nilai murni, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, daya kreativiti dan estetika dan kecerdasan fizikal diterapkan kepada kanak-kanak secara *holistic* dan bersepadu dengan tujuan untuk membina minda kelas pertama. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran tersebut diperkukuhkan menerusi aktiviti kokurikulum meliputi hari potensi kanak-kanak Tabika, hari sukan, kelas Fardu Ain, kelas Bahasa Inggeris dan seni mempertahankan diri serta lain-lain mengikut keperluan semasa.

Di samping itu juga, KEMAS juga mengendalikan sebanyak 287 buah kelas pusat sumber yang mempunyai peserta seramai 52,140 orang. Kebanyakannya murid-murid sekolah rendah dan menengah dengan menjalankan aktiviti kokurikulum seperti pertandingan membaca, pidato, teater dan bercerita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati dan kemudian itu Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Soalan tambahan saya kepada kementerian, tidakkah kementerian bercadang untuk dikhususkan guru-guru KEMAS yang ramai ini sebelum mereka mengajar anak-anak kita yang ramai di sekolah Tadika dan juga Taska di

samping menaik tarafkan kelas-kelas KEMAS yang banyak uzur di seluruh negara dan juga menaikkan taraf alat pembelajaran umpamanya komputer mahupun alat-alat muzik seperti piano dan lain-lain; dan tidakkah kementerian bercadang untuk merangka satu kempen ke arah pembentukan budaya minda kelas pertama di desa-desa agar dapat mengasah bukan sahaja minda kanak-kanak di luar bandar malahan seluruh desa ke arah pembentukan sahsiah diri yang berpersonaliti unggul atau pun *towering personality* dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ada tiga soalan di sini. Pertamanya mengenai dengan kakitangan, guru-guru Tabika. Setakat ini kebanyakan Tabika ataupun kakitangan KEMAS masih lagi terdiri daripada pegawai-pegawai kontrak. Jadi, kementerian telah mengambil keputusan dan juga telah dipersetujui oleh kerajaan supaya kementerian meningkatkan taraf profesionalisme guru-guru Tabika ini dengan dua pendekatan:

- (i) memberi peluang kepada guru-guru Tabika yang sedang berkhidmat untuk menjalani kursus dalam cuti iaitu sudah bermula. Ini dijalankan mulai daripada 28 Mei tahun ini dan akan berterusan selama tiga tahun sembilan bulan; dan
- (ii) Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Ini adalah khas untuk calon-calon yang baru diterima masuk ke dalam perjawatan perguruan KEMAS.

Seterusnya bagi bahagian kedua soalan itu tadi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kementerian khasnya KEMAS sedar bahawa banyak di antara prasarana khasnya kelas-kelas Tabika KEMAS masih lagi dalam keadaan yang perlu diperbaiki. Untuk makluman Dewan, jumlah bangunan Tabika KEMAS di seluruh Malaysia pada ketika ini adalah berjumlah 7,478 buah. Daripada itu sebanyak 3,415 kelas sudah beroperasi di bangunan KEMAS sendiri. Sementara yang lain adalah sama ada menggunakan bangunan agensi-agensi yang lain ataupun kerajaan yang lain iaitu sebanyak 803 buah kelas dan sebanyak 2,548 buah kelas menumpang di bangunan awam iaitu sama ada di balai raya, dewan orang ramai, surau, masjid dan sekolah; dan ada juga sebanyak 712 buah kelas terpaksa menyewa bangunan persendirian ataupun swasta.

Jadi, kementerian memang sedar masalah ini dan kita akan mengambil tindakan sedaya upaya pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini dengan peruntukan yang diberi sebanyak RM744 juta. Kita cuba meningkatkan lagi taraf bangunan, kemudahan dan sebagainya di kelas-kelas Tabika.

Berkenaan dengan kempen, memang kita telah mengadakan kempen ini sejak sudah lama dan selaras dengan kehendak Rancangan Malaysia Kesembilan. Mulai daripada tahun ini, kempen-kempen untuk menukar minda masyarakat luar bandar termasuklah anak-anak di bangku sekolah KEMAS sedang dipergiatkan. Sekian.

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk membentuk masyarakat berminda kelas pertama bukan lah mudah. Banyak halangan dan kekangannya. Realitinya hari ini memang masih banyak wujud masyarakat di negara kita berminda kelas ketiga. Apa pandangan Yang Berhormat kerana terdapat hampir 2.5 juta pendatang tanpa izin dan juga tenaga kerja asing yang turut berada di negara kita yang turut menyumbang menunjukkan unsur-unsur masyarakat berminda kelas ketiga. Siapakah yang akan menangani kumpulan-kumpulan yang saya katakan tadi 2.5 yang mana menunjukkan unsur-unsur mentaliti kelas ketiga. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan ini sepatutnya ditujukan kepada kementerian lain. Namun demikian saya,

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat boleh menjawab dalam konteks kementerian Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Saya cuba menjawab. Jadi saya dalam dua jumlah yang telah disebutkan tadi seramai 2.5 juta, kebanyakan mereka ini saya rasa terdiri dari mereka yang berasal daripada desa, dari luar bandar dan oleh kerana mereka berasal daripada kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan yang memang berlainan daripada suasana yang ada di kawasan bandar, kita tidak nafikan bahawa minda mereka memang minda orang desa, orang luar bandar dan bolehlah ditakrifkan sebagai minda kelas ketiga.

Jadi, ini merupakan satu cabaran kepada kita, bukan masalah dan bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita tidak memilih asal usul masyarakat itu, asalkan mereka berasal atau pun duduk di kawasan luar bandar, mereka merupakan kumpulan sasaran kita dan kita sedang menjalankan aktiviti-aktiviti termasuklah menjalankan aktiviti kelas tabika, menjalankan kempen melalui program-program yang telah diperkenalkan oleh kementerian untuk cuba menolong kerajaan, masyarakat supaya masyarakat yang berasal dari luar bandar ini atau pun yang berada di kawasan luar bandar yang masih lagi mempunyai minda kelas ketiga ini dapat secara perlahan bertukar kepada mereka yang mempunyai minda yang kita kehendaki iaitu minda kelas pertama. Sekian.

**9. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar pertumbuhan Institusi Kewangan Islam di Malaysia antara tahun 2000 hingga tahun 2005 dan senaraikan lesen-lesen terbaru yang diluluskan untuk perbankan Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, secara keseluruhannya aset perbankan Islam mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 19 peratus di antara tahun 2000 hingga 2005. Pada tahun 2005, Industri Perbankan Islam terus mencatat prestasi yang kukuh dengan berjumlah aset meningkat 17.7 peratus kepada RM111.8 bilion berbanding

dengan RM95 bilion pada tahun 2004. pada masa yang sama, deposit dan pembiayaan secara Islam, masing-masing mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan.

Bagi deposit telah meningkat 15.1 peratus kepada RM83.9 bilion dan bagi pembiayaan telah meningkat 16.6 peratus kepada RM67.4 bilion. Keuntungan Industri Perbankan Islam juga telah meningkat 57.4 peratus kepada RM1.6 bilion pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 2004, RM988.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah meluluskan permohonan tujuh kumpulan perbankan konvensional yang dahulunya menjalankan perbankan Islam secara jendela untuk menubuhkan syarikat subsidi Islam khususnya yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1993. Iaitu RHB Islamic Banking Berhad, Commerce Tjari Bank Berhad, Heong Leong Islamic Bank Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, EONCAP Islamic Bank Berhad, AIM Islamic Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad. Bank Negara juga telah pun mengeluarkan tiga lesen perbankan Islam yang baru kepada Institusi Kewangan Islam asing dari Timur Tengah. Sehubungan dengan ini, Bank Islam asing pertama ialah Kuwait Finance House Malaysia Berhad yang memulakan operasi pada bulan Ogos 2005 manakala dua lagi Bank Islam asing iaitu Ar-Rajhi Banking dan An Investment Corporation Malaysia Berhad dan Asian Finance Bank Berhad masing-masing dijangka akan bermula beroperasi pada akhir tahun 2006, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah benar Kementerian Kewangan hanya layak untuk meluluskan lesen-lesen tetapi tidak ada kuasa untuk mengawasi bank-bank tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya ingat itu tidak benar sama sekali Tuan Yang di-Pertua kerana kita ada Akta Bank Negara dan juga Akta Bank Islam dan tiap-tiap bank di negara ini mesti mengikut perundangan yang sedia ada dalam bafia dan juga Akta Bank Islam. Kalau tak ikut, dia terpaksa menghadapi Bank Negara.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Dato' kata bahawa Bank Islam ini rugi kerana kes terpencil. Kerugian RM480 juta boleh dikatakan sebagai kes terpencil ini saya cukup hairan. Itu satu, yang kedua ialah apa lagi produk-produk kewangan Islam yang sudah dikeluarkan di negara kita ini? Sedangkan Singapura sudah umumkan dia akan memperluaskan sistem perbankan Islam apabila dia melihat kejayaan di Amerika yang berjaya menguasai pengguna dan pelabur dari negara-negara Timur Tengah.

Jadi saya rasa sistem pelaburan Islam pun tiada, dana harta Islam pun tak ada. Jadi bagaimana dalam isu kewangan Islam ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebut bahawa kerugian Bank Islam Malaysia adalah berpunca daripada aktiviti luar pesisir di Labuan. Itu memang berlaku lah dan sebenarnya Bank Islam di lain-lain operasi di dalam negara, dia untung. Dia untung. Jadi, memang itulah jawapan dia bahawa kerugian berlaku oleh kerana operasi di

luar pesisir yang bagi pinjaman kepada negara-negara luar jauh. Jadi, di luar kawalan. Itu oleh kerana masalah pentadbiran di Labuan. Bukan yang *the main*, bukan pentadbiran utama Bank Islam di Malaysia ini.

Yang keduanya tentang produk-produk perbankan Islam, memang sebenarnya Malaysia adalah penggerak utama kepada perbankan Islam, yang lain-lain Singapura dia cuba mengikutilah dan dalam pelan induk kita, memang kita hendak jadikan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam di seluruh dunia, di dunia dan untuk rancangan induk sektor kewangan Malaysia, *target* kita ialah hendak perluasan perbankan Islam kepada mengambil *market share* sebanyak 20 peratus daripada seluruh perbankan, *market share* 20 peratus dalam jangka masa tahun 2010.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah *market share* untuk perbankan Islam pada tahun 2005 ialah 11.8 peratus di mana potensi amat tinggi Tuan Yang di-Pertua.

**10. Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan untuk mempertingkatkan imej negara kita, apakah tindakan selaras dengan dasar-dasar WHO dan FDA yang telah dan akan diambil untuk memastikan wabak selesema burung (Bird Flu) dan wabak kuku dan mulut (Foot and Mouth Disease) tidak akan berlaku lagi di Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, penyakit selesema burung atau *Bird Flu* yang berlaku pada bulan Februari dan Mac 2006 di Wilayah Persekutuan, Perak dan Pulau Pinang telah berjaya dibasmi. Tindakan pemusnahan segera atau dengan izin *stamping out* telah dilaksanakan dengan berkesan dan pemantau selama tiga bulan selepas itu tidak mengesan apa-apa jangkitan lagi di kawasan tersebut dan kawasan-kawasan lain.

Selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia atau OIE yang merupakan organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam memantau kesihatan dan penyakit ternakan di seluruh dunia, Malaysia telah mengisytiharkan negara bebas penyakit selesema burung pada 22 Jun 2006 baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, laporan juga telah dihantar ke pejabat OIE di Paris berhubung dengan pencapaian status bebas ini.

Pihak OIE telah menyiarkan laporan tersebut menerusi laman *webnya* yang boleh dilayari oleh seluruh dunia. Selain itu, negara-negara yang menjadi rakan dagang hasil ternakan ayam dari Malaysia juga telah dihubungi dan dimaklumkan bahawa Malaysia sudah bebas daripada penyakit selesema burung. Tindakan pencegahan kini dilaksanakan bagi mengelakkan penyakit selesema burung daripada berulang semula dan di antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) meneruskan sekatan import ayam dan produk ayam dari negara yang mengalami wabak penyakit;

- (ii) meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk negara;
- (iii) mempertingkatkan keupayaan mengesan jangkitan dengan memperlengkapkan semua makmal veterinar dengan peralatan pengujian dan diagnosis;
- (iv) bersiap sedia dengan pasukan bertindak untuk melaksanakan operasi jika berlaku semula wabak penyakit;
- (v) memperlengkapkan pasukan bertindak dengan peralatan untuk menjalankan operasi yang diperlukan; dan
- (vi) memperkukuhkan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Berhubung dengan penyakit *Foot and Mouth Disease* (FMD), Malaysia telah mendapatkan pengisytiharan bebas penyakit FMD daripada OIE bagi negeri Sabah dan Sarawak. Manakala di Semenanjung pula usaha mengawal dan membasminya sedang dibuat. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

- (i) mengawal pemindahan ternakan dengan memastikan ternakan yang sihat sahaja dijual beli;
- (ii) meningkatkan tahap pelalian ternakan di negeri dan kawasan yang sering mengalami wabak menerusi pemvaksinan;
- (iii) meningkatkan kesedaran semua pihak terlibat dalam industri ternakan mengenai risiko penyakit dan bagaimana mengawalinya;
- (iv) menjalankan ujian darah bagi mengesan penyakit dan membenarkan ternakan negatif ujian sahaja dipindahkan;
- (v) melaksanakan sistem pengenalan ternakan atau dengan izin, *Malaysian Animal Tracking System* bagi memudahkan pengesanan ternakan; dan
- (vi) menggalakkan pengusaha ternakan meningkatkan *bio security* ladang.

Terima kasih.

**Datuk Dr Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah tentang jawapan yang lengkap dan komprehensif. Saya akui bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ambil tindakan yang baik untuk mengelakkan wabak-wabak ini berlaku di negara kita, dan syabaslah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi keadaan untuk mengiktiraf kebebasan wabak-wabak ini untuk penyakit *bird flu* dan FMD amatlah penting untuk negara kita, kerana kita sedang berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu rantau untuk pengeksporan makanan halal. Jadi imej negara untuk penyakit-penyakit ini amat penting jadi....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Dr Lee Chong Meng:** Soalan tambahan, apakah tindakan tentang pusat penyembelihan ayam *integrated poultry slaughtering centre* yang dicadangkan oleh pihak

Kabinet perlulah dilaksanakan di pusat bandar kerana apabila berlakunya wabak *bird flu*, ayam hidup akan dihantar daripada kawasan desa ke pusat bandar raya dan ini bahaya, kerana penyakit-penyakit atau virus yang akan dihantar daripada kawasan desa ke pusat bandar raya dan orang ramai akan dapat wabak ini. Dan inilah satu tindakan yang amat sesuai. Tetapi tadi Yang Berhormat jawab....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup-cukup Yang Berhormat. Soalan tambahan sudah jelas.

**Datuk Dr Lee Chong Meng:** Sedikit lagi. Jadi saya haraplah itu *integrated poultry slaughtering system* perlu dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Doktor di hadapan nama Yang Berhormat itu Doktor Veterinar ya?

**Datuk Dr Lee Chong Meng:** Doktor ayamlah. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi memang kita mengenali sangat Yang Berhormat Senator ini sebagai pakar dalam bidang ayam. *[Ketawa]* 'Doktor ayam' tu memang betul dan terima kasih banyak, jadi semasa kita membuat kempen memang kita ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat adalah seorang daripada yang menerajui kementerian dari segi promosi untuk kita meyakinkan rakyat, bahawa kita selamat, makan ayam ini adalah selamat. Dan kita ingin mengucapkan jutaan terima kasih termasuk cadangan Yang Berhormat itu memang telah diguna pakai, telah diluluskan di Kabinet dan memang kementerian dalam langkah untuk memastikan bahawa cadangan Yang Berhormat itu diguna pakai supaya jangan berlaku lagi apa yang telah berlaku baru-baru ini.

Di mana wabak itu telah kita kenal pasti, Yang Berhormat kata bukan sahaja daripada desa Yang Berhormat, kita dapati juga dari negara-negara jiran. Jadi memang apa Yang Berhormat cadangkan itu iaitu *Integrated* pusat penyembelihan ayam memang kita tidak hendak diadakan sembarangan sembelih sebarang di pasar-pasar, tetapi kita akan mengadakan satu pusat penyembelihan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**11. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk mengkategorikan telekomunikasi sebagai utiliti serta apakah dasarnya seperti mana air dan juga elektrik sejajar dengan aspirasi negara agar Malaysia menjadi pusat utama komunikasi serantau.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat menjelang tahun 2020 Malaysia akan menjadi negara maju dan pembangunan masyarakat bermaklumat menjadi teras utama yang mana akses dan aplikasi maklumat merupakan nadi utama pembangunan sosioekonomi. Di bawah My ICMS 886 iaitu rangka tindakan atau *blue print* untuk pembangunan

perkhidmatan informasi komunikasi dan multimedia untuk tempoh 2006-2010 kerajaan telah mensasarkan bahawa menjelang tahun 2010, 75% isi rumah akan menikmati perkhidmatan Jalur Lebar. Rangkaian komunikasi dengan keupayaan Jalur Lebar merupakan keperluan utama bagi penyampai pelbagai perkhidmatan.

Aplikasi dan kandungan kepada orang ramai dan industri. Justeru itu kementerian akan memberi perhatian yang serius kepada pengwujudan infrastruktur komunikasi di seluruh negara. Pada masa ini kemudahan elektrik dan air telah diiktiraf sebagai perkhidmatan perlu awam dengan izin, *essential services* dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) atau dengan izin, *Uniform Building By-Laws 1984 (UBBL)*. Peruntukan ini memastikan semua kawasan pembangunan hartanah disediakan dengan perkhidmatan elektrik dan air apabila hartanah diserahkan kepada pembeli. Berbanding dengan ini, perkhidmatan telekomunikasi tidak diiktiraf sebagai perkhidmatan perlu dan terpulang kepada pemaju-pemaju hartanah sama ada hendak menyediakan infrastruktur bagi perkhidmatan komunikasi.

Sekiranya ini dibiarkan matlamat kerajaan supaya diadakan kemudahan dan perkhidmatan komunikasi secara menyeluruh tidak akan tercapai. Dalam hal ini pihak kementerian sememangnya berhasrat untuk mengkategorikan telekomunikasi sebagai utiliti dan sedang berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminda beberapa undang-undang seperti UBBL, Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) untuk diselaraskan bagi memastikan perkhidmatan komunikasi diiktiraf sebagai perkhidmatan perlu awam, dan pihak pemaju hartanah menyediakan infrastruktur komunikasi di kawasan pembangunan masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu lengkap. Mungkin soalan saya kerana ketidakwajiban telekomunikasi buat masa ini dan pada masa yang sama beratus ribu rumah-rumah kos rendah sedang dibina, sudah dibina. Apakah tindakan kerajaan untuk menentukan bahawa golongan rakyat lebih-lebih lagi rumah kos rendah dan sederhana yang sudah siap agar mereka mendapat kemudahan *line* telefon serta juga berkaitan IT. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang menjadi dasar kerajaan dan kementerian ini untuk memastikan semua rakyat di negara ini mendapat nikmat terutamanya berhubung dari segi infrastruktur komunikasi. Oleh sebab itulah maka kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminda sikit akta, untuk membenarkan supaya telekomunikasi ini menjadi sebahagian daripada uliti yang disediakan oleh pihak pemaju. Dan berhubung dengan rumah-rumah kos rendah dan sebagainya kementerian telah menyarankan kepada syarikat-syarikat telefon yang ada di negara ini supaya tidak ada pengecualian diberikan kepada kawasan-kawasan yang terpinggir.

Dan bagi masyarakat di luar bandar pula, kementerian menggunakan dana USP Fund ataupun Universal Service Provision Fund, yang mana dana ini digunakan untuk memastikan kawasan-kawasan di luar bandar yang mana sekiranya mereka ini tidak mendapat liputan telekomunikasi dapat menikmati kemudahan ini dengan menggunakan bantuan daripada dana ini kerana kebanyakan *telco-telco* yang ada di negara ini tidak mahu membuat pelaburan di kawasan-kawasan terpencil khasnya luar bandar, kerana ini tidak menguntungkan mereka. Tidak ada pulangan ekonomi kepada mereka, maka kementerian ini telah meminta *telco* menggunakan wang dana daripada USP Fund supaya membolehkan masyarakat luar bandar juga tidak tercicir untuk menikmati pembangunan telekomunikasi yang ada di negara ini pada hari ini, terima kasih.

12. **Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah langkah Kementerian ini dalam memastikan bahawa klinik atau poliklinik desa dapat memberikan perkhidmatan terbaik terhadap masyarakat setempat dari segi peralatan dan kemudahan yang disediakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, peralatan dan kemudahan di klinik kesihatan atau klinik desa disediakan bergantung kepada kesesuaian berdasarkan kepada peruntukan yang telah disediakan dan akan mengikut keutamaan yang ditentukan oleh Jabatan Kesihatan negeri masing-masing. Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai senarai peralatan yang diperlukan dan kemudahan piawaian yang diguna pakai sebagai panduan. Sekian.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara perbandingan saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat, jika dibandingkan dengan negara-negara maju, apakah nisbah yang sesuai bagi sesuatu penduduk di dalam mengimbangi antara klinik dengan penduduk bagi memastikan perkhidmatan yang efektif dapat diberikan kepada masyarakat setempat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nisbah antara klinik dengan penduduk Yang Berhormat.

**Dato' Lee Kah Choon:** Nisbah yang kita gunakan adalah bergantung kepada beberapa aspek. Di antaranya adalah kepadatan penduduk di sesuatu tempat. Di Malaysia ini kita ambil panduan sebagai 25,000 orang penduduk dalam satu kawasan untuk mengadakan satu klinik dan kita kena tengok juga bahawa keluasan tanah yang kita ada di sesuatu tempat. Dan panduan kita adalah lebih kurang satu klinik di satu daerah lima kilometer *radius*. Ini adalah panduan untuk kita, untuk mengadakan satu klinik iaitu klinik kesihatan atau klinik desa di negara kita. Tetapi puratanya bukan senang untuk dijalankan di seluruh negara kerana di Semenanjung Malaysia ini, keluasan tanah adalah lebih kecil tetapi di Sabah dan Sarawak, keluasannya adalah

lebih besar dan kita akan mengambil panduan ini sebagai satu *just stick* untuk kita mengadakan klinik yang kita adakan di negara kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa bangun dulu tadi? Tadi Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus ada bangun, ataupun Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani kerana Yang Berhormat adalah penanya asal soalan.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Dipertua. Saya memohon agar Menteri Kesihatan membekalkan peralatan dan kepakaran yang sama atau hampir sama antara kemudahan yang dibekalkan di Poliklinik di bandar atau di luar bandar. Jangan jadi seperti kes dua hari yang lepas, tiada pakar di hospital kerajaan yang menyebabkan kematian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada soalan tambahan, cuma Yang Berhormat ambil perhatian sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Siw Chun.

13. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan MyKad palsu yang dapat dikesan sehingga Mac 2006 di negara kita dan apakah kaedah-kaedah yang akan digunakan bagi menangani masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini tiada kes MyKad palsu di kesan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Cumanya setakat ini JPN atau Jabatan Pendaftaran Negara telah mengesan 96 MyKad yang diubahsuai permukaannya atau di *tampered* dengan izin, dengan meminda butiran dan menukar gambar di permukaan MyKad asal. Biasanya dalam kes sebegini, maklumat sebenar dalam cip MyKad asal tersebut dengan sengaja dirosakkan supaya tidak dapat dibaca oleh pihak berkuasa. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa berusaha membendung jenayah ini dengan pelbagai cara dan di antaranya ialah:

- (i) Memberi penerangan dan ceramah mengenai pengecaman dokumen yang di keluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan membekalkan alat-alat pembaca MyKad seperti *Key Ring Reader* serta *Mobile Card Acceptance Device* kepada jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi penguat kuasa kerajaan termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan supaya memudahkan agensi berkenaan membacakan cip MyKad dalam proses pengecaman kad pengenalan tulen.
- (ii) *Agency Link-up System (ALIS)* yang menghubungkan beberapa agensi kerajaan secara *online* seperti JPJ, PDRM, Tabung Haji dan JIM diwujudkan bertujuan untuk memudahkan agensi-agensi yang terlibat dengan sistem ini untuk mengenal pasti kewujudan rekod kad

pengenalan orang yang datang untuk berurusan dengan agensi berkenaan. Bagi mereka yang didapati menggunakan kad pengenalan palsu di mana rekodnya tiada di dalam sistem ini, mereka tidak dapat membuat sebarang urusan dengan agensi berkenaan dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

- (iii) Pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan sedia ada pada MyKad terutamanya menambah membaiki ke atas kualiti salutan permukaan MyKad dan mempertingkatkan lagi teknologi cip MyKad. Ketulenan MyKad dapat dikesan dengan menggunakan peralatan-peralatan seperti berikut:-
- (a) *Mobile Card Acceptance Device*;
  - (b) *Key Ring Reader*;
  - (c) Lampu ultra violet;
  - (d) Kanta pembesar; dan
  - (e) Pemeriksaan fizikal berdasarkan ciri-ciri keselamatan MyKad dan merujuk kepada rekod-rekod jabatan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati selepas saya beralih ke soalan berikutnya, sila.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat bertanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada Timbalan Yang di-Pertua dengan kerjasama dan kemampuan kedua-dua belah pihak kita dapat terus ke pertanyaan yang ke 13. Tujuan kita menghabiskan sebanyak mungkin pertanyaan ialah supaya terserlah kemampuan kerajaan untuk jadi *accountable* kepada rakyat. Kalau kita lari daripada pertanyaan, bermakna seolah-olah kita tidak mahu jadi *accountable* kepada negara dan rakyat. Itulah sebab Dewan ini cuba membereskan sebanyak mungkin pertanyaan. Namun kerana hari ini, pertanyaan dan jawapan padat, tapi komprehensif, itu susah itu, formula hendak cari padat dan komprehensif, bukan meleret-leret kita dapat selesaikan sebanyak perkara mungkin pada hari ini, kita paparkan kepada negara kerajaan ini adalah sebagai pemerintah yang rela *accountable*. Sila.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat keliru apabila jawapan daripada Setiausaha Parlimen dengan keratan akhbar yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 2 Julai yang menyatakan bahawa laporan kehilangan MyKad sejak 2003 sehingga 2005 didapati hampir 2.2 juta. Bermakna 2.2 juta kehilangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka pertanyaannya?

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Kehilangan MyKad. Jadi saya hendak tanya, berapakah *charge* ataupun denda maksimum yang dikenakan kepada pemohon-pemohon bagi membuat MyKad bagi kali kedua, ketiga dan seterusnya, dan adakah pihak kerajaan menjalankan siasatan yang terperinci sebelum permohonan itu diproses untuk memastikan tiada unsur penipuan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita sedar jumlah kehilangan MyKad sehingga kini memanglah besar jumlahnya...

Berbanding dengan jumlah MyKad yang telah dikeluarkan sebanyak 18,937,333 di mana yang dilaporkan hilang ialah 2,127,965. Soalan yang ditanya tadi ialah mengenai MyKad yang palsu bukan yang hilang. Jadi walau bagaimanapun pihak kerajaan, pihak kabinet telah meluluskan permohonan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menaikkan kadar bayaran bagi pemegang-pemegang MyKad yang hilang MyKad dan memohon untuk mendapat semula MyKad. Kehilangan kali yang pertama bayaran yang dikenakan ialah RM100, untuk kali kedua RM200 dan kali ketiga RM300 dan bagi pemegang-pemegang MyKad yang hilang bagi kali yang ketiga, kad mereka akan ditahan dan pemeriksaan teliti akan dibuat oleh pihak JPN sebelum MyKad baru dikeluarkan kepada mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Nor Hayati kemudian saya akan beralih kepada soalan yang berikutnya pertanyaan nombor 14.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya seorang sahaja berhak nampak jam, orang lain tidak berhak nampak jam jangan tengok.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengemukakan soalan kepada kementerian sama ada mungkin besar kemungkinan kerana kualiti MyKad ini tidak begitu baik yang menjadikan banyak pemalsuan terjadi. Saya ingin menanyakan sama ada kementerian ada bercadang untuk menaikkan taraf kualiti MyKad yang ada sekarang ini yang kita lihat boleh patah dan mudah terkopek, mudah terkopek sampai dua, tiga ini dan apakah pembayaran akan dikenakan sekiranya MyKad ini rosak, bukan hilang tetapi rosak. Adakah bayaran juga dikenakan dan bila agaknya kalau boleh kementerian menaiktarafkan supaya menjadi lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, tadi saya telah menjelaskan bahawa pihak kementerian sentiasa memberi perhatian

untuk mempertingkatkan ataupun menambah pembaikan ke atas kualiti MyKad yang dikeluarkan dan kita dalam proses dan untuk MyKad yang dirosakkan ataupun MyKad yang rosak sekarang ini belum dikenakan sebarang denda tetapi kalau didapati secara sengaja tindakan akan diambil. Terima kasih.

14. **Tuan Hii Tiong Kuoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jenis makanan yang dijual di kantin sekolah, khasnya sekolah rendah bersesuaian dengan pertumbuhan dan kesihatan kanak-kanak atau adakah pihak Kementerian menentukan senarai barang yang boleh atau tidak boleh dijual di kantin tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama mengadakan kantin di sekolah adalah untuk menyediakan makanan yang berkhasiat kepada murid-murid bagi kepentingan tumbesaran dan perkembangan dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial, semasa mereka berada di sekolah adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah dan pengusaha kantin bagi memastikan makanan yang seimbang, bersih, selamat, berkhasiat, segar dan mengenyangkan sahaja dijual di kantin sekolah.

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan buku garis panduan pengurusan kantin sekolah yang diterbitkan pada tahun 2004. Buku panduan ini telah diedarkan ke semua sekolah bagi dijadikan panduan dalam pengurusan kantin sekolah dengan berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Bab 3 buku panduan tersebut telah dihuraikan secara terperinci dari segi dasar penyediaan makanan yang berkhasiat dengan bantuan kepakaran pegawai zat makanan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Pelajaran juga telah mengeluarkan dua Surat Pekeliling Ikhtisas atau SPI bagi memberi panduan kepada pengurusan sekolah untuk mengendali pengurusan kantin sekolah iaitu Bil 6/1976, Panduan Untuk Menjaga Kesihatan Murid dan Kebersihan Kantin Sekolah dan yang nombor dua Bil 1/1981, Jualan Makanan dan minuman di Kantin Sekolah Untuk Murid Berbilang Agama.

Di samping itu juga pihak pentadbiran sekolah sentiasa memantau setiap masa perjalanan pengurusan kantin dan tindakan-tindakan segera akan diambil kepada pengusaha kantin jika terdapat sebarang ketidak akuran pelaksanaan dan penyajian makanan seperti yang telah ditetapkan. Untuk mengawal dari aspek kebersihan pihak sekolah juga mendapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya sementara memantau kualiti makanan di kantin-kantin sekolah adakah kementerian juga memantau harga barang-barang ataupun barang-barang makanan yang dijual di kantin-kantin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam usaha peningkatan mutu yang berterusan saya harap Yang Berhormat guna perkataan pertanyaan bukan soalan.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Garis panduan yang saya telah sebutkan tadi memberi kepentingan daripada pengurusan kantin dari segi kebersihan diri, tempat masak dan sebagainya dan juga senarai makanan yang telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu makanan yang sesuai yang tidak digalakkan dan dilarang tetapi pada masa yang sama Kementerian juga memantau dari segi harga-harga yang berpatutan di kantin supaya dapat, kanak-kanak sekolah dapat membeli makan dan minum dan sekiranya ada aduan bolehlah dikemukakan kepada Kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat masa cukup. Setidak-tidaknya hari ini kita boleh akhiri masa pertanyaan ini dengan perasaan dalam dada kita *a job well done*.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah. “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[24 Julai 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi sila sambung ucapan.

**11.37 pg**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kita melihat sekarang ini persaingan untuk masuk ke IPTA semakin meningkat kerana ramai yang lulus dalam peperiksaan. Akibatnya mereka yang tidak dapat meneruskan pengajian ini, pilihan yang ada pada mereka ialah untuk masuk ke IPTS tetapi dengan kos pendidikan yang semakin mahal dan masih ramai orang yang berpendapatan rendah, yang miskin dan sebagainya maka sudah tentulah yayasan-yayasan seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman ini amat diperlukan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan pendidikan ini.

Sebab itu Yayasan ini perlu diperkuatkan dan kita banyak yayasan lain seperti Yayasan Pendidikan Cheras pun ada kena bantu juga supaya ini dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan pendidikan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenapa Yang Berhormat pilih untuk sebut Yayasan Pendidikan Cheras itu sebagai contoh malah ada 1001 lagi contoh yang lain.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Sebab selalu Tuan Yang di-Pertua dia selalu keluar dalam surat khabar, Perdana Menteri pun dia jemput Timbalan Perdana Menteri pun dia jemput kemudian hantar pula kepada kami setiap bulan laporan majalahnya itu tentang Yayasan

Pendidikan Cheras sebab itu saya kena sebutlah. Tuan Yang di-Pertua kalau kita hendak bergantung pada bank memang rumit sebab bank ini *interest* tinggi syarat pun ketat. Kemudian bila ambil tindakan pun ketat macam hendak memburu penjenayah.

Jadi sebab itu Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah cukup penting cuma saya hairan kenapa Yayasan ini agak *low profile* dan kita kadang-kadang macam tidak tahu apa perkembangannya. Mungkin kerana jumlah pelajar yang menerima bantuan daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah terlalu kecil maka sebab itulah dia tidak kontroversi dan *low profile* dan saya hairan bahawa hari ini kita akan meluluskan satu Rang Undang-undang tetapi disebut bahawa ia telah mula dikuatkuasakan pada bulan Mac 2004. Jadi saya tidak tahu apa sebabnya perkara ini berlaku apakah ada perkara yang hendak disorokkan atau dan sebagainya. Ini saya rasa perlu penjelasan dan apakah ini yang menyebabkan laporan yayasan ini untuk tahun 2005 tidak dikeluarkan?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Hendak bagi jalan?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, sila.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Mungkin Yang Berhormat, tahun 2004 ia dalam Kementerian Pendidikan. Sekarang ini kita hendak minta dipinda supaya ianya dipindahkan ke Kementerian Pengajian Tinggi. Itu yang dimaksudkan tadi bahawa wujud tahun 2004 *under* kementerian lain. Kalau hendak pinda hendaklah di bawah kementerian yang baru. Itu penjelasannya. Apa pandangan Yang Berhormat? Setuju atau tidak setuju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terdapat banyak yayasan dalam negara kita tetapi inilah di antara mungkin satu-satunya atau beberapa yayasan sahaja yang lahir, yang wujud daripada satu Akta Parlimen diperbadankan di bawah satu Akta Parlimen demi menyanjungi dan mengingati dan menghormati Bapa Kemerdekaan. Ahli-ahli Yang Berhormat harus ambil maklum terhadap hakikat ini apabila membahas rang undang-undang ini. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, saya setuju Tuan Yang di-Pertua sebab kalau tidak salah saya bahawa Akta Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sudah wujud pada tahun 1966 memang sudah begitu lama kerana hendak menjaga nama baik Bapa Kemerdekaan kita inilah saya bersetuju bahawa kita harus memberikan perhatian bahawa yayasan ini mestilah *transparent*, telus dan sebagainya supaya tidak menimbulkan satu kesan buruk kepada nama seorang tokoh yang cukup penting yang telah membawa kemerdekaan kepada negara kita. Seorang tokoh yang disenangi oleh semua kaum. Seorang tokoh yang berjaya untuk memujuk Chin Peng untuk berunding di Baling. Sebab itu.. .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dalam Bahasa Inggerisnya disebut "*The Founding's Father*".

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya. Bahkan Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya juga bersetuju bahawa Tunku Abdul Rahman ini juga sepatutnya dikenali sebagai pengasas

sebuah negara bangsa, bukan setakat kepada Bapa Kemerdekaan tetapi dia juga sebagai seorang pengasas sebuah negara bangsa sebenarnya. Sebab itulah dalam sesetengah keadaan saya bersetuju dengan sikap tegasnya terhadap Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura yang ketika itu terlalu ultra sebenarnya dalam soal hubungan Singapura dengan Malaysia sebelum Singapura disuruh keluar daripada gagasan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah berdasarkan apa yang disebutkan oleh Datuk Haji Rizuan tadi saya ingin tahu oleh kerana tidak ada laporan 2005, maka saya ingin tahu berapa ramai pelajar yang mendapat biasiswa ataupun pinjaman daripada yayasan ini pada tahun 2005 dan berapakah kos pengurusan sebenarnya yang telah dikeluarkan untuk menguruskan yayasan ini iaitu baik dari segi pekerja-pekerjanya, baik dari segi bayaran elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah dan sebagainya. Saya ingin tahu untuk tahun 2005 ini, iaitu berapa yang sudah dibelanjakan dari segi pengurusan dan berapa ramai pelajar yang mendapat biasiswa dan dalam bidang-bidang apa.

Satu lagi ialah apakah keistimewaan yang yayasan ini dapat baik dari segi geran, baik dari segi saham dan aktiviti-aktiviti untuk mengukuhkan yayasan ini. Saya harap dapat diperjelaskan juga iaitu apakah sumber utamanya. Apakah ia telah mendapat bantuan daripada mana-mana sumber tertentu? Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tentang Yayasan Pendidikan Cheras sebab saya tengok, saya baru terbaca sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Petronas ini untung dekat RM70.2 bilion. Jadi apa salahnya...

Tuan Yang di-Pertua, Petronas memang ada yayasan dia, Yayasan Petronas, tidak salah saya. Tetapi apa salahnya bagi juga kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Diperkuatkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini supaya dia dapat memberikan sumbangan yang lebih besar sebagai mengingati jasa bekas Perdana Menteri kita ini. Oleh kerana itu saya ingin membangkitkan soal fokus Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Saya berharap, pertama barangkali penumpuannya ialah memberikan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang kritikal sahaja.

Contohnya adalah dalam bidang *aero* angkasa. Kita tahu bahawa tidak lama lagi kita akan menghantar angkasawan kita untuk pergi ke angkasa lepas di bawah program bersama dengan Rusia. Jadi apa salahnya penumpuan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sesuai dengan nama yang begitu besar iaitu ditumpukan bidang-bidang yang seumpama ini, itu satu.

Yang kedua barangkali ialah soal menguasai teknologi automatif. Teknologi automatif ini cukup penting sebab sekarang ini yang menjadi persoalan kita, apakah sebenarnya kita berjaya memindahkan teknologi automatif ini daripada Jepun kepada kita ataupun setakat mengeluarkan barang-barang *spare part* dan pemasangan kereta sahaja. Bagaimana dari segi kemampuan penguasaan teknologi kejuruteraan enjin, maka ini saya fikir harus menjadi tumpuan kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini iaitu fokus kepada bidang-bidang yang kritikal.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang soalan jumlah yang dikeluarkan biasiswa ataupun pinjaman kepada pelajar. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat juga berkaitan dengan pengurusan sesuatu badan kewangan dari segi pengeluaran pinjaman, sudah pasti akan berhadapan dengan masalah-masalah. Kalau kita tengok PTPTN berhadapan dengan kesulitan untuk menuntut kembali pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada pelajar dan bagaimana pula status Yayasan Tunku Abdul Rahman dari segi pengurusan kewangan ini, adakah yayasan sendiri berhadapan dengan peminjam-peminjam yang enggan membayar kembali pinjaman tersebut.

Yang kedua saya ingin juga mendapat pandangan Yang Berhormat ataupun dijadikan soalan, bagaimana juga pembahagian dari segi pemberian biasiswa ataupun pinjaman kepada pelajar IPTA atau IPTS ataupun pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, saya setuju jika sekiranya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dijadikan sebahagian daripada soalan saya kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Sebab itu saya katakan tadi bahawa yayasan ini seperti *low profile*. Kita tidak tahu sangat perkembangannya. Tetapi apa yang saya faham Tuan Yang di-Pertua, bahawa yayasan ini agak sedikit efisien dari segi mempercepatkan proses pinjaman. Saya tahu sebab pernah seorang pelajar yang ingin melanjutkan pengajiannya dalam bidang perubatan, dia memohon surat sokongan daripada saya dan dibawanya kepada yayasan ini dan dia mendapat kelulusan dalam waktu yang begitu singkat sahaja.

Saya tidak tahu, ini mungkin kerana bidang tersebut atau mungkin kerana surat saya ini memang ada *power*, saya tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi maksudnya, memang cepat diproses permohonan tersebut. Saya kalau.. .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengikuti hujah dan perbahasan Yang Berhormat. Sementara menjuruskan kepada soal-soal pinjaman dan kuasa dan kecepatan kelulusan, saya tertanya-tanya kerana tidak dapat merujuk kepada Akta Ibu pada detik ini. Apakah matlamat, apakah hikmah, apakah muslihat, apakah tujuan di sebalik diperbadankan sebuah yayasan bernama Yayasan Tunku Abdul Rahman di bawah satu Akta Parlimen? Apakah matlamat yang dikejar di sini? Adakah di antaranya soal perpaduan kaum?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang merujuk kepada Akta Ibu tentang penubuhan yayasan ini memang tujuannya ialah pertama berdasarkan kepada Akta Ibu tersebut ialah untuk mengiktiraf sumbangan besar Tunku Abdul Rahman, maka diwujudkanlah satu yayasan yang tujuannya nanti untuk memberikan bantuan pendidikan kepada rakyat Malaysia. Sebab itulah dia diletakkan di bawah satu kementerian dan diurus oleh kerajaan sebenarnya. Sebab penghormatan kerajaan terhadap sumbangan Tunku

Abdul Rahman. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Yayasan ini walaupun di peringkat awal dilihat banyak menumpukan kepada bantuan kepada pelajar-pelajar bumiputera, tetapi akhirnya, dia berkembang hingga ke hari ini, yayasan ini memberikan bantuan pinjaman kepada semua kaum kerana untuk kita melihat dan menghormati bahawa Tunku Abdul Rahman adalah seorang tokoh pemimpin yang disenangi oleh semua pihak, semua kaum dan sebagainya. Kerana itulah, dengan sebab itulah maksudnya kenapa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini diperbadankan dan diluluskan di Parlimen tentang kewujudannya. Saya yakin, itulah matlamatnya.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya selain daripada soal kita fokus iaitu bahawa biasiswa dan pinjaman ini diberikan untuk kursus-kursus yang kritikal kepada kursus-kursus yang diiktiraf dan universiti yang diiktiraf. Saya fikir sudah sampai masanya, seperti yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua, iaitu sudah sampai masanya bahawa peranan Yayasan ini diperluaskan supaya manfaatnya itu lebih dirasakan oleh semua pihak, semua golongan, sesuai dengan nama Tunku Abdul Rahman yang cukup besar dan cukup penting ini.

Maka sebab itulah, pertama saya ingin mencadangkan jumlah penerima biasiswa ini mestilah ditambahkan, dipertingkatkan. Yang kedua ialah Yayasan ini mesti melakukan *extension* dari segi peranannya. Sebagai contohnya ialah, barangkali mewujudkan ataupun mengadakan program-program motivasi ataupun pusat-pusat motivasi yang meningkatkan semangat patriotisme, semangat nasionalisme kepada semua kaum di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pernahkah Yang Berhormat terdengar nama '**Rhodes Scholarship**' yang dinamakan demi menghormati '**Cecil Rhodes**' yang menjadi salah seorang daripada pengasas negara Afrika Selatan?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hanya *tenable* di Oxford.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tidak, tidak, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi di negara kita, kita ada Cox Foundation dan berbagai-bagai lagi tokoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bill Clinton ialah seorang '**Rhode Scholar**' dihantar ke Oxford di bawah biasiswa biaya Amerika dari Universiti Oxford. Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya,

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita mahu Yayasan Tunku Abdul Rahman, biasiswanya menjurus ke taraf tersebut.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Itu saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya sebut tadi bahawa fokus asasnya ialah mestilah bidang kritikal dan pelajar-pelajar itu maksudnya adalah pelajar-pelajar yang masuk ke universiti yang terpilih, i yang diiktiraf dan yang ada prestij. Cuma saya memikirkan supaya orang dapat merasakan nikmat daripada sebuah Yayasan yang sebegini penting, jika perlu ada *extension* kepada peranan Yayasan ini. Antara yang saya sebut tadi ialah mewujudkan satu program-program kesedaran, kursus-kursus

kesedaran kepada anak-anak kita ini, pelajar-pelajar muda kita ini untuk memahami sebenarnya, apakah perjuangan Tunku? Apakah sebenarnya yang dibawa oleh Tunku?

Dengan kata lain, dengan adanya semangat daya saing, patriotisme, nasionalisme, maka kecintaan kepada negara itu akan bertambah dengan adanya program-program seperti ini? Kalau tidak pun kita hendak membuat seperti PTPTN, Tuan Yang di-Pertua, sebab PTPTN ini, dia memang mengeluarkan pinjaman yang cukup besar.

Tetapi sekurang-kurangnya saya merasakan bahawa perkara-perkara yang *basic* seperti pinjaman komputer, mungkin boleh difikirkan sebagai *extension* kepada peranan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Tetapi mestilah dipantau dengan baik terutama pelajar luar negara, bila dia dapat pinjaman komputer dan sebagainya, biasanya dia akan membeli *hi-fi* dan sebagainya. Sebab tak dipantau, ya! Kenapa saya merasakan bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah cukup penting untuk kerajaan menambahkan sumbernya? Seperti mana yang saya sebut tadi, daripada sumber Petronas dan sebagainya. Sebab dia sudah berpengalaman, sudah wujud lama, sudah ada nama dan sudah ada sistem, dan sudah ada kreativiti. Jarang kita mendengar masalah yang berlaku kepada Yayasan ini. Sebab dia adalah satu Yayasan, satu amanah sebenarnya. Dia bukan wujud sebagai satu tabung biasa, tapi atas nama yayasan.

Maka sebab itulah, saya berharap kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi ini, supaya memberikan sokongan dan tumpuan yang lebih besar kepada Yayasan ini sesuai dengan namanya itu. Sesuai dengan kredibiliti, sesuai dengan pengalamannya yang sudah begitu lama. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini juga perlu menyediakan geran-geran dalam bidang *Research and Development* (R&D), iaitu terutamanya dalam mewujudkan apakah modul-modul pengajaran untuk meningkatkan lagi kerjasama kaum di negara kita ini. Baru-baru ini kita lihat, timbul masalah tentang penggunaan buku rujukan, *guide book* untuk mengajar mata pelajaran hubungan ras di negara kita, yang menimbulkan kontroversi.

Jadi, apa salahnya Yayasan Tunku Abdul Rahman ini, seperti mana yang saya sebut tadi bahawa dengan ketokohnya yang dilihat sebagai orang yang mengutamakan kepada perpaduan kaum. Maka dia perlu mengeluarkan geran ini, geran untuk melakukan *research* supaya melahirkan buku-buku rujukan yang boleh diterima pakai dan benar-benar memberikan didikan sejarah, pengajaran sejarah, pengetahuan sejarah dan penghayatan sejarah terhadap perjuangan kita untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara yang bersatu-padu berasaskan kepada rakyat yang berbilang kaum ini. Saya rasa ini sebenarnya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat lima rang undang-undang selepas rang undang-undang ini, yang terpaksa kita bahaskan menjelang Dewan ditangguh pada

hari Khamis nanti. Di antaranya adalah beberapa rang undang-undang yang cukup penting termasuk Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah, bersekali yang pertama kali dalam sejarah, mungkin demokrasi berparlimen di Malaysia dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Bermakna Parlimen di Malaysia di ambang mencapai usia 50 tahun sudah selangkah lagi bangun ke arah kematangan. Jadi mungkin kita perlu masa yang panjang untuk membahas rang undang-undang tersebut. Jadi, selepas ini boleh saya dapat tahu, berapa orang lagi yang nak membahas mengenai Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini?

**Tuan Lee Sing Chooi:** *[Bangun]*.

**Tuan M. Munusamy:** *[Bangun]*.

**Datuk Haji Rizuan Hamid bin Abd. Hamid:** *[Bangun]*.

Jadi, terdapat ramai ahli, saya terpaksa mengehendkan masa kepada 10 minit lebih kurang seorang, dan mohon kerjasama Yang Berhormat untuk menggulung perbahasan. Menyimpulkan, kerajaan akan menggulung. Buat kesimpulan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, saya akan ringkaskan 10 minit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah, saya mengharapkan, pertama tentang kriteria. Kriteria untuk kita memilih pelajar ini tadi, yang akan menerima biasiswa ini, mestilah kriteria yang berasaskan bahawa mereka ini menerima biasiswa itu kerana kecemerlangan mereka dan di samping itu ialah kerana ketidakmampuan mereka untuk mendapatkan pinjaman di tempat lain dalam keadaan latar belakang kemiskinan, latar belakang keluarga dan pendapatan yang begitu rendah. Tetapi dia mempunyai keputusan yang cemerlang dan bidang kritikal yang ingin diambalnya. Maka, kriteria ini mestilah menjadi asas kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman ini.

Di samping itu, saya mengharapkan bahawa apabila mereka ini menerima biasiswa, tadi ada ditimbulkan soal pembayaran dan sebagainya, maka kita berharap yayasan ini dalam soal untuk mengutip hutang pinjaman biasiswa ini mestilah melakukannya dengan cara yang berhemah, iaitu tegas tetapi jangan sampai maksudnya mereka ini hendak dibankrapkan dan sebagainya terutamanya tekanan terhadap penjamin-penjamin ini. Saya harap perkara ini menjadi perhatian kepada yayasan ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu sebenarnya bagaimanakah Ahli Lembaga Pengarah ini dipilih dan dilantik untuk duduk di dalam yayasan ini, sebab kita sering melihat dan mendengar tentang kes yayasan-yayasan yang telah disalahgunakan, yang dieksploitasi oleh orang-orang tertentu yang menyebabkan akhirnya yayasan itu menghadapi masalah. Sebab yayasan biasanya akan mendapat banyak keistimewaan dari segi geran, saham dan sebagainya dan peluang-peluang yang lain.

Oleh kerana itu, kita tidak mahu bahawa Ahli Lembaga Pengarah ini mengambil kesempatan daripada yayasan ini untuk tujuan yang lain dan lari daripada fokusnya sebagai sebuah yayasan yang mempunyai nama yang cukup penting, yang mempunyai peranan untuk memberikan pinjaman kepada mereka yang memerlukan. Jadi soal pelantikan Ahli Lembaga Pengarah ini saya harap dapat diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini oleh kerana yayasan ini adalah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini sudah pun menubuhkan satu skim baru iaitu Skim Simpanan Pendidikan Negara (SSPN) yang juga diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi saya agak risau sedikit kerana setakat ini baru lebih kurang 42,000 orang yang menyertai skim ini dan 70% daripadanya hanya menabung untuk RM20 sahaja, dan yang lain itu sebanyak 30% RM100. Jadi apakah puncanya dan apakah kerajaan tidak mempunyai insentif tertentu ataupun cara, kaedah tertentu untuk menggalakkan orang menyertai tabung SSPN ini sebagai satu lagi alternatif untuk kita berhadapan dengan masalah pendidikan yang semakin mahal di negara kita, dan ini perlu diberikan perhatian selain daripada barangkali Kementerian Pengajian Tinggi ini menggalakkan badan-badan tertentu untuk mewujudkan juga yayasan-yayasan seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman, dan ada nama-nama lain yang barangkali boleh diberi perhatian seperti Yayasan Dato' Onn ataupun Perdana Menteri yang sebelum daripada ini, juga kita boleh wujudkan yayasan atas nama mereka. Tetapi mereka mestilah mengkhusus dalam bidang-bidang tertentu sesuai dengan nama mereka supaya nanti jangan ada pertindihan dari segi pemberian biasiswa ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi dan Datuk Haji Rizuan ya? Dan Tuan M. Munusamy. Sepuluh minit seorang.

### 12.03 tgh.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang satu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada pindaan yang diminta iaitu Seksyen 2 dan Seksyen 5. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 2 "Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996" [Akta 389]...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon maaf Yang Berhormat. Saya mohon barisan kerajaan bersedia untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006. Sila teruskan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang disebut Akta Ibu dalam akta ini dipinda dengan Seksyen 2 dengan takrif "*Minister*" dengan menggantikan perkataan "*Minister of Education*" dengan "*Minister of Higher Education*". Serupa juga dengan

pindaan Seksyen 5. Pindaan ini juga diminta dalam fasal 1 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, nama kementerian sudah dipinda-pinda. Sebelum ini Kementerian Pengajian Tinggi yang dipertanggungjawab oleh Kementerian Pelajaran selepas itu Kementerian Pendidikan, selepas itu Kementerian Pelajaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini penting Yang Berhormat sebut nama kementerian dipinda-pinda, adakah ini semata-mata pindaan kepada nama atau kerana bidang tugas itu begitu luas dibahagi-bahagikan yang dahulunya hanya tanggungjawab satu kementerian sekarang ini sebab bidang itu begitu luas, dibahagi-bahagikan kepada dua kementerian. Maka berlakulah perubahannya.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin sebab yang pertama. Dahulu Kementerian Pelajaran daripada rendah sampai pengajian tinggi itu dipertanggungjawabkan kepada satu kementerian dan nama kementerian itu pun berubah-ubah sebelum itu dan sekarang ini Kementerian Pengajian Tinggi itu dipertanggungjawab oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Yang saya hendak tanya kerana juga di dalam rang undang-undang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka terdapat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pengajian tinggi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Itu beberapa peringkat pelajaran yang berada di negara kita dan cara untuk meminda satu undang-undang sekarang ini yang dibentangkan di sini memilih secara spesifik "*Minister of Education*" ditukar kepada "*Minister of Higher Education*", ini spesifik. Ini adalah kelemahannya. Kalau kementerian itu ditukar, kita kena balik ke Dewan ini dan tukarkan nama spesifik ini. Oleh kerana apa yang berlaku dahulu Kementerian Pengajian Tinggi itu dipertanggungjawab oleh beberapa kementerian. Dahulu Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelajaran. Sekarang ini Kementerian Pengajian Tinggi. Kalau lain kali kita ubahkan nama kementerian maka kena balik ke Dewan untuk mengubah nama kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah ini sesuatu yang tidak dapat dielakkan, sesebuah kementerian itu wujud kerana kerja terpaksa dibuat dan kerja itu dibuat di bawah beberapa undang-undang dan yang diletakkan untuk kementerian itu melaksanakan kerja di bawah undang-undang berkenaan. Apabila kita bahagi-bahagikan tugas, terpaksa berlaku beberapa anomali atau percanggahan yang mana akta-akta berkenaan terpaksa dibawa balik untuk dipinda sedikit sebanyak supaya penyelarasan jitu berlaku.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cara untuk menangani perubahan-perubahan ada cara yang lain yang boleh juga....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sampuk tadi sebab untuk menekankan perbezaan sesuatu yang terpaksa berlaku secara lumrah dengan sesuatu kelemahan. Jadi saya tidak mahulah perkara ini dilihat sebagai satu kelemahan dalam perjalanan sistem pemerintahan negara kita.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu kelemahan dalam sistem pemerintah atau lebih telus ini adalah kelemahan dalam mendrafkan akta kerana rang undang-undang yang akan dibentangkan sebentar lagi atau dua tiga hari....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun saya boleh pertikaikan sebab mereka yang menggubal atau mendrafkan rang undang-undang pada beberapa tahun dahulu tentu tidak menjangka pada satu hari nanti akan wujud sebuah kementerian yang dinamakan Kementerian Pengajian Tinggi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Dia ada satu cara yang lain Tuan Yang di-Pertua seperti yang di....

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti kata dengan izin, *therefore it cannot be a weakness in drafting.*

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang yang akan dibentangkan dua dan tiga ini, Akta Profesion Undang-undang 1976. Yang menteri itu, dia ada menteri juga jadi dia ada pindaan. Menteri ertinya menteri yang bertanggungjawab bagi undang-undang, ini satu cara yang lain. Kalau Akta ini dipinda dengan menteri yang bertanggungjawab bagi Kementerian Pengajian Tinggi maka bila-bila pun nama kementerian itu ditukar, Akta ini tidak payah ditukar.

Ini adalah satu cara yang lebih efektif seperti yang dicadangkan oleh Akta Profesion Undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ubahkan dengan menteri yang bertanggungjawab bagi Kementerian Pengajian Tinggi, maka siapa menteri yang bertanggungjawab bagi Kementerian Pengajian Tinggi itu, dialah bertanggungjawab atas Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah syarat yang lebih efektif dan tidak payah kalau pertukaran nanti nama-nama kementerian tidak payah lagi hendak bawa ke Dewan ini Tuan Yang di-Pertua. Ini lebih sempurna Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah proses *legislative* ini, *legislative process* adalah satu proses yang dinamik, *is not legislation, the dynamic process.*

**Tuan Lee Sing Chooi:** Saya setuju, itu proses yang dinamik, dalam proses yang dinamik itu kita kalau nampak sesuatu yang boleh kita kekalkan yang tidak kena ditukar-tukar itu lebih baik dan kalau sistem dinamik itu kita kena bertukar-tukar selalunya itu bukan sistem yang bagus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bimbang kalau *legislative process* itu bukan satu proses yang dinamik maka kerajaan akan putus untuk tutup sahaja dua-dua Dewan ini.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Kerana Dewan ini ada banyak tanggungjawab dan hal-hal yang lain yang lebih mustahak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana *legislative process* itu ialah proses yang dinamik, silakan. Jadi hujah saya ialah kalau Yang Berhormat menjurus kepada kita tiada kerja maka orang nanti

kata mengapa kita wujud? Tidak perlulah sebab semua sudah selesai, semua sudah di draf, semua sudah dilulus, dokumen berkekalan macam kitab-kitab suci beberapa agama, jadi tidak perlulah ada Dewan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Dewan itu kena menjalankan tugas-tugas yang lebih *value added*, kalau tugas-tugas yang macam ini tidak payahlah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau saya berterusan saya pun jadi *lawyer* buruk, Yang Berhormat boleh teruskan! [*Dewan riuh dengan ketawa*]

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Yang satu lagi, berkenaan dengan pengurusan Yayasan Tunku Abdul Rahman. Tuan Yang di-Pertua yang jumlah pinjaman 2006 yang dikeluarkan oleh yayasan ini sebanyak RM819, 000 yang dicadangkan dalam Dewan Rakyat dan juga menteri semasa menjawab di Dewan Rakyat mengatakan perbelanjaan mengurus untuk wang itu untuk tahun 2004 sebanyak RM373, 000 ringgit iaitu 46% perbelanjaan mengurus atas pinjaman. Bermakna kalau yayasan ini ada RM3 dan RM2 itu untuk pinjaman dan RM1 untuk pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di campur dengan kos-kos yang lain, perbelanjaan mengurus itu meningkat sampai RM900, 000 iaitu kalau yayasan itu ada RM10,000 di mana RM5,000 itu untuk pinjaman dan RM5,000 itu untuk pengurusan. Ini nampaknya bukan satu pengurusan yang bertaraf dunia seperti yayasan yang tadi yang disebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak meningkatkan prestasi yayasan, maka kos pengurusan itu yang begitu tinggi pasti dikaji semula supaya kos-kos itu dapat direndahkan dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan teras nombor 2 yang mengatakan kita mesti memupuk minda kelas pertama Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak mengurus yayasan ini dengan kos yang begitu tinggi macam mana kita dapat mencapai dan memupuk minda kelas pertama Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak banyak masa. Pertama, Yang Berhormat telah sentuh soal kelemahan-kelemahan dalam *drafting* Rang Undang-undang. Yang kedua, Yang Berhormat telah sentuh mengenai pengurusan kewangan khususnya soal kos yang tinggi. Yang Berhormat ada barang kali lima minit - enam minit lagi. Saya bercadang untuk menjemput Yang Berhormat membentang Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 lebih kurang 12.45 - 12.50. Jadi Yang Berhormat bolehlah teruskan kepada perkara yang berikut.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih. Saya harap teras-terasi yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu bukan hanya diletakkan di rak-rak buku tetapi dilaksanakan dalam semua bidang, dalam semua agensi dan semua yayasan kementerian supaya objektif untuk memupuk minda kelas pertama itu dapat dicapai. Itulah tujuan dan hasrat kerajaan dan itulah hasrat rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata tadi saya menyokong terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang penting, sokong atau bangkang?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Sokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan.

#### 12.17 tgh.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan akta kumpulan wang ini. Saya hanya ada dua atau tiga perkara saya ingin katakan dalam perbahasan ini. Yang pertamanya, soal bantuan daripada yayasan ini daripada laporan tahun 2004 sehingga sekarang ini saya percaya ianya amat kecil sekali kalau dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang dahagakan pinjaman untuk memasuki IPTA dan IPTS.

Seterusnya mereka yang membolehkan untuk mendapatkan biasiswa daripada kumpulan yayasan ini adalah mereka di kalangan pelajar yang cemerlang, saya percaya kerana sebarang yayasan yang ditubuhkan seperti Petronas, yayasan yang termasyhur sejak dahulu lagi, mereka adalah di kalangan pelajar yang terbilang iaitu saya tidak tahu kalau ia boleh dibuka atau ditambah peruntukan yayasan ini lebih besar diberi kepada pelajar-pelajar yang kurang mendapat keputusan yang amat cemerlang. Jadi mereka ini tidak payah memikirkan soal PTPTN, JPA, Pinjaman MARA dan sebagainya kerana yayasan ini tidak berapa dikenali.

Anak saya biasa belajar di universiti tetapi tidak pernah meminjam atau mendapat tahu mengenai biasiswa yang dikeluarkan oleh yayasan ini. Selain daripada itu saya ucap terima kasih kerana yayasan ini memberi pinjaman ataupun memberi bantuan biasiswa kepada semua kaum iaitu kaum India, kaum Cina dan kaum Melayu semua dapat. Perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah lebih baik kalau kita katakan orang Malaysia keturunan India, orang Malaysia keturunan Cina...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid :** Ya, begitulah kehendaknya. Perkara lain yang ingin saya nyatakan ialah bantuan atau biasiswa ini harus menyeluruh tidak kira jurusan apa yang diambil sama ada Sains atau Sastera, yang kita tahu dahulunya diberi banyak dalam bidang Sains dan Sastera amat kurang. Kita memerlukan pakar-pakar dalam bidang Sastera ini seperti pakar sakit jiwa (*psychology*). Banyak orang sakit jiwa sekarang ini dan kita kekurangan pakar ini. Kenapa tidak harus kita beri peluang kepada orang-orang yang mendalami bidang *psychology*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah saya mengehendkan masa ini yang membuat Yang Berhormat sakit jiwa?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid :** Saya tidak sakit jiwa sebab itu saya bercakap dengan tenang dan sabar. [*Ketawa*] Selain daripada itu, apa yang saya bimbang ialah pelajar-pelajar di kawasan pedalaman yang terdiri daripada kalangan anak orang-orang miskin, menoreh getah dan sebagainya kerana kalau kita lihat pelajar-pelajar yang masuk ke universiti ini, apabila

ke universiti sahaja dia hanya memikirkan yuran. Yuran hendak kena bayar, urusan tempat tinggal di kolej dan makan minum sendiri.

Yang keduanya, pembelian kenderaan, peralatan pembelajaran seperti buku rujukan, kemudian membeli komputer. Pernah suatu ketika yang kita pernah dengar bahawa ada pelajar tidak cukup makan di universiti, makan Maggi berbulan-bulan sehingga meninggal dunia. Ini yang kita takut sebab itu saya nyatakan di sini, kalau boleh, selain daripada yayasan ini, kementerian harus kaji bagaimana hendak memudahkan supaya mereka ini dapat kemudahan biasiswa dengan cukup dan tidak lagi membebankan ibu bapa di kampung.

Ibu bapa sebagai penoreh getak, tidak akan lagi hendak minta duit dengan ibu bapa tiap-tiap bulan. Mereka penoreh getah, terpaksa bergadai golok, terpaksa jual tanah bendang kerana hendak menyara anaknya di universiti. Sebab itu saya minta kalau boleh kerajaan memikir hal ini. PTPTN kadang-kadang ini lambat bayar. Kadang-kadang dapat bayaran, kena potong itu dan ini. Sebab itu saya rasa kerajaan juga harus mengkaji bagaimana hendak memperbaiki urusan PTPTN ini. Saya dengan ini mengambil pendekatan bahawa kita haruslah melihat bahawa pelajar-pelajar miskin ini harus dibantu, bukan sahaja menggunakan tabung yayasan ini tetapi tabung-tabung yang lain. Dengan itu, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan M. Munusamy.

**12.22 tgh.**

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Saya tidak memerlukan banyak masa. Hanya beberapa perkara sahaja saya ingin perkatakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat yang akan membentangkan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) bersedia? Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibentangkan ini adalah untuk menukar yayasan ini dari Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan dengan ini saya percaya akan mengemaskinikan operasi yayasan ini. Saya benar-benar berharap bahawa dengan pindaan ini, Kumpulan Wang Yayasan ini akan dapat digunakan dengan lebih berkesan lagi demi untuk membantu meningkatkan bilangan rakyat kita yang mendapat bantuan kewangan untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi tanpa mengira kaum, sama ada dari keturunan Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban atau kaum-kaum yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siam?

**Tuan M. Munusamy:** Kaum-kaum yang lainlah, semua masuk. Demi untuk sama-sama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, ada pihak pula yang tersinggung sebab kaum mereka disebut di antara yang lain sahaja.

**Tuan M. Munusamy:** Termasuk kaum Siam Malaysia. Demi untuk sama-sama kita membangunkan negara yang kita kasihi ini. Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku Abdul Rahman merupakan "Bapa Kemerdekaan Negara" dan juga Perdana Menteri kita yang pertama.

Saya berharap bersempena dengan nama Almarhum Tunku yang diambil pakai untuk yayasan yang ditubuhkan pada tahun 1966 ini, kita akan dapat mencerminkan semangat Almarhum Tunku yang sentiasa mengambil berat akan nasib semua kaum dalam negara ini. Kita sedia maklum bahawa dalam tiap-tiap kaum negara ini, terdapat keluarga-keluarga yang miskin dan berpendapatan rendah. Untuk membantu keluarga-keluarga ini, untuk keluar dari belenggu kemiskinan ini, pendidikan merupakan satu jalan utama supaya anak-anak dari keluarga-keluarga ini mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka sehingga ke peringkat tertinggi dan mendapat pekerjaan yang lebih baik dari ibu bapa mereka.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan modal insan merupakan salah satu strategi utama kerajaan untuk membina masyarakat yang berpendidikan tinggi dan berpengetahuan. Apa juga bentuk bantuan dan dari mana juga ia datang, amatlah dialu-alukan. Saya minta Kementerian Pendidikan untuk terus memantau penggunaan Kumpulan Wang Yayasan ini dan memastikan semua kaum di negara ini, kita mendapat faedah yang adil, yang saksama dalam penggunaan. Beberapa perkara juga saya ingin menimbulkan, saya juga bersetuju.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalaulah Yang Berhormat sebut tadi bila berhujah mengenai bagaimana kita keluar daripada belenggu kemiskinan supaya Yang Berhormat membuat pernyataan lihatlah kaum bumiputera sendiri keluar dari belenggu kemiskinan turun temurun melalui pendidikan.

**Tuan M. Munusamy:** Memang benar Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan bantuan kerajaan juga. Beberapa perkara yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad tadi saya juga bersetuju bahawa yayasan ini haruslah lebih *transparent*. Dalam masa penubuhan yayasan ini, sumber kewangan adalah daripada dengan izin, *share investment rental from fix assets as well as donations and sponsors from government agencies and individuals*. Saya ingin juga mengetahui adakah yayasan ini mempunyai aset-aset dan berapakah banyak aset dan juga tabung yang dipunyai oleh yayasan-yayasan ini. Apa kriteria-kriteria yang diambil kira untuk melantik Ahli-ahli Lembaga sebab dalam Akta 43 1966 yang dibentangkan dalam Parlimen itu, Menteri Pendidikan atau sekarang Menteri Pendidikan Pengajian Tinggi. Menteri Pengajian Tinggi akan menjadi Pengerusi Lembaga ini.

Ahli-ahli lembaga, berapa ramai Ahli-ahli Lembaga dan siapakah Ahli-ahli Lembaga dan tempoh mereka itu haruslah juga diterangkan. Dengan perkara-perkara ini, saya juga turut mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat menyambung. Saya sudah sebut tadi bahawa saya akan akhiri selepas Tuan M. Munusamy. Minta maaf Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih. Akur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' kerana akur, bukan kepada saya, kepada institusi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat mewakili segala kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan kepada Menteri, berdiri di sini tidak berlainan langsung dengan seorang Menteri bila berdiri di sini untuk menjawab dan menggulung dan perbahasan dengan segala kuasa-kuasa Menteri yang diberi oleh Perlembagaan. Silakan Yang Berhormat.

**12.28 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terdiri daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy yang telah pun memberikan cadangan yang baik, membangkitkan beberapa pandangan, ulasan demi kecemerlangan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yayasan TAR ditubuhkan pada 15 Julai 1966 melalui Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman Bil. 43 1966 di mana fungsinya ialah untuk memberi bantuan pendidikan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama bagi mengikuti Pengajian Ijazah Pertama. Setakat ini Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah pun membangkitkan bahawa kita memang mengakui bahawa kewujudan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini dapat sedikit sebanyak membantu pelajar-pelajar yang memerlukan beberapa kriteria dalam kita memilih pelajar-pelajar yang memperoleh tempat di IPT.

Walau bagaimanapun, dengan dana yang kecil dan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini bermula untuk memberi fokus tertentu kepada pelajar-pelajar cemerlang dan mereka yang tidak dapat pembiayaan mana-mana pihak sahaja akan diberikan. Ia tentunya memberikan kita ruang untuk mengamalkan strategi ataupun mengamalkan fokus kepada bidang-bidang yang telah pun diputuskan oleh yayasan, iaitu untuk memberikan kelebihan kepada bidang sains 60% dan juga kepada bidang sastera sains sosial 40%.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad membangkitkan kenapa Pindaan ini telah pun diperkuat kuasa 27 Mac 2004. Pindaan ini perlu dibuat untuk memperkemas akta selaras dengan penstrukturan semula Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Di bawah penstrukturan semula tersebut, Yayasan Tunku Abdul Rahman kini telah diletakkan di bawah penyeliaan Kementerian Pengajian Tinggi dengan fungsi

Yayasan Tunku Abdul Rahman memberi bantuan pendidikan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa bagi peringkat pengajian tinggi kepada rakyat Malaysia. Dengan pindaan tersebut, walaupun ia berkuat kuasa pada 7 Mac 2004, bukannya Yayasan Tunku Abdul Rahman di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah jelas tanpa perlu merujuk kepada perintah-perintah menteri Kerajaan Persekutuan nombor (2) 2004.

Ini menjadikan fungsi Yayasan Tunku Abdul Rahman lebih bermaya dan juga bermanfaat untuk tujuan biayaan beberapa kaedah-kaedah yang telah diputuskan. Tuan Yang di-Pertua, dengan saiz dana yang kecil kita mampu untuk membiayai pelajar-pelajar yang kecil seperti mana dalam laporan tahunan 2004, kita menaja 41 orang pelajar. Untuk tahun 2005, Yayasan Tunku Abdul Rahman telah meningkatkan jumlah pelajar yang telah ditaja iaitu kita menaja seramai 74 orang pelajar dari pelbagai bidang. Saya sebutkan bidang-bidang sini;

- (i) Bidang perubatan 7 orang;
- (ii) Bidang Sains dan Teknologi 30 orang;
- (iii) Bidang Pendidikan 8 orang;
- (iv) Bidang Undang-undang 3 orang dan
- (v) Bidang Ekonomi dan Pengurusan 25 orang

Setakat ini 2006 hingga bulan Jun, kita telah pun menaja 23 pelajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelas bahawa di antara cabaran dalam hal Belanjawan bagi tahun hadapan mungkin harus minta duit lebih sedikit, ....

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Dan tentunya kriteria yang kita gunakan setakat ini seperti mana yang dibangkitkan ialah kita mestilah warga negara Malaysia dan mendapat tempat di IPTA, IPTS di IPT luar negara juga kita memberikan pinjaman biasiswa dan untuk lulusan diploma mestilah mendapat sekurang-kurangnya CGPA 2.50. Mananya kita tidak memberi kepada pelajar-pelajar yang berada di bawah kadar kecemerlangan dan yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua ia mestilah diiktiraf oleh Jabatan Awam dan juga Lembaga Akreditasi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, laporan tahunan 2005 telah pun diaudit oleh Jabatan Audit Negara, sekarang dalam proses persijilan Ketua Audit Negara dan laporan ini Insya-Allah akan dapat kita bentangkan pada 2006 dan bukanlah tujuan kita untuk menyorok mana-mana laporan-laporan yang dibangkitkan. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan juga Tuan M.Munusamy, bagaimana keanggotaan Lembaga Amanah Yayasan TAR dipilih, Lembaga ini telah pun dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan pelantikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan kini Menteri Pengajian Tinggi, dilantik oleh Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kita dianggotai oleh beberapa individu, seorang daripadanya mestilah mewakili daripada perbendaharaan, seorang wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan enam orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Setakat ini kita mempunyai enam orang ternama yang dilantik seperti Yang Berbahagia Tan Sri Khir. Johari, Yang Berbahagia Tan Sri Nayan, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Yang Berbahagia Datuk VL Kandan, masing-masing mempunyai kekuatan, kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Di sini kita dapat jelaskan bahawa mereka ini datang dari pelbagai bidang seperti undang-undang, pelaburan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya pun jadi Ahli Lembaga?.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ya. .... pelaburan, pendidikan, pengurusan dan dari bidang akademik. Sebab itulah kita dapati bahawa bukan kita hendakkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini *low profile* yayasan, tetapi yayasan ini kita mahukan ia sebagai satu *premier* atau eksklusif yayasan akan dapat memberi maklum kepada negara bahawa sesiapa juga yang menerima yayasan ini, tentunya berasa bangga dengan apa telah disumbangkan kepada mereka walaupun kecil. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita mempunyai pelbagai yayasan dalam negara dan yayasan-yayasan yang saya dapat sebut di sini, seperti Yayasan Negeri, Yayasan Telekom Malaysia, Yayasan Tun Razak pun ada, Yayasan Basiswa Sarawak, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Tun Sambanthan, Yayasan Proton, Yayasan FELDA, Yayasan Tun Ahmad Shah dan yang disebut oleh Dr. Haji Mohd. Puad tadi Yayasan Pendidikan Cheras memainkan peranan sebenarnya dan di kala mereka mempunyai banyak yayasan, Yayasan Tunku Abdul Rahman sebenarnya telah bergerak ke arah untuk menjadikan ia sebagai sebuah yayasan pemberian pinjaman dahulunya kepada biasiswa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum kita kabur mengenai kerana kepenggunaan perkataan yayasan di sini, kalau kita andaikan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini, sebagai insan, makhluk yang nama insan dan ianya diperbadankan di bawah Akta Parlimen, dia seolah-olah Royal, kalau manusia yayasan ini insan, manusia, dia royal, DiRaja kerana diperbadankan di bawah satu Akta Undang-undang, bukan Akta Syarikat atau Akta Pertubuhan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih. Bangkit berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi kenapa kos pengurusan Yayasan TAR mesti direndahkan, kos pengurusan melebihi jumlah pinjaman yang diberikan pada tahun 2004. ini sebenarnya laporan 2004, kita dapati kos pinjaman kepada pelajar sejumlah RM819 ribu sebenarnya RM819 ribu dan kos pengurusan yang kita alihkan cuma RM373,700. Sebenarnya pinjaman untuk 2004 telah pun kita luluskan sebanyak RM2.5 juta. Malangnya dengan adanya kelulusan pinjaman RM2.5 juta, kebanyakan pelajar-pelajar hari ini memohon dengan PTPTN kerana PTPTN lebih proaktif untuk menaja pelajar-pelajar.

Setakat ini kita menaja melalui PTPTN seramai 800 ribu orang pelajar bernilai RM15 bilion yang mana di peringkat PTPTN memberikan juga wang pendahuluan pelajar kepada para pelajar yang dapat masuk ke IPTA, IPTS dan mereka sebenarnya lebih mudah untuk meminjam daripada PTPTN. Memandangkan apa yang kita tawarkan melalui Yayasan TAR kedudukan tidaklah sebanyak yang kita tawarkan oleh PTPTN. Yang memohon pinjaman Yayasan TAR

berkurangan sejak adanya PTPTN sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kerana kita menyasarkan kepada pelajar-pelajar yang tidak ada pembiayaan lain, yang kedua mereka memang cemerlang dan juga datang daripada bidang-bidang yang kritikal dan kursus-khusus yang *premier* yang eksklusif. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, Yayasan TAR....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan. Berkenaan dengan kos Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya adakah kementerian berhasrat bercadang untuk mengkaji semula kos untuk menjalankan yayasan ini supaya kos itu dapat direndahkan lebih efisien supaya yayasan itu boleh diruskan dengan lebih baik, terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ya, pada tahun 2004, kita memiliki Kementerian Pendidikan sebagai yang bertanggungjawab dalam Yayasan Tunku Abdul Rahman, tetapi sejak 2004 Mac, 27 Mac, kita telah dialihkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Pada waktu itu kita mempunyai 10 pegawai- yang menjalankan tugas dalam Yayasan TAR. MIM menghargai sumbangan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini. Pada kali ini kita mempunyai 7 orang pegawai sahaja yang dapat menjalankan fungsi sebenar Yayasan Tuanku Abdul Rahman.

Kita mengakui bahawa setiap masa kita mengambil kira untuk menambah baik apa juga kos-kos yang telah pun didapati untuk menjalankan tugas di Yayasan Tuanku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, kita mempunyai tumpuan iaitu kebanyakan pelaburan kita datang daripada *fix deposit* dan juga datang daripada saham yang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahukan supaya Yang Berhormat tadi maklum terhadap Lembaga Yayasan supaya jangan bila Yang Berhormat timbulkan soal kos, kos, kos, seolah-olah – bukan seolah-olah – akan tercuat hati, tergores hati Lembaga, seolah-olah mereka tidak mengendalikan soal kos dengan baik. Tolong baca ahli lembaga itu.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Okey, 6 orang Ahli Lembaga yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi ialah:

- (i) Yang Berbahagia Tan Sri Khir Johari;
- (ii) Yang Berbahagia Tan Sri Nayan;
- (iii) Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman;
- (iv) Yang Berbahagia Datuk V.L. Kandan; ini sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maksud saya bukanlah Yang Berhormat hendak cabar pengendalian kos lembaga itu. Yang Berhormat, kadang-kadang terbawa-bawa dengan soal kos, kos, kos nanti disalah anggap.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut bahawa mereka ini pakar dalam undang-undang, pelaburan, pendidikan, pengurusan akademik dan kita yakin Lembaga Pemegang Amanah ini akan dapat mengendalikan Yayasan Tuanku Abdul Rahman ini untuk menjadikan sebagai pemberi biasiswa yang primer iaitu yang ulung dalam negara kita pada suatu masa nanti.

Walau bagaimanapun, kita telah pun....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mahu supaya Ahli Dewan Negara dianggap tidak sensitif oleh Ahli-ahli Lembaga, itu sahaja.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih. Untuk tujuan menambahbaikkan Yayasan Tuanku Abdul Rahman, kita telah pun berikan nafas supaya Yayasan Tunku Abdul Rahman ini bukan sahaja dapat memberi pinjaman tetapi juga dapat memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar di bidang pendidikan, terutama sekali dalam bidang pendidikan yang ada kaitan dengan sosial budaya dan perpaduan. Dan, kita dapat memberikan satu lagi cadangan supaya Yayasan Tuanku Abdul Rahman ini membiayai pembiayaan dalam penyelidikan yang dapat menguntungkan negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tadi sama ada seperti bidang-bidang *aeronautical*, bidang-bidang yang akan mendatangkan keuntungan kepada negara. Ini akan melambangkan bahawa nama besar Tunku Abdul Rahman ini terpahat di bawah satu pembiayaan yang dapat membantu, bukan sahaja pelajar-pelajar cemerlang tetapi membuktikan nama-nama besar ini dalam pendidikan negara kita.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid tentang bantuan, ini yang kecil dibandingkan dengan pelajar yang ramai. Sebenarnya Yayasan, seperti yang saya maklumkan tadi bukan sahaja dapat memberikan pinjaman kepada semua kaum tetapi juga melebar kepada semua negara, Sabah Sarawak di Semenanjung. Pada hari ini kita ada 517 pelajar dalam tajaan dan mereka ditanggung oleh Yayasan Tuanku Abdul Rahman dalam pelbagai bidang dan di antaranya ada yang di luar negara dalam bidang agama seperti Universiti Al-Azhar.

Dalam kita mendapatkan mereka ini untuk terus cemerlang, kita membantu bukan sahaja mereka dapat belajar bersungguh-sungguh tetapi juga dapat menganugerahkan mereka dengan anugerah-anugerah Tunku Abdul Rahman yang telah pun kita adakan melalui program Makan Malam Tunku Abdul Rahman setiap tahun. Daripada itu kita juga membuat promosi tentang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini dengan program pengisahan Tunku Abdul Rahman setiap dua tahun yang kita lakukan di beberapa IPTA, IPTS. Program pengisahan Tuanku Abdul Rahman ini bukan sahaja akan menggambarkan bahawa Yayasan ini sangat penting tetapi ia juga menggambarkan bahawa dengan adanya penganugerahan, dengan adanya pinjaman biasiswa, dermasiswa ia akan melambangkan bahawa kita akan menjadikan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sebagai yayasan yang primer, yayasan yang terbaik dalam negara kita.

Berkenaan dengan soalan terakhir daripada Yang Berhormat Tuan M. Munusamy saya yakin dengan adanya aset sebanyak RM51 juta setakat ini yang telah pun kita dapat dalam Yayasan Tuanku Abdul Rahman ini, dan dalam *fix deposit*, dalam saham-saham, kementerian melalui Yayasan Tunku Abdul Rahman, yang hari ini pejabatnya berada di Kementerian Pengajian Tinggi, dapat mengendalikan perkara ini dengan teratur dan dengan sebaik mungkin.

Kementerian sentiasa akan memastikan bahawa perjalanan Yayasan ini bukan sahaja menjadikan ia ternama tetapi juga akan memberikan pelajar-pelajar kita mengangkat nama besar Yayasan Tunku Abdul Rahman ini sebagai salah satu *foundation* ataupun yayasan yang mereka boleh agungkan kepada masa hadapan.

Sekali lagi saya bagi pihak kementerian, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua yang mana memberikan perhatian kepada Yayasan ini dan segala yang saya dapat catatkan kita akan membuatkan, menjadikan Yayasan Tuanku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 ini yang terbaik dan terkemuka di antara yayasan-yayasan yang lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 3 dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka ia akan diangkat untuk diperkenankan dan jadilah ia ubah beralih daripada rang undang-undang jadi undang-undang dan sebahagian daripada *the rule of law* negara tercinta.

## RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2006

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.59 tgh.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 melibatkan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998 untuk dua perkara, iaitu pertama, penerbitan Nota Kewangan Bank Negara ataupun NKBN. Yang kedua, penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ataupun AKPK. Tuan Yang di-Pertua, melalui Nota Kewangan Bank Negara dirujuk sebagai NKBN, Akta Bank Negara Malaysia 1998 dirujuk sebagai Akta tersebut membenarkan Bank Negara Malaysia dirujuk sebagai BNM menggunakan beberapa instrumen kewangan untuk mengurus kecairan dalam pasaran wang bagi melaksanakan dasar *monetary*.

Di bawah Akta tersebut, Bank Negara Malaysia boleh menerbitkan sekuriti dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan dengan syarat jumlah terbitan sekuriti tidak melebihi tiga kali ganda daripada jumlah rizab dana am dan modal berbayar Bank Negara Malaysia. Hak terbitan sekuriti pada 1 Mac 2006 adalah sebanyak RM24,609 juta di mana Bank Negara Malaysia telah menerbitkan sekuriti-sekuriti seperti Bil Bank Negara (BBN), Nota Boleh Niaga Bank Negara (NBNBN), dan juga Bon Simpanan Merdeka (BSM) yang berjumlah RM19,946 juta atau 81% daripada had terbitan berkenaan. Baki had terbitan sekuriti semasa sebanyak RM4,663 juta adalah tidak mencukupi bagi Bank Negara Malaysia untuk menerbitkan sekuriti bagi tujuan mengurus kecairan memandangkan jumlah kecairan yang semakin meningkat dalam pasaran wang tempatan.

Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia bercadang untuk meminda Akta tersebut bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menerbitkan sekuriti khusus iaitu NKBN bagi tujuan pelaksanaan dasar *monetary* yang lebih efektif dan berkesan. NKBN ini juga diterbitkan untuk tujuan menambah dan mempelbagaikan lagi kaedah pengurusan kecairan pasaran bank tempatan yang boleh diguna pakai oleh Bank Negara Malaysia. Penerbitan NKBN dijangka dapat mengurangkan kos pelaksanaan dasar *monetary* berbanding dengan pinjaman tunai langsung pertama semasa kelayakan kecairan di dalam pasaran wang secara mendadak ikutan kemasukan dana luar. Penggunaan instrumen seperti NKBN dalam pelaksanaan dasar *monetary* telah pun diguna pakai di beberapa negara seperti Korea Selatan, India, Hong Kong dan Indonesia. NKBN juga akan diterbitkan menurut prinsip Islam yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah bagi memenuhi permintaan pasaran sekuriti Islam yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjalankan bahawa jumlah keseluruhan terbitan NKBN bagi tujuan pelaksanaan dasar *monetary* tidak pada bila-bila masa melebihi jumlah rizab aset luar Bank Negara Malaysia. Sementara itu, had kewangan bagi sekuriti bukan untuk tujuan dasar *monetary* akan dikurangkan kepada 50% daripada Kumpulan Wang Rizab Am Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang kedua adalah berkaitan dengan penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Sehubungan dengan pindaan tersebut, Bank Negara Malaysia sentiasa menggalakkan amalan pemberian pinjaman dan peminjaman berhemat

dengan mendidik pengguna mengenai pengurusan kewangan yang bijak. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes pengguna yang terjejas akibat perkembangan di luar jangkaan atau kes-kes pengguna yang berbelanja melampaui kemampuan kewangan mereka dan tidak berupaya memenuhi obligasi mereka. Bagi menangani masalah ini, di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Korea Selatan dan Singapura, telah terdapat badan-badan bukan kerajaan serta agensi kerajaan yang menawarkan khidmat kaunseling kredit dan pengurusan hutang kepada individu yang bertujuan untuk membantu pengguna yang menghadapi masalah dalam memenuhi komitmen kewangan mereka.

Sehubungan dengan itu, penubuhan AKPK ataupun Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dijalankan dengan tujuan untuk memastikan secara proaktif sektor isi rumah terus kekal berdaya tahan dengan menyediakan saluran bagi peminjam individu dan bakal peminjam mendapatkan nasihat berhubung pengurusan kredit dan meminimumkan kes-kes tidak membayar akibat daripada pengurusan hutang yang tidak cekap. AKPK akan menawarkan khidmat kaunseling kredit, khidmat pengurusan kredit dan pendidikan pengurusan kewangan kepada peminjam-peminjam. Peminjam individu dan bakal peminjam yang berkelayakan akan mendapat akses kepada bantuan dan struktur semula pinjaman-pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada institusi-institusi di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia berdasarkan bentuk pembayaran balik pinjaman yang dipersetujui antara pihak peminjam dan pihak pemberi pinjaman.

Oleh yang demikian, adalah lebih wajar sekiranya Bank Negara Malaysia diberi kuasa yang jelas di sisi undang-undang untuk menubuhkan dan memberikan pembiayaan kepada AKPK. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia bercadang supaya Akta tersebut dipinda bagi meluaskan skop pemakaiannya untuk memberi Bank Negara Malaysia kuasa bagi tujuan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi empat fasal untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menerbitkan NKBN dan menubuhkan AKPK. Secara terperinci, fasal yang dicadangkan di dalam cadangan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta ini dan peruntukan tentang perlumbaan kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 30(1)(bb)(i), Akta Bank Negara Malaysia untuk membezakan antara sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan ini yang bukan untuk tujuan dasar monetary dengan sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan 30(1)(bbb)(i).

Fasal 2(a)(ii) bertujuan untuk meminda provision subperenggan 30(1)(bb)(i) Akta tersebut untuk mengurangkan had kewangan bagi sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan 30(1)(bb)(i) dan 50% daripada Kumpulan Wang Rizab Am Bank Negara Malaysia.

Fasal 2(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 30(1)(bbb) ke dalam Akta tersebut bagi penerbitan sekuriti Bank Negara Malaysia bertujuan menjalankan operasi dasar kewangan.

Bank Negara Malaysia akan mempunyai budi bicara untuk menentukan terma bagi penerbitan, pemegangan dan penjualan sekuriti NKBN dengan syarat jumlah keseluruhan terbitan pada bila-bila masa tidak melebihi jumlah rizab aset luar Bank Negara Malaysia. Di bawah subperenggan baru 30(1)(bbb)(ii), Bank Negara Malaysia juga diberi kuasa untuk membeli, menjual dan menebus sekuriti yang diterbitkan di bawah subperenggan 30(bbb)(i) dalam menjalankan operasi dasar kewangan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 30(A) Akta Bank Negara Malaysia dan meluaskan skop pemakaian seksyen itu untuk memberi Bank Negara Malaysia kuasa bagi menubuhkan pertubuhan perbadanan untuk maksud memberi kaunseling kewangan, perkhidmatan pengurusan hutang dan pendidikan mengenai pengurusan kewangan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan D kepada seksyen 44A Akta tersebut untuk masukkan sekuriti yang diterbitkan di bawah perenggan baru, 30(1)(bbb) dalam tarif *debt securities* bagi maksud bahagian 8 Akta tersebut.

Pindaan yang dicadangkan bagi penerbitan NKBN membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pengurusan kecairan pasaran wang tempatan. Pindaan yang dicadangkan bagi penubuhan AKPK pula membolehkan Bank Negara Malaysia memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memastikan pengguna mempunyai saluran yang mencukupi untuk mendapatkan nasihat dan bantuan terutamanya apabila mereka menghadapi masalah dalam memenuhi komitmen kewangan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita terpaksa tangguh sebentar lagi. Jadi kerana Yang Berhormat akan berpeluang meneruskan huraian, saya meminta agar Yang Berhormat kalau boleh terangkan sedikit konsep di sebalik pelaksanaan instrumen-instrumen berkenaan supaya bagi lebih melengkapkan ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Selepas? Sekarang ini ke Tuan Yang di-Pertua? Sekarang ini ataupun ...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh teruskan lepas ...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya sudah habis sebenarnya pembentangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ok, silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenarnya meminda rang undang-undang ini ialah untuk membolehkan Bank Negara menguruskan kecairan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah cukup masa Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat ada hal mustahak selepas pukul 2.30 petang? Baiklah, Yang Berhormat sambung bila menggulung.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menggulung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat nak teruskan pada pukul 2.30 atau Yang Berhormat berhentikan sekarang?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya berhentikan sekarang, waktu menggulung saya akan jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup. Saya akan buka untuk dibahaskan apabila Dewan sambung pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan, Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]***

### **2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Huraian telah pun disempurnakan oleh Yang Berhormat tadi, ya? *[Bercakap kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan]* Saya minta supaya ada sesiapa yang menyokong kerana usul ini belum lagi mendapat sokongan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958, dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi.

### **2.33 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diminta untuk dipinda, ada dua perkara yang saya fahami:

- (i) mewujudkan dan menerbitkan penerbitan Nota Kewangan Bank Negara iaitu NKBN; dan
- (ii) menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau AKDK.

Tujuan pertama akta ini diubah bagi menerbitkan Nota Kewangan Bank Negara adalah untuk mengatasi masalah *liquidity*. Dengan adanya pindaan ini, saya harap Bank Negara dan juga kerajaan dapat menangani masalah *liquidity* dalam negara kita ini yang dihadapi sekarang dan juga berkenaan dengan penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit untuk memberi kaunseling, dan juga melatih pegawai-pegawai dalam bidang kaunseling dan juga pengurusan kredit. Saya harap dengan penubuhan agensi-agensi seperti ini dan juga bidang-bidang berkenaan dengan perkara-perkara kewangan dan kaunseling kewangan dapat dipertingkatkan supaya pegawai-pegawai yang menguruskan perkara-perkara ini dapat maklumat-maklumat dan pengetahuan untuk mengurus perihal urusan kewangan.

Pada masa dahulu terdapat serangan wang ringgit iaitu pada tahun 1997, maka kita juga membuat satu keputusan di mana Ringgit itu *dipeg* dengan US Dolar dan baru-baru ini kita *peg* dengan satu *basket of currency* dan dengan perubahan yang dibuat oleh kerajaan ini, yang dulu itu kita *peg* dan sekarang kita sudah nampak kenaikan wang ringgit dalam isu ini. Kenaikan wang ringgit sudah USD1 tukar RM3.....

Satu lagi berkenaan dengan wang ringgit itu, adakah wang ringgit itu diniagakan di luar Malaysia. Sekarang ini perniagaan hanya boleh dibuat - *exchange* hanya boleh dibuat di Malaysia. Saya hendak bertanya, bilakah kita akan dapat mengguna dan menukar wang Ringgit Malaysia itu di negara-negara asing supaya peniaga-peniaga yang lain itu boleh menggunakan Ringgit Malaysia untuk berniaga dan juga membawa keluar wang ringgit untuk menguruskan perniagaan mereka atau aktiviti-aktiviti mereka; dan juga pegawai-pegawai kerajaan mesti dari sekarang ini belajar pasaran-pasaran wang di arena antarabangsa kerana kita hanya boleh berniaga dalam negara saja.

Bagaimana kalau kita usahakan supaya wang Ringgit Malaysia boleh diniagakan di luar negara? Apakah cabaran yang akan dihadapi? Kerana satu hari kita mesti mengambil langkah itu. Persediaan pegawai-pegawai Bank Negara adalah amat penting supaya kita tahu suasana *business* pasaran wang ringgit itu sekarang supaya suatu masa nanti kita mengambil langkah supaya wang ringgit boleh diniagakan di luar negara dan kita boleh bersedia dan tahu bagaimana hendak menguruskannya, kalau tidak kita akan menghadapi banyak kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana D'Raja dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Musa untuk bersedia.

#### 2.40 ptg.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006. Tuan Yang di-Pertua, pada era 80-an dan 90-an, Malaysia adalah negara kedua selepas Hong Kong dari segi pengaliran masuk modal asing. Penganalisis Barat dan Eropah pada waktu itu pernah menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah negara Harimau Asia walaupun pernah berlaku kemuraman ekonomi pada 1997-1998, Malaysia kembali bangkit daripada kemuraman itu dengan mencatatkan prestasi ekonomi memberangsangkan.

Kita kini diiktiraf sebagai negara kedua terpentas membangun selepas India berasaskan laporan Dutch Bank mengenai potensi pertumbuhan 34 negara maju dan sedang membangun dalam tempoh 2006 hingga 2020. Laporan Juru Perunding A.T. Kearney pula menunjukkan Malaysia berada di antara 15 negara utama dari segi destinasi pelaburan asing dan berada pada tangga ketiga dunia sebagai lokasi *outsourcing*.

Perangkaan 2004 mencatatkan Malaysia menduduki tangga ke 18 terbesar di dunia dari segi eksport dan berada tangga ke 20 dari segi import. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan persekitaran sosioekonomi yang stabil di tengah-tengah Rantau Asia Tenggara, Malaysia turut menawarkan infrastruktur kelas pertama rangka kerja perundangan dan peraturan kukuh serta syarikat dinamik dan tenaga kerja terlatih.

Kedudukan ini adalah potensi besar untuk negara mengambil peluang merebut dan bertindak serta bersedia, sanggup bersaing dan meraih faedahnya sebanyak mungkin. Formula kejayaan Malaysia yang pesat membangun ialah kita melihat betapa kukuhnya institusi perbankan di negara ini selain kestabilan politik, sosial dan keselamatan, lihat sahaja kewujudan Bank Negara Malaysia yang mempunyai peranan pembangunan yang penting.

Peranan Bank Negara Malaysia ini merangkumi pembangunan institusi-institusi dan infrastruktur pasaran yang perlu untuk pembangunan sebuah sistem kewangan yang teguh dan moden yang menyumbang kepada kekuatan asas ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkukuhkan infrastruktur pasaran kewangan, Bank Negara Malaysia telah membina sebuah sistem pembayaran yang teguh. Sistem-sistem ini dipertingkatkan secara tetap untuk menyerap kesan teknologi ke atas sistem perbankan untuk menggalakkan budaya kredit yang baik di kalangan institusi perbankan.

Bank Negara Malaysia juga mengendalikan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat. Sebagai sebuah sistem yang pertama seumpamanya di rantau ini, sistem ini mengumpul dan menyebarkan maklumat kredit mengenai semua peminjam. Ini membolehkan pihak bank membuat keputusan bermaklumat ke atas pemohon pinjaman. Persoalannya sekarang ialah sejauh mana kebaikan dan hak pelanggan bank-bank di negara kita ini yang mempunyai masalah hutang yang berpanjangan tetapi berjaya menyelesaikan hutang-piutang, mereka tidak terbela dengan sewajarnya.

Pelanggan yang sudah selesai hutang-piutang mereka masih lagi dibelenggu atau dalam dilema kerana mereka masih tidak boleh membuat pinjaman kerana nama mereka masih disenaraihitamkan. Lebih teruk lagi, proses untuk menggugurkan nama mereka daripada disenaraihitamkan mengambil masa yang lama dan rumit. Di sini, saya syorkan kepada Bank Negara Malaysia supaya peka dan prihatin kerana setiap pelanggan institusi perbankan adalah umpama *front liner* dengan izin ekonomi negara.

Pelanggan juga adalah orang pertama yang ke depan dalam menggerakkan pembangunan ekonomi kewangan dan pelaburan negara. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Bank Negara Malaysia diminta mengkaji cadangan mewujudkan Akta Perlindungan Data untuk mengawal agensi yang mempunyai maklumat sulit mengenai pelanggan bank di negara ini. Bank Negara Malaysia perlu mempunyai kuasa dalam mengawal sumber yang diguna oleh institusi perbankan dalam mendapatkan maklumat peribadi mengenai pelanggan masing-masing.

Kita semua tahu bahawa semua institusi perbankan berlesen boleh mendapatkan data peribadi pelanggan melalui Sistem Rujukan Maklumat Kredit Pusat (CCRIS) dan agensi rujukan kredit swasta seperti *Financial Information Services Berhad (FIS)* dan CTOS Sdn. Bhd. Saya nak tahu sejauh mana Bank Negara Malaysia mengeluarkan sebarang garis panduan atau arahan kepada bank lain untuk menggunakan CCRIS. Bagi CTOS pula, ia lebih teruk kerana dia umpama bertindak sebagai kuasa veto bagi suara bank-bank di mana institusi perbankan di negara ini gagal membersihkan senarai hitam pelanggan walaupun telah lama menyelesaikan hutang dan ini menyukarkan individu membuat urusan kredit dengan pihak bank.

Bagaimana data peribadi pelanggan yang sepatutnya sulit boleh diperolehi dengan mudah melalui CTOS. Walaupun saya difahami CTOS adalah sebuah syarikat swasta yang mengumpul maklumat daripada sumber awam seperti akhbar dan warta kerajaan tetapi jika maklumat mengenai seseorang peminjam seperti penyelesaian akaun pinjaman tidak boleh diperolehi melalui sumber awam. Maklumat itu tidak dapat dikemas kini oleh CTOS dan menyebabkan maklumat dalam CTOS bukan maklumat terkini.

Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak menyenangkan orang ramai dan saya mahu Bank Negara Malaysia mengingatkan semua institusi perbankan supaya berhati-hati dan menyelidiki terlebih dahulu maklumat daripada agensi rujukan kredit seperti CTOS bagi memastikan kesahihannya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling kredit dan penstrukturan semula pinjaman kepada individu yang bermasalah.

Tetapi, adakah agensi sedemikian benar-benar memberikan individu berkenaan bantuan dalam penstrukturan semula hutang yang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada institusi kewangan bawah pengawalan selia BNM. Saya bimbang kerana sejak kebelakangan ini, ada bank-bank tempatan telah melantik kumpulan pengutip wang ataupun 'Along'. Tetapi 'Along' ini adalah yang berlesen. Jika kita lihat, kegiatan along ialah menyediakan perkhidmatan tanpa banyak birokrasi.

"Along" boleh ditemui untuk membuat pinjaman biarpun waktu sudah larut malam. "Along" tidak cerewet, dan sentiasa ingin menolong. Pinjaman boleh diluluskan hanya dalam tempoh kira-kira satu jam. Jumlah pinjaman hingga lebih 10 kali ganda pendapatan. Tiada pinjaman tiada penjamin juga diperlukan. Sebab itulah perkhidmatan "Along" amat terkenal dan menjadi tempat orang ramai mengadu masalah. Nama "Along" sendiri diambil sempena gelaran abang sulung yang sentiasa ingin menolong adik-adiknya. Walau bagaimanapun, segala kebaikan "Along" hanya ketika memberi pinjaman. Along berubah sikap apabila ingin memungut hutang. Along menjadi garang dan sanggup melakukan apa sahaja asalkan hutang mereka dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dilakukan oleh bank-bank di negara kita. Banyak aduan yang saya terima malah ada pelanggan yang diugut, digertak malah kenderaan pelanggan

yang tertunggak, dirampas cara yang kasar dan boleh mendatangkan keganasan. Perbuatan “Along” berlesen yang dilantik oleh bank-bank di negara kita ini benar-benar mengecewakan. Dibimbangi serta boleh mengundang masalah keselamatan. Oleh itu saya amat berharap sekali lagi supaya Bank Negara Malaysia memantau lebih serius terhadap soal ini yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada ekonomi negara secara tidak langsung. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini juga turut menyokong Rang Undang-undang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat yang saya tahu “Along” ini tidak berlesen. Yang Berhormat kata tadi “Along” yang berlesen. Jadi saya kurang jelas ini mungkin pihak kerajaan akan dapat memberi penjelasan sedikit. Silakan Yang Berhormat Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia Pindaan 2006. Saya ingin merujuk iaitu kepada seksyen Rang Undang-undang ini iaitu bertujuan untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia iaitu akta 519. Akta 519 ini iaitu Fasal 3 iaitu tujuan dia memberi kuasa kepada bank, memberi kaunseling kewangan, perkhidmatan pengurusan hutang dan pendidikan mengenai pengurusan kewangan. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memberi lesen ataupun menggabungkan bank-bank yang ada di Malaysia. Dan Kementerian Kewangan jugalah atas kuasa Menteri Kewangan sendiri melantik Gabenor Bank Negara.

Jadi kita lihat hari ini suasana di Malaysia, kalau ada peniaga-peniaga Melayu saya cakap soal Bumiputera yang pergi ke bank memanglah peniaga-peniaga Bumiputera ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang niaga dia turun dan naik. Dan kita masalah dia adalah CCRIS dan CTOS. CTOS ni sudah tidak ada rahsia dah. Bank mana kita pergi dia tekan dia tahu kita ni nak bankrupt ke, kena mahkamah ke dia tahu. Begitu juga dengan CCRIS, kadang-kadang peniaga Bumiputera dia tidak bayar sebulan dua dia ada projek yang begitu stabil yang boleh bank tolong yang bank boleh bantu dia beri kewangan dan bank boleh menyelamatkan syarikat Bumiputera.

Tetapi hari ini dengan penggabungan bank, bank ini dkecilkan sebab itu soalan saya tambahan tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua adakah Kementerian Kewangan mempunyai kuasa untuk mengawasi bank-bank? Bagi saya Kementerian Kewangan tidak ada kuasa kita pergi ke bank dia tolak macam itu sahaja. Kepada siapa orang-orang Melayu hendak mengadu pada hari ini? Kepada siapa Tuan Yang di-Pertua? Kita lihat satu contoh saya pernah bertanya dalam Dewan ini penggabungan bank ini adakah menguntungkan rakyat. Jawab Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat sendiri wakil dari Kementerian Kewangan bahawa menguntungkan rakyat.

Saya hendak beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah bank yang hendak gabung saya tidak mahu sebut nama bank itu, dia nak gabung. Saya hendak bagi contoh yang kecil kakitangan bank itu yang jadi mangsa. Yang dapat untung siapa? Saya sudah kata hari itu orang korporat ataupun orang atasan. Apabila hendak bergabung bank ini memang dia ada peruntukkan dia panggil *golden handshake* dengan izin. *Golden handshake* ini diperuntukkan RM50 juta untuk bank itu. RM20 juta diberi kepada CEO bank itu dan yang lain itu diagihkan RM500,000 ini kepada tiga empat Lembaga Pengarah.

Ada lagi baki itu, sehingga sekarang kakitangan bank itu yang pengurus cawangan, yang kakitangan, yang kerani-kerani masih menunggu yang bekerja 11,12 malam balik rumah sehingga sekarang tidak ada ganjaran diberikan. Di mana letaknya keadilan? Kalau kita kata penggabungan bank ini menguntungkan rakyat, saya kata merugikan rakyat. Yang untungnya beberapa orang korporat ini sahaja. CEO dia, orang atasan, yang bawah ini semua akan menjadi mangsa. Selepas itu mereka akan diberhentikan kerja. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya minta Kementerian Kewangan ini kita jangan meluluskan sebab Kementerian Kewangan ada kuasa nak beri lesen Kementerian Kewangan, nak gabungkan bank kuasa Kementerian Kewangan.

Jadi, kalaulah Kementerian Kewangan ini dia kena begitu *straight* sikit dia kena jaga juga peniaga-peniaga Bumiputera. Kalau kita lihat dahulu suatu ketika Bank Bumiputera Malaysia Berhad, kemegahan orang Melayu, kemegahan negara, hari ini tunggu hari hendak pupus, tunggu hari masa sahaja Bank Bumiputera *Commerce* pun hendak habis dah, akan tukar nama tunggu sahaja hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat tentang CTOS tadi, dah dua orang Yang Berhormat bercakap tentang CTOS. Yang mana ia merupakan satu syarikat yang telah diguna pakai oleh bank-bank. Ianya telah membawa maklumat-maklumat tentang orang-orang yang sakit, orang-orang yang tenat termasuk dalam satu data dan disimpan data itu. Apabila seseorang yang sakit itu telah pun diubati dan baik apabila ianya memohon sesuatu pinjaman ataupun memohon sesuatu kad kredit ataupun apa-apa yang berkaitan dengan bank. Maka sudah tentu bank akan merujuk perkara ini kepada CTOS. Iaitu kepada data tersebut. Walaupun orang itu telah baik dari penyakit itu. Apabila ditanya kepada CTOS, CTOS menjawab bahawa ini bukan tanggungjawab mereka untuk membuang atau dengan izin *erased* nama yang ada dalam maklumat ini supaya menjadi orang ini sudah pun menjadi bersih. Banyak rungutan yang menyatakan bahawa CTOS ini sepatutnya telah dihapuskan diharamkan tidak langsung digunakan akan membawa keuntungan kepada industri bank itu sendiri malah ianya menjadi satu sekatan kepada pinjaman kredit kepada rakyat ataupun *council* dengan izin.

Yang keduanya, dari segi kerja-kerja bank sekarang ini kita melihat satu ketika dahulu tugas bank adalah memberi pinjaman-pinjaman kepada *customer* dengan izin. Sekarang ini kita melihat bahawa bank mengenakan *charge-charge* yang dahulunya tidak langsung dikenakan. Jadi keuntungan bank sekarang ini yang kita nampak banyak untungnya, banyak diraut daripada perniagaan atau pun perkhidmatan-perkhidmatan yang sepatutnya di langgan secara percuma atau pun secara mesra kepada pelanggan mereka, tetapi tiap-tiap surat yang di keluar sekarang ini terpaksa dikenakan dengan harga yang begitu tinggi. Cek kita sendiri kalau diberi secara tunai, dikenakan RM52, kalau kita keluarkan cek kita secara tunai berikan kepada orang, kita kena bayar. Sudahlah dari segi *current account* dengan izin tidak perlu langsung diberi satu pulangan kepada pendeposit tadi dan ini telah sesungguhnya memberi atau pun memencilkan peranan bank itu sendiri daripada asal.

Saya tidak tahu mungkin keuntungan sahaja yang dipandang oleh bank, tetapi tidak mesra dari segi perniagaan. Di manakah letaknya dalam teras Rancangan Malaysia Kesembilan supaya bank-bank menjadi lebih mesra kepada pengguna. Ini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat perlukah CTOS ini ada lagi di dalam industri bank ini yang memberikan maklumat palsu kepada bank-bank dan juga kepada sistem bank yang ada sekarang ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi. CTOS ini sepatutnya bank ini tidak boleh ambil atas fakta CTOS. CTOS ini kadang-kadang mengaibkan orang, menganiayai peniaga-peniaga. Bank sepatutnya tengok *waiver* projek, kalau projek itu *waiver*, projek itu memberi keuntungan kepada bank, sepatutnya bank kena terima, dia tidak boleh tengok CTOS. Sepatutnya CTOS ini tidak sepatut wujud, begitu juga *charge* yang dibuat oleh bank. Bank ini, sebab itu saya kata Yang Berhormat Menteri, bank ini hanya fikirkan keuntungan bagi dia, dia bukan hendak fikirkan masalah negara, masalah rakyat. Dia kira dia untung, dia jaga kepentingan dia.

Saya juga tidak setuju, saya setuju macam tadi, Yang Berhormat minta maaf Yang Berhormat cakap tadi, rakan saya. Dasar tuju ini, bank-bank yang ada ini dia perlukan 'gedung' kerana apa, siapa yang ini.... ini KPI, KPI yang dilancarkan oleh Kementerian kewangan juga ini merugikan rakyat, merugikan peniaga. Sebab pengurus-pengurus cawangan hari ini, dia pentingkan apa? Pentingkan keuntungan, *performance* dia. Jadi kalau dia ada *performance* dia, keuntungan dia baik, dia akan naik pangkat, dia akan dapat bonus. KPI ini patutnya hanya dilancarkan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi kalau kita gunakan untuk bank, maka akan jadi mangsa adalah rakyat.

*E-Performance Index* ini, *E-Performance*, dia hendak *perform*, kalau dia bagi katalah cawangan itu, satu bank dia satu cawangan, katalah dia bagi 10 juta, tidak akan dia hendak bagi kepada orang dia tahu 50-50 yang belum tentu dia akan bayar hutang, dia akan bagi kepada orang yang kaya, orang korporat yang berjaya. Maknanya bagaimanakah orang-orang rakyat

yang bawah ini yang kita kata perlukan pertolongan bantuan daripada bank, bagaimana dia akan mendapat pinjaman kalaulah KPI ini, tiap-tiap bank akan menggunakan? Ini satu kelemahan daripada Kementerian Kewangan yang sepatutnya kita kaji dulu KPI ini. Bagi sayalah dengan adanya KPI ini akan bertambah lagi jurang perbezaan di antara peniaga-peniaga kecil, peniaga-peniaga sederhana dengan orang-orang korporat Yang Berhormat Menteri.

Lagi satu Yang Berhormat, saya hendak bercakap tentang bank-bank di Malaysia ini, CCRIS dan CTOS ini sepatutnya saya mintalah Kementerian Kewangan, hari ini kalau kita pergi ke bank, bank itu tolak, memang kita akui, bank dia ada satu unit - Unit Penyertaan Bumiputera. Jadi kalau ada bank... Bank Negara sendiri pun ada, kita tahu, itu yang dilaung. Tetapi orang kata apa, indah khabar dari rupa, untuk melepaskan batuk di tangga. Dia tubuh itu Unit Penyertaan Bumiputera di bank atau pun di Bank Negara ini, untuk hendak merabuni, kalau ada yang tolak, *okay* pergi ke...saya ingat kalaulah kita harapkan Bank Negara dan bank-bank itu sendiri untuk menyelesaikan masalah, tidak akan.

Saya mintalah kepada Kementerian Kewangan adakan satu unit, kalau betul-betul hendak tolong orang Melayulah. Kalau Kementerian Kewangan betul-betul hendak Rancangan Malaysia Kesembilan hendak bangun orang Melayu 30%, maka kena tubuh unit, unit apa sahaja nama. Supaya kalau ada masalah pada bank, bank tolak permohonan dia ke, kalau bank ada masalah, maka dia akan pergi ke unit itu di Kementerian Kewangan. Maknanya Kementerian Kewangan ada kuasa. Tadi saya tanya soalan tambahan, wakil daripada Kementerian Kewangan kata, memang Kementerian Kewangan ada kuasa, kita hendak lihat kuasa Kementerian Kewangan, adakah boleh menyelesaikan masalah orang-orang Melayu yang berniaga yang tidak boleh memohon pinjaman daripada bank ini. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat supaya akar ini...

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, sila.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat sebut tadi bahawa soalan CTOS, adalah merupakan perkara yang sering kali dibangkit dalam Dewan ini. Dan tiap-tiap kali rungutan-rungutan yang dibangkitkan ini, sudah pastinya sampai ke Kementerian Kewangan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita ini menyalak bukit yang tinggi tetapi tindakan yang sesuai diambil, kerana kita ini menyampaikan hasrat rakyat. Apakah tuntutan-tuntutan yang kita buat ini tidak perlu dilayan oleh kerajaan?

Kedua Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan kepada Yang Berhormat, walaupun kita ada sistem CTOS, biarlah ada fleksibilitinya, kerana CTOS, ia tiap-tiap tindakan mahkamah yang diambil kepada seorang individu itu, kerana hutangnya akan di masuk dalam CTOS. Tetapi penyelesaiannya telah lama, tidak pernah diambil kira. Oleh sebab itu, maka berlakulah nama-nama yang memohon pinjaman-pinjaman itu ditolak kerana nama ada dalam CTOS. Jadi biarlah

kita minta supaya Bank Negara memikirkan cara bagaimana hendak mengatasi ini. kita minta supaya tindakan yang lebih berkesan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Musa, saya hendak sebutkan, saya terbaca di akhbar-akhbar, biasanya soalnya soal ..... - soal mereka, kelompok-kelompok orang yang telah diguna pakai oleh bank-bank bagi menarik balik kereta yang di bawah *hire purchased* atau pun mengutip hutang-hutang yang tidak terkutip. Kerap kali dilaporkan dalam akhbar pergaduhan-pergaduhan berlaku, saya pasti pihak Bank Negara pun baca surat khabar, apakah tindakan yang diambil? Saya minta supaya Bank Negara melalui Yang Berhormat Dato' Musa, untuk melihat perkara ini. kalau ada kes polis, bergaduh, bertetak macam di belah utara itu, baru ini saya terbaca dalam akhbar Metro, patah tangan, menjadi kes polis dan sebagainya, kalaulah pemungut-pemungut hutang yang diupah oleh bank ini, terlibat dalam pergaduhan ganas seperti ini, kenapa hendak benarkan mereka lagi? Jadi fikirkanlah, ambillah tindakan, sebab satu surat daripada Bank Negara kepada semua bank, akan diamal oleh semua bank. Tetapi ini masuk surat khabar, sudah patah, masuk hospital, kes, puak itu, masih lagi bermaharajalela, kutiplah, bergaduh lagi, seolah-olah Bank Negara tidak mempunyai sifat untuk hendak membela. Seolah-olah kita menggalakkan pergaduhan ini, saya minta pendapat Yang Berhormat Dato' Musa dalam hal ini.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat, kalau semua saya jawab, sekejap lagi tidak ada wakil menteri hendak jawab pula. Saya kena duduk belah sanalah. Tetapi walau macam mana pun, terima kasih kepada rakan saya. Saya setuju tentang CTOS ini, saya mintalah Kementerian Kewangan sendirilah, sebab Kementerian Kewangan ini berkuasa, Bank Negara ke, bank-bank semua di bawah dia. Kalau bank negara tidak boleh lakukan ini, saya minta Kementerian Kewangan, kementerian guna kuasa dia sebagai Kementerian Kewangan supaya CTOS ini tidak payah adalah di Malaysia ini, kesianlah kepada orang peniaga-peniaga kecil ini. Kalau Kementerian Kewangan boleh tebus RM500 juta UDA daripada MRCB, itu hanya duit rakyat.

UDA diswastakan, hari ini kita ambil balik UDA, kita kena bayar RM500 juta tebus pada MRCB. Alangkah baiknya duit ini beri kepada rakyat, alangkah indahnya rakyat menggunakan wang ini. Inilah perkara-perkara pembaziran. Saya hendak bercakap soal kuasa Kementerian Kewangan ini kenapa, kita selalu kata, kadang-kadang kita pergi ke bank, dia kata Bank Negara, Bank Negara ini siapa Gabenor Bank Negara, Menteri Kewangan yang lantik. Bank Negara ini kita ada hari ini, Menteri Kewangan yang kedua, datang dari Bank Negara. Timbalan Menteri Kewangan hari ini pun adalah datang dari Bank Negara. Mereka tahu kuasa-kuasa Bank Negara, kenapa tidak laksanakan, kenapa tidak lakukan kuasa yang ada kepada menteri? Sebab mereka ini berpengalaman dalam Bank Negara. Hendak suruh Perdana Menteri pergi tegur orang tidak bolehlah, Perdana Menteri tidak boleh fikirkanlah, Menteri Kewangan dua ada, Timbalan Menteri ada, buatlah kerja, tak kan semua hendak tuduh Perdana Menteri tidak buat, tidak boleh!

Jadi saya minta kepada Kementerian Kewangan supaya kita tengoklah perkara-perkara yang begini supaya orang-orang, rakyat rasa hari ini tertekan kalau penggabungan bank ini mereka kata akan menyusahkan rakyat. Kalau ada kuasa daripada Kementerian Kewangan tolonglah orang-orang Melayu bumiputera ini, kalau kita hendak tolong, tolong betul jangan sampai suatu hari kita bercakap soal Wawasan 2020, Malaysia diisytiharkan negara maju. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sendiri pernah berkata, "Jangan pula orang Melayu kata, jangan isytihar lagi sebab kami tidak maju".

Jangan sampai sehingga tahap itu, kalau kita ada kuasa sekarang ini gunalah kuasa untuk bantu nasib-nasib rakyat. Dan satu lagi, akhir sekali saya hendak minta, semua orang sedang bercakap kalau kita dengar dalam akhbar-akhbar disiarkan iaitu lebih daripada 800 projek disiarkan dalam akhbar-akhbar dan tunggu untuk ditender, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri umumkan dan kita hendaklah, kalau kita siarkan dalam akhbar projek-projek yang ada dan ketahui di mana projek ini yang ada, kita mintalah selepas ini kalau cakap soal telus dengan izin, *transparent* tidak mahu rakyat katakan hari ini macam-macam orang kata dekat kerajaan, tuduh kerajaan macam-macam.

Kita hendak telus, hendak *transparent* betul-betul siapa yang mendapat projek daripada 800 ini mesti diisytihar dalam surat khabar, syarikat-syarikat yang dapat, kita hendak tahu syarikat mana yang dapat supaya tidak ada lagi orang kritik kerajaan, tuduh kerajaan, kronilah itulah ini, apa orang kata perkara ini supaya kita mengelakkan daripada tuduhan - isytihar. Kalau kita boleh siarkan projek siarkanlah kontraktor-kontraktor yang dapat. Kalau dapat kepada Ahli Dewan Negara pun tidak apa sebab dia boleh berniaga. Kalau dapat dekat Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali pun tidak apa sebab dia orang berniaga, tidak apa dia dapat kita tidak cemburu. Kita hendak tahu siapa orang-orang ini yang mendapat, barulah *transparent* hendak cakap soal telus, telus betul-betul. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi dan selepas itu Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong bersedia.

### 3.12 ptg.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya pun bukan banyak sangat yang saya hendak bangkitkan, cuma saya ingin menyentuh tentang operasi dasar monetari ini yang di dalam Fasal 2(a). Saya ingin membangkitkan beberapa persoalan, iaitu yang pertama saya terbaca dalam akhbar baru-baru ini bertarikh 11 Julai, iaitu bahawa kadar faedah akan dinaikkan dan alasan yang digunakan ialah bahawa Bank Negara ini mereka adalah pro kepada pertumbuhan dan bukannya untuk - mereka lebih cenderung kepada pertumbuhan dan bukannya untuk mengurangkan inflasi. Jadi apakah

ini benar dan saya ingin bertanya iaitu kalau sekiranya kita mengutamakan kepada pertumbuhan dalam dasar kewangan kita ini.

Jadi pertumbuhan yang bagaimanakah yang menjadi keutamaan kita. Yang ini perlu diperjelaskan sebab kalau kita melihat kepada pengalaman kita ketika berlaku kegawatan ekonomi dulu, kita terlalu berasaskan kepada *input driven* dan kurangkan kepada produktiviti. Saya bangkitkan perkara ini sebab sekarang ini di Amerika sedang bermasalah, sebab Amerika sekarang dilihat sebagai negara yang terlalu menjadi masyarakat pengguna, sebagai masyarakat *consumer*. Produk-produk baru sudah tidak ada dan kadar meminjam di negara tersebut adalah begitu tinggi dan ini akan membawa kesan buruk kepada Amerika sebab itulah diramalkan kenapa China itu akan mengatasi Amerika dalam 10, 15 tahun akan datang.

Jadi, itu yang menjadi persoalan kepada saya, apakah benar bahawa kita ini adalah cenderung kepada pertumbuhan dan bukannya untuk mengurangkan kadar inflasi ini. Saya membangkitkan perkara ini ialah kerana bahawa kita sudah ada pengalaman tersebut, itu yang pertama. Dan yang kedua ialah saya ingin membangkitkan tentang bajet defisit yang kita mahu rendahkan ini, saya difahamkan kerajaan berhasrat untuk mengurangkan bajet defisit kita daripada 3.8% kepada 3.5% dan saya lihat bekas Perdana Menteri kita mengkritik seolah-olah dia mengatakan bahawa semuanya ini ditujukan kepada dia kerana dia banyak berbelanja sebelum daripada ini.

Saya ingin tahu iaitu apabila kita merendahkan kadar defisit kita 3.8% kepada 3.5% ini, apakah ini akan memberi kesan kepada usaha kerajaan untuk melakukan pembangunan terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sumber kewangan kita. Saya memang tidak tahulah maksudnya apakah RM200 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini semata-mata kita ambil daripada KWSP. Jadi ini saya memerlukan sedikit penjelasan tentang sistem kewangan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ini yang dibangkitkan ramai oleh teman-teman saya tadi iaitu tentang AKPK ini iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Saya mengalu-alukan tentang kewujudan AKPK ini iaitu yang bertujuan untuk mendidik dan bagaimana untuk mengurus kewangan ini.

Sebab kita memang lihat bahawa sekarang ini masalah rakyat Malaysia yang berhutang sama ada hutang perumahan, hutang kad kredit, hutang peribadi semakin meningkat-ningkat dan kita lihat kadar mereka yang diisytiharkan bankrapsi ini adalah cukup tinggi terutama mereka yang membeli kereta dan sebagainya. Apatah lagi perumahan, apatah lagi yang banyak isteri, kalau ada tiga isteri mesti ada tiga rumah ataupun kadang-kadang satu isteri dua rumah. Jadi perlu ada, memang saya setuju tentang AKPK ini, Datuk Wira Syed Ali dia senyum sebab dia isteri satu. Tidak tahulah kalau hendak tambah akan datang.

Jadi kena masuk AKPK ini, merancang daripada awal. Tuan Yang di-Pertua, AKPK ini adalah cukup baik, pertama kerana dia akan membantu kita dari segi untuk kita mengurus balik

pengurusan kewangan kita, dan saya yakin bahawa AKPK ini juga nanti akan membantu bagaimana untuk *restructure* balik dengan izin Tuan Yang di-Pertua hutang-piutang kita, pinjaman-pinjaman kita itu, iaitu disusun semula supaya mereka ini dikurangkan bebanannya dan ini saya cukup mengalu-alukan tentang AKPK ini, sebab memang kita melihat bahawa ini adalah merupakan satu fenomena yang semakin membebankan.

Sebab itu saya bimbang bahawa masalah yang berlaku di Amerika itu, iaitu kadar pinjaman yang cukup tinggi, kita menjadi masyarakat pengguna sahaja tidak ada produk-produk baru akan membawa kesan sebenarnya kepada ekonomi negara dan sebab itulah saya fikir dengan adanya unit kaunseling ini, iaitu mengurus balik kewangan kita adalah cukup penting. Dan AKPK ini berdasarkan kepada kefahaman saya ialah bahawa ia juga akan nanti memberikan latihan-latihan pengurusan kewangan dan bagi saya ini cukup penting kepada pegawai-pegawai bank kita yang terlibat dengan bank dan sebagainya, kalau tidak inilah yang menjadi persoalan kenapa bank kita ini selalu rugi? Setiap 10 tahun mesti ada bank rugi.

Baru tadi kita membangkitkan soal Bank Islam yang rugi hampir RM480 juta, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjelaskan ini berpunca daripada pusat kewangan di Labuan. Tetapi soalnya apakah kawalan kredit di Labuan ini cukup lemah, saya ingin tahu bagaimana sebenarnya kita mengurus Labuan ini sebagai pusat kredit kita ini, dan apakah mereka yang ada di situ adalah mereka yang tidak terlatih? Yang tidak mempunyai pengetahuan dan sebagainya, dan saya bimbang 10 tahun lagi kita rugi balik. Sebab itu ini harus menjadi perhatian. Saya melihat tiga tugas AKPK iaitu:

- (i) Khidmat Kaunseling Kredit;
- (ii) Khidmat Pengurusan Kredit; dan
- (iii) Pendidikan Pengurusan Kewangan.

Ini adalah perkara yang penting sebenarnya yang mana kita mengharapkan dengan kewujudan AKPK ini iaitu Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit ini maka masalah yang semakin menjadi isu besar ini akan dapat diselesaikan, terutamanya sekarang ini kita tengok orang yang bekerja berpendapatan rendah pun menggunakan *credit card*, 4 - 5 *credit card*.

Jadi kadang-kadang *credit card* ini tujuannya ialah untuk kemudahan tetapi mereka menggunakan *credit card* ini sebagai *cash flow* dia dan ini menjadi masalah. Jadi bila bayaran bulanan itu sudah semakin meningkat dan tidak mampu dengan gaji yang rendah, maka bertambahlah hutang dan bertambahlah masalah. Saya yakin dan amat berharap bahawa AKPK Ini akan dapat memberikan penumpuan kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini tentang masalah FOREX. Baru-baru ini tersiar dalam surat khabar iaitu Tan Sri Tajudin Ramli telah mengemukakan kepada mahkamah, *countersuit* terhadap MAS bahawa dia sebenarnya dipergunakan untuk membeli MAS untuk tujuan menyelamatkan Bank Negara dalam isu FOREX ini. Jadi ini telah menimbulkan satu rasa *confuse* sebenarnya kepada kita. Apakah Bank Negara yang sebelum ini

mengatakan tidak ada apa-apa tetapi sekarang timbul seolah-olah bahawa benarlah tuduhan selama ini bahawa sebenarnya kita rugi hampir RM10 bilion dalam isu ini.

Sekarang ini maksudnya Tan Sri Tajudin Ramli kata dia menjadi mangsa. Dia yang disuruh menyelamatkan dan membeli MAS sebenarnya dengan tujuan yang lain. Kita merasakan bahawa ini satu perkara yang menunjukkan seolah-olah sebenarnya mengancam kredibiliti kerajaan iaitu bahawa seolah-olah ada berlaku perkara yang tidak betul, berlaku perkara yang tidak *transparent* sebenarnya. Jadi sebab itu saya ingin mengambil peluang kita membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia ini iaitu untuk tahu apa sebenarnya yang berlaku dan benarkah perkara ini merupakan satu penganiayaan yang sebenarnya boleh mengancam kredibiliti Bank Negara dan kerajaan seolah-olah tidak berlaku ketelusan ini.

Ini yang saya bangkitkan tentang Bank Islam tadi iaitu apakah kerugian itu satu bukti bahawa kita tidak pernah belajar dengan apa yang berlaku kepada Bank Bumiputra sebelumnya yang juga rugi. Jadi dengan kata lain bahawa saya mengharapkan ketelusan ini, penjelasan ini supaya Bank Negara benar-benar memainkan peranan dengan dasar *monetarynya*, dasar fiskal dan sebagainya yang benar-benar menjamin bahawa ekonomi kita ini berada di dalam landasan yang betul, bukannya ditentukan oleh seorang, dua yang mempergunakan Bank Negara dan timbullah cerita-cerita seperti ini. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi tentang beberapa perkara iaitu tentang AKPK ini. Saya setuju Yang Berhormat, tubuhkan AKPK ini tetapi kita lihat tadi Bank Islam rugi, tetapi adakah kerana Bank Islam ini rugi, kita hendak salahkan rakyat? Kita lihat balik siapa peminjam-peminjam paling besar yang meminjam daripada Bank Islam ini. Begitu juga dengan MAS, antara MAS dengan Tan Sri Tajudin Ramli.

Yang membuat keputusan ini kerajaan. Tadi kata Tan Sri Tajudin Ramli mengatakan bahawa dia dipaksa untuk membeli MAS kerana atas khidmat negara, misi negara. Masa dia beli, masa dia untung, dia tidak cerita kepada kita pun kata dia beli ini kerana khidmat negara. "Oh, saya terpaksa beli", masa dia untung. Tetapi hari ini bila MAS rugi, dia kata dia dipaksa membeli. Jadi siapakah betul, siapakah tidak betul? Inilah yang kita tidak mahu yang untung ini adalah orang korporat, yang jadi mangsa ini orang bawah.

Jadi kalaulah perkara ini dibawa ke mahkamah, kita minta Kementerian Kewangan, sebab kita hendak telus, saya setuju dengan rakan saya, kita tubuh suruhanjaya bebas untuk hutang MAS ini. Adakah benar Tan Sri Tajudin Ramli dipaksa beli dan berapakah jumlah kerugian yang sebenar? Kita hendak tahu apa sebenarnya yang berlaku. Sebab itu dengan bank-bank lain. Kita tidak mahu bila kita ambil contoh kata Bank Islam rugi tetapi peminjam-peminjamnya siapa. Adakah rakyat-rakyat di bawahnya, rakyat-rakyat yang kecil ini?

Kita tidak mahu kerana bank ini diketatkan kerana beberapa peminjam tidak mahu bayar, orang korporat tidak mahu bayar, yang jadi mangsa orang bawah. Ini yang saya bercakap tadi, saya minta Kementerian Kewangan sendiri arahkan Bank Negara. Hendak suruh Bank Negara buat, dia tidak buat. Kita pergi ke bank, bank kata, "Ini arahan Bank Negara." Bank Negara kata arahan Kementerian Kewangan. Betulkah perkara ini berlaku? Kita tidak mahu ada orang kata *double standard*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat suruh saya jawab ke? [Ketawa] Yang Berhormat, saya sebenarnya beginilah, oleh kerana berlaku *countersuit* ini, saya fikir dan kita mintalah di Dewan yang mulia ini supaya dilakukan *declassified* terhadap dokumen-dokumen ini. Kita sudah pun melakukan *declassified* terhadap dokumen-dokumen yang melibatkan soal pembinaan jambatan dan sebagainya. Surat-surat yang lama itu keluar balik sekarang ini sebab ini pun melibatkan benda-benda yang lama. Keluarkanlah, kita tidak payah ada Suruhanjaya Diraja. Sudah banyak sangat Suruhanjaya Diraja. Mudah sahaja, *declassified* surat-surat ini.

Dulu kenapa kita buat OSA kemudian kita minta *declassified*. *Declassified*lah benda ini yang sudah menjadi isu di mana kerajaan yang disaman. Berapa bilion itu? Saya sudah lupa. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam isu ini *declassified* sahaja, mudah kita hendak tahu betul atau tidak betul. Patutlah MAS menghadapi masalah. Patutlah MAS rugi dan sebagainya. Sebab ada benda yang tidak *transparent* dan tidak telus. Saya yakin Perdana Menteri kerana dia tahu benda ini, maka sebab itulah barangkali dalam RMK-9 ini diletakkan soal *delivery system* sebagai perkara yang penting dan menjadi misi nasional bahawa sekarang ini memang kita kena *transparent*.

Tuan Yang di-Pertua, tentang AKPK tadi Tidak salah saya, kita sudah ada Akta Kebankrapan. Jadi saya rasa kalau boleh diselaraskan balik perkara ini supaya jangan pihak-pihak bank ini menggunakan Akta ini dengan cukup zalim dan kejam untuk menyusahkan kita semua. Sebab itu saya rasa dengan AKPK ini diharap soal Akta Kebankrapan ini juga dilihat kembali untuk supaya dapat dilonggarkan dahulu, diberi kaunseling untuk *restructure* balik pinjaman dan sebagainya, bagaimana mereka boleh menyelesaikan hutang-hutang mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil juga hendak menyentuh sedikit tentang isu CTOS tadi yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dengan CCRIS ini. Kalau kita bandingkan CTOS dengan CCRIS ini, CCRIS ini tidak salah saya dimiliki oleh Bank Negara. Kalau kita bandingkan CTOS dengan CCRIS, CCRIS ini yang diswastakan. Memang kita tidak boleh menafikan bahawa Bank Negara cukup efisien. Bila orang sudah selesai hutang, memang dia *update*. Yang ini kita boleh bandingkanlah. Kalau kita tengok nama kita dalam CCRIS dengan CTOS, dalam CTOS ini yang 15 tahun dahulu ada lagi dan 10 tahun dahulu pun ada lagi. Dalam CCRIS memang tidak ada.

Jadi kalau ini menjadi isu, ini menjadi masalah, saya fikir kalau begitulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya CTOS ini dihapuskan sahaja. Tarik

balik sahaja lesen mereka itu. Saya pun tidak tahu kenapa mereka ini, kita sudah beritahu dia bahawa hutang sudah dibayar tetapi nama masih ada. Apa tujuan dia pun kita tidak faham sebenarnya. Benda ini berterusan dan ini menjadi satu isu yang sering dibangkitkan. Saya rasa kita pun dalam Dewan Negara sudah membangkitkan perkara ini banyak kali.

Jadi apa salahnya ada satu undang-undang dipinda lagi supaya CTOS ini tak adalah ataupun Bank Negara menggunakan kuasa yang ada padanya iaitu kita gunakan CCRIS sahaja. Apa perlunya lagi ada yang dipanggil sebagai CTOS ini? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya satu lagi, saya suka mengambil contoh tentang soal kredit bank ini. Saya mengambil contoh ini ialah berasaskan kepada apa pengalaman kita berlaku kegawatan ekonomi dahulu dalam soal kredit bank ini.

Ketika itu, kredit bank ini tumbuh dengan pesat sebenarnya di negara kita iaitu sampai kepada 30% pada pertengahan 1997. Kita melihat sektor swasta, kita membuat pinjaman yang begitu besar dari dalam dan luar negara untuk pelaburan yang tidak sesuai. Bank pula memberi pinjaman untuk tujuan perniagaan ataupun memberi pinjaman kepada sektor-sektor yang tidak produktif. Saya fikir ini dengan kata lain, bahawa ketika kawalan kredit kita adalah begitu lemah dan ini membawa kesan yang buruk sebenarnya. Sebab itu saya harap Bank Negara menjadikan itu, sepatutnya dijadikan sebagai pengalaman supaya ia tidak berulang lagi dan akhirnya akan membawa kesan kepada ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

### 3.31 ptg.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, salah satu fokus kepada pindaan undang-undang pada hari ini ialah penubuhan dua badan untuk tujuan dengan izin, "*Training Research And Development Of Human Resource In Relation To Banking And Financial Services*", satu. Badan kedua yang akan ditubuhkan, adalah satu badan untuk tujuan *providing* dengan izin, "*Financial Counseling That Management Services And Education On Financial Management*". Maka dengan tertubuhnya dua badan yang berkenaan, kita berharap Bank Negara akan meningkatkan prestasinya sebagai sebuah bank pemimpin di negara kita. Apa yang kita alami selama ini, kita dapati bahawa pemantauan Bank Negara ke bank-bank komersial yang lain tidaklah begitu memuaskan.

Saya kira Bank Negara harus meningkatkan prestasinya bukan sahaja dari segi pemantauan, tapi dari segi urusan harian. Salah satu contoh yang kita boleh lihat sekarang ini, beberapa bank komersial mengenakan syarat-syarat tertentu kepada kliennya mengikut suka hati sendiri. Ada kompelin mengatakan bahawa bank menaikkan cajnya. Caj untuk kita sebagai klien

mengeluarkan bank draf. Saya tahu dulu RM1, satu bank draf. Kemudian, ada bank kenakan RM2.15 sen satu draf. Kemudian mulai 1 September 2005, ada bank naikkan satu bank draf itu kena caj RM5.00. Seolah-olah caj-caj yang dikenakan kepada klien bank-bank komersial ini dibuat sesuka hati mengikut undang-undang sendiri. Malah ada penjaja-penjaja kompelin mengatakan bila mereka membawa duit syiling dalam guni, pergi tukar dekat bank, itu pun kena caj tau? RM3.00 setiap RM100 syiling yang ditukar di bank.

Jadi saya kira, kalau dah ditubuhkan badan-badan tertentu untuk meningkatkan mengikut pindaan "*Training Research Development*" dan "*Management Services And On Financial Management*". Jadi kita berharap Bank Negara, akan menjadi betul-betul sebuah bank yang boleh diteladani, yang disegani yang dapat memantau urusan-urusan harian yang tidak begitu menyenangkan yang mungkin dikenakan oleh bank-bank komersial.

Perkara kedua yang ingin saya kemukakan di sini ialah, sebagaimana kata Senator tadi, bahawa banyak bank mengalami kerugian. Bank Negara macam itu, Bank Islam macam itu, Bank Pertanian macam itu. Saya kira salah satu faktor daripada kerugian itu adalah kerana pinjaman *non performing loan* yang dibuat oleh bank-bank tertentu. Pengalaman kita dalam tahun 1997, semasa *economic depression* dengan izin, bahawa salah satu daripada kelemahan sistem perbankan kita ialah pinjaman *non performing loan* dengan izin. Kita dapati berpuluh juta, berpuluh bilion tidak dapat dibayar balik. Jadi saya rasa Bank Negara dengan adanya tertubuhnya dua badan yang akan diluluskan di Dewan ini hari ini, Bank Negara dapat meningkatkan prestasinya untuk memantau, mengawasi, memberi khidmat nasihat kepada bank-bank komersial terhadap pinjaman-pinjaman yang diluluskan.

Perkara ketiga yang ingin saya bawa pada petang ini ialah tertubuhnya sebuah bank baru pada tahun 2005 iaitu pada 3 Oktober 2005, bank yang diberi nama SME Bank oleh Bank Negara. Dalam tempoh kurang daripada satu tahun, SME Bank menerima permohonan pinjaman sebanyak 1,326 permohonan. Daripada 1,326 permohonan ini yang diluluskan 281. Dalam 281 permohonan yang diluluskan, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah sebanyak RM500 lebih juta. SMI atau PKS yang menjadi klien daripada SME Bank ini, walaupun melibatkan peniaga-peniaga kecil atau 80% peniaga di seluruh negara adalah SME atau SMI. Tetapi sumbangan SME atau SMI pada pertumbuhan ekonomi negara hanya 6%. Saya ulang, daripada jumlah peniaga di seluruh negara, 80% terdiri daripada SME. Tetapi 80% ini cuma menyumbang sebanyak 6% kepada pertumbuhan ekonomi negara setahun.

Selama 20 tahun kebelakangan ini. Ini bererti tertubuhnya SME Bank ini adalah bertujuan mulia, murni dan baik iaitu untuk membantu SME-SME di negara kita yang ramai ini untuk maju dalam perniagaan mereka, untuk memberi pinjaman supaya mereka dapat menambah baik perniagaan mereka. Tetapi dalam tempoh lebih kurang 8 bulan yang lepas, lebih daripada 500 juta yang diluluskan pinjamannya, cuma 15 permohonan terdiri daripada pemohon-pemohon bukan bumiputera. Padahal 70% hingga 80% SME itu terdiri daripada kaum bukan

bumiputera. Ini bererti kita bukan nak kaji nak lihat dari segi perkauman, yang saya nak jelaskan di sini ialah 20% SME bumiputera, telah mendapat dan telah menikmati 90% pinjaman yang diluluskan dalam tempoh 8 bulan. Pada saya ini bercanggah dengan objektif asal kita menubuhkan SME Bank.

Kalau kita hanya dapat membantu segelintir orang peminjam yang ada hubung kait dengan pihak-pihak tertentu atau yang mempunyai pengaruh politik yang menikmati pinjaman 95% itu, maka pada saya objektif penubuhan SME Bank ini telah gagal. Jadi saya memohon dengan lulusnya akta bank pada hari ini, Bank Negara harus melihat pada amalan SME Bank sebab pada saya kalau ini diteruskan lebih lagi *non performing loan* akan kita lihat, lebih lagi bank akan mengalami kerugian dan ekonomi kita akan tetap menjadi lembap.

Satu perkara lagi yang akan saya bangkitkan sekarang ialah isu bank-bank asing. Mulai 1 Januari tahun ini 2006, bank-bank asing dibenarkan bukan sahaja beroperasi di Malaysia tetapi dibenarkan menubuhkan empat cawangan setahun. Kita harus bersikap terbuka, saya setuju. Kita harus bersikap demokratik, saya setuju. Tapi apa yang saya lihat sekarang ini bank-bank negara kita sendiri belum lagi siap, program gabungan belum lagi siap perbincangan antara satu sama lain untuk kita mengemaskinikan sistem bank kita. Tetapi pada masa yang sama kita benarkan bank-bank asing masuk beroperasi dan di samping itu dibenarkan menubuhkan cawangan-cawangannya di seluruh negara. Bank tempatan bukan hendak berurusan di bawah payung besar tetapi biarlah bank-bank negara kita sendiri ditadbir dahulu, beres dahulu perbincangannya. Jadi saya mohon kalau hari ini kita luluskan akta ini, Bank Negara memainkan peranan yang lebih penting daripada sekarang. Jangan mengecewakan kita. Jangan mengecewakan rakyat kita. Jangan mengecewakan pihak-pihak yang memerlukan pinjaman tetapi pinjaman ini merupakan *non-performing loan* yang akan mengancam ekonomi negara. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak berbahas Rang Undang-undang ini? Kalau tidak ada, saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

### 3.43 petang

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Bank Negara. Tujuannya satu ialah untuk menerbitkan NKBN (Nota Kewangan Bank Negara) dan yang kedua ialah menubuhkan agensi kaunseling dan pengurusan kredit NKBK.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tujuan Bank Negara ialah untuk mengawal *liquidity* ataupun kecairan kewangan dalam negara. Sebelum pindaan ini, Bank Negara dalam usaha untuk mengawal kecairan, Bank Negara hanya dibenarkan mengeluarkan nota, bon dan nota

kewangan dan sebagainya pada kadar tiga kali ganda daripada *reserve* am bank Negara. *Reserve* am Bank Negara sekarang ialah RM8 bilion. Jadi kalau tiga kali ganda RM24 bilion. Setakat ini Bank Negara telah mengeluarkan bon dalam segala bentuk nota kewangan pada kadar RM19 bilion telah dikeluarkan. Hanya tinggal RM4 bilion kalau ikut kata yang lama.

Jadi memandangkan *liquidity* sekarang dalam lingkungan RM15 bilion hingga RM20 bilion yang ada dalam sistem kewangan sekarang sudah berlebihan duit dalam sistem kewangan. Jadi kalau Bank Negara hendak mengawal kecairan ini, maka Bank Negara perlulah diberi kuasa untuk mengeluarkan lebih banyak lagi nota kewangan dalam pelbagai cara untuk mengeluarkan bon maknanya *to mop up*, beli balik. Mengeluarkan supaya bank-bank dapat membeli bon-bon ini dan mengurangkan *liquidity* dalam pasaran kewangan. Itu tujuannya yang sebenar Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, yang disebut sebagai 50% keluaran untuk bon *liquidity operation* ini, maknanya contoh yang terbaik ialah bon merdeka. Itu bon untuk dilanggan oleh mereka yang pencen. Ini telah pun dikeluarkan kadar RM1 bilion. Sekarang ini ada RM1 bilion lagi telah dikeluarkan dan sekarang ini kuasa kepada Bank Negara diturunkan kepada 5% sahaja daripada *reserve* am. Maknanya *reserve* am ada RM8 bilion, maka Bank Negara boleh keluaran bon untuk tujuan bukan untuk mengawal *liquidity* ialah sebanyak lebih kurang RM4 bilion. Setengah sebab 5% daripada *reserve* am Bank Negara.

Tujuan pindaan ini adalah untuk membolehkan Bank Negara mengeluarkan untuk mengawal *liquidity* ialah sehingga *equivalent* dengan *reserve* antarabangsa. *Reserve* antarabangsa hari ini ialah lebih kurang RM280 bilion. Begitulah lebih kurang RM280 bilion. Maknanya untuk tujuan kawalan *liquidity* dengan pindaan akta ini, maka kita dibolehkan Bank Negara untuk mengeluarkan bon dan sebagainya untuk mengawal *liquidity* sehingga *equivalent* kepada *reserve* antarabangsa. Maknanya lebih kurang RM280 bilion pada hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Tujuan untuk mengeluarkan ...satu lagi yang keduanya menubuhkan agensi kaunseling dan pengurusan kredit. Ini penting Tuan Yang di-Pertua dan saya amat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun menyokong sepenuhnya dalam usaha untuk menubuhkan agensi kaunseling dan pengurusan kredit ini kerana ini untuk individu Tuan Yang di-Pertua. Maknanya mereka yang meminjam duit ataupun yang sudah pinjam duit hendak urus semula maka mereka boleh pergi ke pusat ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut sebenarnya yang kita minta hari ini ialah pindaan ini diluluskan retrospektif pada Februari 2006. Maknanya pihak bank Negara telah pun menubuhkan pusat ini pada bulan April di Maju Junction. Setakat ini lebih daripada 3,700 orang telah pun menggunakan khidmat ini untuk pelbagai perkara. Jadi yang dibolehkan, jadi mendapatkan nasihat kaunseling sebelum meminjam dan mereka yang telah meminjam. Telah 3,700 individu yang telah pergi mendapatkan khidmat nasihat daripada pusat ini dan nampaknya

pusat ini begitu popular dan mungkin pada masa akan datang Bank Negara bolehlah menubuhkan di seluruh negara. Di peringkat awal cuma satu dahulu di Maju Junction Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi tentang duit sah laku atau tidak di luar negara. Setakat ini memang belum sah laku lagilah semenjak *pegging* yang telah dibuat pada tahun 2008 ringgit belum lagi boleh diniaga di luar daripada Malaysia kerana kita masih lagi bimbang sama ada takut akan berlaku lagi masalah dahulu seperti yang berlaku tahun 1978 dahulu. Memang berniaga duit ringgit Malaysia dan boleh menjatuhkan harga ringgit. Jadi setakat ini Bank Negara belum lagi berbincang tentang sama ada hendak membolehkan perniagaan duit Malaysia ini sah laku di luar. Belum lagi. Kita bimbang jugalah. Walau bagaimanapun, hari ini kita telah mengadakan sistem baru kita *un"peg"* tapi *manage float*. Kita jaga. Jadi Bank Negara dia pastikan duit itu tidak terlalu berubah dengan terlalu mendadak. Kita kena kawallah.

Tuan Yang di-Pertua, Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah telah menyebut tentang C-CRIS, FIS dan C-TOS. Ini adalah tiga sistem yang digunakan dalam sistem perbankan kita untuk merekodkan hutang-piutang di kalangan masyarakat Malaysia. C-CRIS adalah di bawah Bank Negara. Memang C-CRIS sentiasa di *update* dalam maklumat.

Tiap-tiap bulan kita lihat ada perubahan dari segi maklumat dalam CRIS ini oleh Bank Negara. FIS adalah di tubuh di bawah Persatuan Institusi Kewangan dan juga Institusi Sewa Beli Kereta. Ini maklumat tentang kereta sahaja. CTOS ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia bukan di bawah Bank Negara kerana ia adalah di luar kawalan Bank Negara.

Memang berlaku dan selalu di cakap tentang perkara CTOS ini dan ia merekodkan semua rekod sejarah oleh peminjam-peminjam dan malangnya ia tidak *delete* dan tidak hapuskan maklumat-maklumat yang luput dan lama. Ada yang berhutang tetapi sudah selesai pun masih ada rekod ini dan setakat ini tidak di bawah kawalan bank tetapi pihak kerajaan telah mengambil inisiatif dan sedang menggubal satu undang-undang yang dipanggil *Data Protection Act* ataupun Akta Perlindungan Data yang akan dibentangkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Ahli Yang Berhormat iaitu Menteri Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik. Akta Perlindungan Data ataupun *Data Protection Act* yang saya kira akan merangkumi masalah yang akan dibentangkan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Tentang CTOS juga telah disebut oleh Datuk Roslan, Dato' Musa dan banyak lagi. AKPK yang juga disebut oleh Datin Nik Azizah seperti yang saya sebutkan tadi yang saya kira memberi manfaat kepada peminjam-peminjam hari ini di Kuala Lumpur, jadi makna semua orang dari seluruh negara boleh pergi ke Maju Junction tetapi Insya-Allah Bank Negara akan berusaha untuk hendak menambahkan lagi pusat-pusat ini di seluruh negara apabila akta ini diluluskan.

Tentang along memang tidak ada operasi, di bukan beroperasi di mana-mana bank cuma dia sendiri tanpa lesen, memang salah tetapi mereka berleluasa dan berbagai cara

digunakan untuk mengutip wang ini. Memang mereka cukup baik sebelum bagi hutang cukup baik sebelum bagi hutang cukup baik dan apabila hutang sudah bagi apabila hendak balik, dia guna kekerasan ini berlaku dan ini masalah tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bagi peminjam-peminjam yang *genuine* yang hendak buat berniaga, dana tabung telah diwujudkan oleh kerajaan. Dana tabung, tabung usahawan kecil, tabung mikro kredit berbagai-bagai dan ada lima, enam tabung yang telah diwujudkan oleh Bank Negara untuk peminjam-peminjam kecil yang mereka boleh pergi meminjam tetapi mengikut kajian yang telah dibuat, ini kajian dan ini bukan pendapat saya tetapi kajian telah dibuat, kebanyakan mereka yang hendak pinjam along ini mereka pakai *short term*. Kebanyakan kerana hendak berjudi dan sebagainya, memang betul-betul masih ada yang *genuine* tetapi patut mereka pergi ke CC yang ada dan yang sah oleh bank-bank, TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia, ada yang boleh mereka pergi mendapatkan pinjaman.

Mengenai Tuan Wan Nordin tentang *reposessor* ini pun sebenarnya di bawah kawalan Bank Negara ada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Di bawah pihak institusi perbankan, institusi kewangan boleh melantik *reposessor*, dia diletakkan di bawah ada peraturan yang telah ditetapkan yang mereka mesti ikut, ada peraturan cara hendak mengambil balik kenderaan yang hendak diambil balik, ada caranya. Mereka tidak boleh sama sekali menggunakan kekerasan, tidak boleh. Kalau didapati menggunakan kekerasan pihak bank berkenaan boleh tarik balik lesen mereka itu *terminate* mereka. Jadi sepatutnya tidak berlaku, kalau berlaku boleh buat laporan kepada pihak bank yang berkenaan.

Yang Berhormat Dr. Haji Puad bin Zakarshi memberitahu tentang kadar faedah yang telah turun naik sedikit sebenarnya, yang mana beliau menyebut tentang inflasi. Sebenarnya inflasi kita di Malaysia ini adalah oleh kerana kos *production*, bukan kerana *demand* Tuan Yang di-Pertua. Bermakna oleh kerana harga minyak telah meningkat dan semuanya telah meningkat maka *cost production* meningkat maka inflasi kita meningkat, bermaknanya *cost production* bukan kerana *demand* Tuan Yang di-Pertua. Inflasi kita, kita cuba kawal lingkungan 3.5 peratus hingga 4 peratus Tuan Yang di-Pertua. Tentang bajet defisit Tuan Yang di-Pertua, kita cuba hendak turunkan bajet defisit kepada 3.56% iaitu 3.8% kepada 3.5% Daripada KDNK, KDNK kita meningkat tiap-tiap tahun dan ini bermakna bahawa belanjawan kita boleh meningkat dan yang disebut oleh Perdana Menteri dalam pembentangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan akan belanja RM200 bilion wang kerajaan dan RM20 billion PFI.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua bajet kerajaan kita bentang tiap-tiap tahun memang defisit tetapi untuk belanjawan mengurus kita memang lebih melebihi pendapatan negara untuk kita belajar mengurus, lebih. Tiap-tiap tahun ada lebih dan lebih ini dibawa bawa masuk kepada tabung pembangunan tetapi tidak cukup dan kerajaan hendak belanja bangunan dan kalau hendak ikutkan Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan akan belanjakan RM40 bilion setahun. Lebih daripada belanjawan mengurus tidak mencukupi untuk hendak menampung RM40 bilion

itu. Bermakna lebih itu mungkin RM30 bilion, RM25 bilion iaitu lebih yang perlu untuk pembangunan, kerajaan akan pinjam melalui bon dan sebagainya melalui bank dan sebagainya dan akan melanggan. Yang ini datang dari...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan?

**Dato' Seri. Dr. Hilmi bin:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit tentang PFI itu, bila sebenarnya kerajaan hendak mulakan PFI ini? Apakah ada kesan buruk sebenarnya, sebab bila saya mengikuti rancangan The Exchange TV3 tentang perancangan YTL untuk membina atau mewujudkan apa yang dikatakan sebagai bullet train Kuala Lumpur to Singapore dengan izin, kos lebih kurang RM8 bilion dan dia mengatakan menggunakan PFI. Jadi itu yang saya ingin tahu sebenarnya. PFI ini bila sebenarnya hendak dimulakan? Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan apakah ada kesan-kesan sampingan yang perlu kita tahu? Jangan nanti dia membawa kesan kepada kita. Terima kasih.

**Dato' Seri. Dr. Hilmi bin:** Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna *privatization* ini sebenarnya tidak menggunakan duit kerajaan dan projek-projek mega kalau hendak dicadangkan dan hendak dibina oleh *private sector*, kalau dia tidak menggunakan duit kerajaan dan kita mengalu-alukan kerana *it will not reflect in our*, kita punya kerajaan punya bajet. Jadi, katakan dia buat jambatan Pulau Pinang, dia buat jambatan Pulau Pinang dan di buat *trouble tracking* dan sebagainya, dia menggunakan duit dia sendiri daripada mungkin dia pinjam daripada luar dan dalam negara, dia pinjam jadi dia tidak apa dia buat. Contohnya kalau dia rugi jambatan tetap ada situ, jadi bermakna selagi dia tidak menggunakan duit kerajaan kita mengalu-alukanlah. Itu yang jadi boleh mula *anytime* sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Labuan saya sudah sebut dalam Dewan Rakyat bahawa dan dalam jawapan pun saya ada sebut pagi tentang Labuan dalam Bank Islam Labuan memang rugi sektor itu sahaja tetapi dalam urusan negara menguntungkan jadi dalam masa ini Bank Islam telah membuat tindakan untuk mengubah pengurusan di bank Labuan dan juga di bank pusat juga, usahanya telah diubah. Jadi saya yakin dengan pengurusan yang baru Bank Islam akan terus membuat untung dan saya yakin mereka akan lebih berhati-hati dalam urusan bank di Labuan.

Tentang kes MAS iaitu dalam *court*, saya tidak berani dan tidak mahu sebut di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lee Chee Keong menyebut bahawa dua badan lagi akan ditubuhkan. Sebenarnya satu sahajalah. Akta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Satu badan sahaja yang akan ditubuhkan. Saya sebut tadi sudah pun bermula di Maju Junction dan akan diteruskan. Ia akan diluaskan ke tempat-tempat lain juga.

Duit syiling, bank-bank dikenakan caj. Tuan Yang di-Pertua, bank-bank dia ada peraturan untuk mengenakan caj. Setiap pelanggan boleh mengadakan ataupun hak untuk menubuhkan

satu tabung asas untuk simpanan dan satu lagi untuk *current account*. *Saving account* dan *current account*, dua. Jadi, untuk kedua-duanya sekali, *transactionnya free* 18 kali dan bagi kedua-duanya dan dua kali untuk *enter* Bank Giro. Maknanya, kalau dia ada duit dalam Bank Bumiputra, dia pergi ke ATM Maybank, dia boleh keluarkan duit mereka tanpa bayaran dua kali sebulan. 14 kali untuk urusan biasa dengan bank yang dia ada akaun, *under fee*. Selepas itu, dia kenalah caj sikit. *Fee* pun ada kawalan juga. Kalau caj dia tidak munasabah, pihak pemegang akaun itu boleh buat aduan kepada Bank Negara dan Bank Negara akan semak balik kenapa. Dia akan tanya bank itu kenapa, apa hal, kenapa caj lebih.

Semua produk, semua *charges* yang dikenakan oleh bank-bank, dia kena mendapat kelulusan daripada Bank Negara dahulu Tuan Yang di-Pertua. Tentang wang syiling, saya difahamkan bahawa wang syiling kalau dibawa banyak ke bank untuk dikira, sekarang ini tak kena caj lagi. Sebelum ini memang kena caj. Itu yang saya dapat tahu sedikit masa inilah.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank asing dibenarkan buka cawangan di empat cawangan tiap-tiap tahun. Ini selaras dengan Pelan Induk Kewangan Negara Tuan Yang di-Pertua. Bank sudah ada lesen-lesen baru. Bank Islam pun sudah ada tujuh bank baru yang ditubuhkan oleh bank komersial yang ada di Malaysia. Mereka telah dibenarkan menubuhkan cawangan bank-bank Islam yang baru. Ada tujuh Bank Islam seperti yang saya sebut pagi tadi, termasuk juga bank luar ada tiga bank daripada Timur Tengah.

Satu bank sudah pun beroperasi dan dua lagi dijangka beroperasi pada hujung tahun ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi selaras dengan ini, bermakna bank-bank tempatan mereka kena bersungguh-sungguh bersaing dengan bank-bank luar ini. Saya yakin bank-bank kita, bank-bank Malaysia pun sudah besar, daripada 54 dahulu hari ini sudah jadi 10 dan tidak lama lagi jadi 9. Maka mereka besar dan saya yakin mereka boleh bersaing dengan bank-bank luar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang disebut dalam perbahasan pada hari ini. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah pun mengambil bahagian dan saya harap semuanya akan menyokong *bill* ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Insya-Allah, mereka akan menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEPENTINGAN ANTARABANGSA MENGENAI KELENGKAPAN BERGERAK (PESAWAT UDARA) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006, dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah teruskan dengan memberi huraian.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan satu akta yang baru digubal berikutan langkah negara ini menyertai dan meratifikasikan *The Convention On International Interests In Mobile Equipment (Convention Cape Town)* dan *The Protocol To The Convention On International Interests In Mobile Equipment On Matters Specific To Aircraft Equipment 2001* (Protokol Pesawat Udara).

Penyertaan dan ratifikasi tersebut telah didepositkan dengan rasminya pada 2 November 2005 dengan Malaysia sebagai negara kelapan meratifikasi protokol tersebut telah membolehkan penguatkuasaannya pada 1 Mac 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara telah digubal oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dan *Institute For The Unification Of Private International Law* untuk mewujudkan satu sistem perundangan pemberian kredit objek pesawat udara yang seragam. Sistem perundangan tersebut memberikan kepastian kepada pemberi kredit mengenai hak dan langkah segera yang boleh diambil sekiranya berlaku keingkaran terhadap kemudahan kredit yang diberi.

Pada masa yang sama, ia turut memberikan faedah ekonomi kepada syarikat penerbangan yang memohon kemudahan kredit bagi membeli objek pesawat udara. Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara ini turut diperkenalkan satu sistem pendaftaran yang membolehkan pemberi kredit mendaftar haknya ke atas kepentingan

antarabangsa dalam objek pesawat udara. Pendaftaran tersebut dibuat secara elektronik dan pejabat pendaftaran antarabangsa yang beribu pejabat di Ireland. Pendaftaran yang dibuat akan menentukan keutamaan hak pemberi kredit jika berlaku keingkaran.

Di samping itu, Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara turut menetapkan sistem carian ke atas kepentingan-kepentingan yang telah didaftarkan dengan pejabat pendaftaran antarabangsa. Sistem carian ini membolehkan pemberi kredit sedia ada, pakar pemberi kredit mengetahui apakah kepentingan antarabangsa yang telah didaftarkan berkenaan dengan objek pesawat udara tersebut. Selain itu juga, Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara membantu syarikat penerbangan mendapatkan pakej kemudahan kredit yang lebih kompetitif dengan terma-terma kemudahan kredit yang lebih baik. Ini kerana, pemberi kredit kini bersedia menawarkan kadar faedah yang lebih rendah kepada syarikat penerbangan yang memohon pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan tadi, Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara turut memberi faedah dan kebaikan ekonomi kepada syarikat penerbangan yang mana ianya membuka ruang kepada syarikat penerbangan untuk mendapat pakej kemudahan kredit yang lebih kompetitif berbanding sebelumnya. Sebagai contohnya selepas negara kita menjadi Negara Penjanji kepada Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara, US Ex-Im Bank iaitu salah sebuah syarikat pemberi kredit objek pesawat udara telah mengurangkan *exposure fee* kepada peminjam daripada Negara-negara Pejanji.

Berikutan itu, Ex-Im Bank telah menyatakan kesediaan mereka untuk memberi pengurangan *exposure fee* sebanyak 1 per 3 daripada jumlah pinjaman. Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan itu, Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad baru-baru ini telah membeli dua buah pesawat pengangkut Freighter 747-400 dan sekiranya pembelian tersebut dilakukan dengan menggunakan pembiayaan daripada Ex-Im Bank, PNB akan dapat mengurangkan kos pembiayaannya sebanyak RM9 juta.

Walau bagaimanapun disebabkan status Malaysia sebagai Negara Pejanji kepada Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara, PNB telah berjaya mendapatkan terma-terma tawaran yang jauh lebih baik dan ekonomi daripada Ex-Im Bank dengan menerima kemudahan kredit menerusi daripada *Japanese Operating Lease* atau JOL. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa Malaysia sebagai Negara Penjanji mendapat kebaikan serta-merta dan secara langsung daripada penyertaan dalam Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara tersebut.

Pada masa hadapan, adalah dijangkakan bahawa terma-terma kemudahan kredit ini akan menjadi lebih kompetitif apabila lebih banyak negara menyertai Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara itu. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penjelasan tadi, secara amnya PNB atau mana-mana syarikat penerbangan tempatan akan mendapat lebih banyak pilihan untuk mendapatkan kemudahan kredit bagi membeli objek pesawat udara.

Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kos kemudahan kredit dengan pengurangan kos pinjaman oleh pihak pemberi kredit dan pada masa yang sama memberikan jaminan yang lebih kepada pihak pemberi kredit yang dapat dilindungi kepentingan mereka di dalam sesuatu urusan niaga pinjaman. Di samping itu, Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara turut berperanan mengukuhkan kedudukan kewangan negara di peringkat antarabangsa disebabkan keupayaan kerajaan untuk mengurangkan atau mengecualikan jaminan kerajaan yang biasanya diperlukan dalam urusan pembelian pesawat udara.

Ini bermaksud jumlah *solvent debt* negara akan juga berkurangan. Penggunaan, perkembangan serta pasaran sektor pasaran baru dari segi penambahan bilangan pesawat udara akan membantu menjana pendapatan negara dari segi peningkatan aktiviti pengangkutan udara dan perjalanan pelancong ke Malaysia. Secara keseluruhannya Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara telah membolehkan syarikat-syarikat penerbangan tempatan mengurangkan kos kemudahan kredit melalui pengurangan kos pinjaman oleh pemberi kredit dengan terma-terma pinjaman yang lebih baik.

Pada masa yang sama ia turut memberi jaminan yang lebih kepada pemberi kredit untuk melindungi kepentingan mereka di dalam sesuatu pemberian kredit. Tuan Yang di-Pertua, Akta ini mempunyai tujuh fasal dan dua jadual. Jadual pertama merupakan teks Konvensyen Cape Town manakala jadual kedua merujuk kepada Protokol Pesawat Udara. Fasal 1 merujuk kepada tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta. Tajuk Akta ialah Akta Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006.

Tarikh berkuat kuasa Akta akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Fasal 2(1) memperuntukkan bahawa Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara terpakai di Malaysia dalam hal berkaitan objek pesawat udara. Maksud objek pesawat udara diperuntukkan dalam protokol pesawat, ianya ditakrifkan sebagai kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara dan helikopter.

Fasal 2(2) pula menjelaskan lagi skop pemakaian Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara. Pada amnya Konvensyen Cape Town meliputi tiga kategori atau objek iaitu:

- (i) kerangka pesawat udara, enjin pesawat udara dan helikopter;
- (ii) stok penggelekan kereta api; dan
- (iii) aset angkasa.

Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara mengandungi peruntukkan-peruntukkan umum tentang kegunaan serta kepentingan konvensyen tersebut dan penjelasan lanjut lokasi pesawat dinyatakan dengan lebih terperinci dalam protokolnya melalui sebagai Protokol Pesawat Udara. Dalam erti kata lain, Konvensyen Cape Town tidak menyentuh pemakaian spesifik mana-mana objek dalam satu konvensyen, akan tetapi pemakaian objek-objek khusus tersebut dinyatakan secara terperinci dalam protokol masing-masing.

Buat masa ini, hanya protokol berkenaan dengan pesawat udara telah dimuktamadkan dan berkuat kuasa.

Fasal 3 merupakan taksiran kepada beberapa perkataan yang digunakan dalam Akta ini.

Fasal 4 membolehkan Negara Penjanji menetapkan mahkamah yang akan mempunyai bidang kuasa sebagai mahkamah yang berkenaan untuk tujuan pelaksanaan konvensyen dalam konteks Malaysia sebagai Negara Penjanji, Malaysia telah mengisytiharkan bahawa semua mahkamah dengan bidang kuasa kompeten di bawah undang-undang Malaysia adalah mahkamah yang relevan bagi tujuan pelaksanaan Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara.

Fasal 5 memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang bersesuaian atau perlu bertujuan mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pelaksanaan serta pindaan terhadap konvensyen dan protokol itu.

Fasal 6 (1) menyatakan bahawa subseksyen 108(3) Akta Syarikat 1965 (*Act 125*) tidak terpakai bagi hal perkara yang tertakluk di bawah ruang legar Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara.

Subseksyen 108(3) Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bahawa semua gadaian dan penyerahan hak hendaklah didaftar dengan pendaftar syarikat. Pendaftaran ini bertujuan mendapatkan hak keutamaan kepentingan sekiranya berlaku keingkaran terhadap gadaian - *bargain default*. Selepas Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara dikuatkuasakan di negara ini, semua gadaian dan penyerahan hak yang melibatkan objek pesawat udara tidak perlu didaftarkan dengan pendaftar syarikat, sebaliknya ianya hendak didaftarkan dengan pejabat pendaftaran antarabangsa.

Sebagai contohnya apabila PNB menerima kemudahan kredit menerusi *Japanese Operating Lease* (JOL) bagi membeli dua buah pesawat pengangkut *Freighter 747-400*, pihak-pihak yang terlibat kini boleh mendaftarkan kepentingannya kepada pesawat tersebut di Pejabat Pendaftaran Antarabangsa.

Fasal 6 (2) pula menyatakan bahawa subseksyen 4(3) Akta Undang-undang Sivil 1956 tidak terpakai bagi perkara yang tertakluk di bawah ruang lingkup Konvensyen Cape Town dan Protokol Pesawat Udara. Di bawah subseksyen 4(3) Akta Undang-undang Sivil 1956, sesuatu penyerahan hak akan dianggap sah dalam dua keadaan iaitu:

- (i) notis bertulis telah diberi kepada pemberi hutang; atau
- (ii) prinsip ekuiti yang mengiktirafkan keutamaan walaupun tidak ada notis diberikan kepada pemberi hutang jika ekuiti tersebut wujud sebelum Akta Undang-undang Sivil 1956 itu diwujudkan.

Di bawah konvensyen dan protokol pula, sesuatu penyerahan hak akan dianggap sah hanya dengan satu keadaan iaitu notis bertulis telah diberi kepada pemberi hutang.

Fasal 7(1) memperuntukkan bahawa tertakluk kepada Fasal 6, Akta ini merupakan satu tambahan dan bukanlah pengurangan kepada mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai pembiayaan dan pemakaian objek pesawat udara, kewujudan kepentingan antarabangsa dalam objek pesawat udara dan pendaftaran objek pesawat udara sekiranya berlaku percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan-peruntukan dalam Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain, Akta yang dicadangkan hendaklah dipakai. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang hendak menyokong?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak dan Protokol kepada Konvensyen itu tentang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak tentang perkara-perkara khusus pada kelengkapan pesawat udara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang. Harus disedari ini juga satu langkah kita menuju agar dalam erti kata sepeh dan sebenarnya menjadi perkara dunia pertama kerana dengan memuktubkan piawaian perundangan sejajar dan setanding dengan segala piawaian perundangan antarabangsa atau sejagat, maka ke situlah kita tuju.

Dan ianya kini terbuka untuk dibahas. Datuk Soon Tian Szu kemudian Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

#### 4.21 ptg.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk bahaskan Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak Pesawat Udara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau main bola, kita di tapak 146, biarlah dalam membuat undang-undang kita di atas sikit.

**Datuk Soon Tian Szu:** Jadi di sini saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang sama-sama dapat mengemukakan satu Rang Undang-undang yang membawa Kementerian kita ke satu tahap yang lebih tinggi. Dan di sini juga kita lihat kalau boleh kita mempertingkatkan lagi pentadbiran *management*. Kalau kita nampak dalam undang-undang ini ialah supaya kita dapatkan satu *stated*, kedudukan supaya *financial* yang datang memberi '*interest rate*' yang lebih murah kepada kita, bukan sahaja dapat kita *special* dengan izin *interest*. Kita dapat juga menjimatkan daripada segi kewangan. Jadi bila kita dapat satu *stated* yang tinggi, satu pentadbiran yang bertaraf dunia juga kita kena wujudkan.

Jadi di sini saya juga nak minta sedikit penjelasan juga daripada pihak Kementerian sama ada pihak Penerbangan Malaysia Berhad ini yang sentiasa dikatakan mempunyai ataupun kita katakan *own* dengan izin, harta daripada MAS ini. Jadi saya pun *confuse* sikitlah sebab saya dapat banyak soalan daripada rakyat juga tentang di antara PMB dengan MAS. Jadi kita nak tahu sebab banyak masalah MAS kita nampak daripada segi pentadbiran MAS. Jadi *one hand*, satu tangan kita boleh jimat wang. Satu tangan lagi kita kena mempertingkatkan pentadbiran pengurusan kita. Jadi saya nak tahu sama ada pihak PMB ini, kedudukan PMB dan juga kedudukan MAS. Saya difahamkan MAS itu cuma untuk pentadbiran sahaja, pengurusan. Jadi yang *property* ataupun harta benda dengan izin Tuan Yang di-Pertua, itu adalah harta benda yang di *own* kan dengan izin oleh pihak-pihak PMB.

Jadi saya nak tahu sedikit sebanyak daripada Kementerian untuk menjelaskan kepada pihak rakyat. Jadi saya harap dengan adanya undang-undang ini, kita dapat sama-sama mempertingkatkan pengurusan. Saya ambil contoh, pengurusan kalau PMB dan juga MAS ini kalau dipertingkatkan, saya ambil contoh seperti kita nak buat tempahan nak pergi ke luar negara. Jadi biasa kita buat *booking* dengan izin, kita buat *booking* itu dia kata ada tempat. Bila kita nak tambahkan lagi dalam dua minggu yang kemudian, dia kata tak ada tempat. Itu daripada segi nak buat pemasaran.

Jadi bila kita nampak, kita sudah tahu kita punya kawan, kalau nak pergi itu bila dia buat *booking* sekali lagi jadi kita nampak dia tak dapat tempat yang dia nak. Dan bila kita dah bertolak naik ke kapal terbang, kita nampak tempat itu kosong. Jadi ini merupakan satu pentadbiran yang lemah yang mana saya nampak di pentadbiran MAS. Jadi saya nak tahulah sedikit sebanyak kalau *one hand* kita dapat jimatkan. Lagi satu *the other hand* kita tidak dapat mempertingkatkan pentadbiran kita. Jadi saya haraplah pihak Kementerian dapat ambil berat, saya cuma ambil satu contoh sajalah. Jadi pada petang ini saya cuma nak sampaikan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang ini menjurus kepada soal aset.

**Datuk Soon Tian Szu:** Ya, aset.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan pengurusan aset. Tadi Yang Berhormat sentuh aspek operasi, *operational*.

**Datuk Soon Tian Szu:** Ya, saya tahu, saya nak kaitkan ini sebab ini berkaitan dengan PMB dan MAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang orang politik suka kait-kait.

**Datuk Soon Tian Szu:** Ya, akan dikaitkan. Jadi saya nak kaitkan ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab, memang kita sentiasa dapat aduan tentang masalah ini. Jadi kita nak luluskan undang-undang, semua kita boleh sokong tapi dengan syarat kita dapat mempertingkatkan pentadbiran kita, pengurusan kita. Itu yang saya nak *highlight*. Jadi saya ucap terima kasih lah kerana diberi peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Soon. Dr. Puad.

**4.26 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya dari awal-awal lagi memang menyokong Rang Undang-undang ini iaitu untuk kita menyertai Konvensyen Cape Town dan juga Protokol Pesawat Udara ini. Apatah lagi setelah mendengar penjelasan tadi iaitu bahawa yang pertama ialah, apabila diberikan contoh PMB dengan Ex-Im Bank, iaitu bila kita menyertai Konvensyen dan Protokol ini, kita mendapat terma-terma yang lebih baik, yang lebih *economical* dengan izin. Yang mana sebenarnya ini adalah lebih baik dari segi kemudahan kredit yang diberikan, itu satu perkara yang meyakinkan saya bahawa jika contoh itu benar-benar berlaku dan saya yakin memang betul. Maka kenapa kita tidak menyokong untuk menyertai konvensyen dan juga protokol ini.

Yang kedua ialah, apabila dimaklumkan tadi bahawa dengan kita menyertai Konvensyen dan Protokol ini, kerajaan tidak perlu lagi menjadi penjamin kepada sebarang pembelian seperti pesawat dan sebagainya. Dan ini mengurangkan apa yang disebut sebagai *solvent debt* dengan izin kepada kerajaan kita sendiri. Dan sudah tentulah bagi saya penyertaan kita di dalam Konvensyen Cape Town dan juga Protokol Pesawat Udara ini akan mendatangkan lebih banyak kebaikan khususnya kepada syarikat-syarikat penerbangan kita seperti MAS yang dikaitkan dengan PMB tadi iaitu Penerbangan Malaysia Berhad. Memang Tuan Yang di-Pertua, ramai orang *confuse* juga sebenarnya, saya ambil contoh tentang MSS. Lebih kurang empat ribu lebih bersetuju untuk ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mudah saja kalau nak terang, kira macam hotel lah. Hotel Hilton itu, bangunan bukan dia punya, InterContinental itu, bangunan bukan dia punya. Jawabnya kalau orang tanya, macam hotellah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Cuma Tuan Yang di-Pertua, ini memberi peluang juga kepada saya untuk membangkitkan sesuatu isu iaitu tentang MSS ini. Empat ribu lebih yang ambil, maka berapa jumlah yang kena bayar kepada mereka ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kan saya kata tadi orang politik ini memang suka kait-kait.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Betul, terutama Dato' Musa Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

Itu belum bangun lagi. Jadi maksudnya, sebenarnya yang akan bayar ialah kerajaan sebab PMB syarikat kerajaan, melalui Khazanah. Jadi kerajaan yang menanggung akibat pelaksanaan MSS ini sebenarnya. Jadi sebab itulah kadang-kadang perkara seperti ini menyebabkan kenapa Tuan Yang di-Pertua kita merasakan ada perkara-perkara yang perlu kita tegur dan sebagainya.

Berbalik kepada soal pesawat. Memang kita merasakan bahawa kadang-kadang pesawat *national carrier* kita dengan izin, MAS ini memang mendukacitakan. Kita kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, berpeluang duduk *first class*, terima kasih lah kepada kerajaan

memberikan kita peluang duduk *first class* ini. Tapi kadang-kadang tandas di *first class* pun mendukacitakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diuruskan oleh kerajaan, tapi duit rakyat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** [*Ketawa*]. Ya, duit rakyat, tapi sebenarnya kita bukan nak naik *first class* Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya layak untuk *business* sahaja, tapi di *upgrade* kerana ada tempat kosong, daripada membazir, biarlah kita duduk *first class*.

Tuan Yang di-Pertua, memang pesawat MAS ini kita dapati *carpetnya*, kadang-kadang tempat duduk pun ada yang sudah rosak. Dia suruh tegakkan tempat duduk sebelum *landing*, tetapi bila kita tegakkan, kita bersandar ia ke bawah juga. Pramugari marah kita dua tiga kali. Sebenarnya bukan salah kita, salah MAS sebenarnya sebab pesawat sudah rosak, tetapi kita yang jadi mangsa. Sebenarnya saya memang merasakan bahawa kebanyakan pesawat-pesawat kita ini perlu ditukar kepada pesawat baru terutamanya MAS sebab ini *national carrier*. Cuma saya rasa barangkali *constraint*, dengan izin, yang dihadapi oleh MAS ialah dari segi pembelian aset ini, iaitu pembelian pesawat-pesawat baru. Jadi saya berharap dengan penyertaan kita di dalam *convention* ini dan juga protokol ini maka ini akan memberi peluang kepada kita untuk meningkatkan lagi perkhidmatan *national carrier* kita ini iaitu dengan pembelian pesawat-pesawat baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya memang menyokong penuh MAS ini kena beli Airbus 380 ini, sebab saya pernah naik Airbus 380 ini tetapi yang tidak bergeraklah, yang menjadi contoh sahaja semasa saya pergi air show di Paris. Memang besar, dua tingkat, Tuan Yang di-Pertua, maksudnya boleh muat lebih kurang 800 maksimum dan bila ia membuat ujian penerbangan dan sebagainya, memang saya takjub dengan kehebatan teknologi Airbus 380 ini. Jadi, yang menjadi isu sekarang ini ialah kita sudah menempah Airbus 380, saya tidak tahulah apakah kita menggunakan kemudahan kredit ini. Tetapi yang kita dengar pula ialah ditangguh lagi, banyak kali ditangguh.

Kenapakah Singapura dapat lebih awal daripada kita Airbus 380? Apakah maksudnya kita lambat berunding dengan pembekal Airbus, kerana tidak ada duit, kita punya deposit itu sedikit sangat ataupun mungkin kerajaan tidak mahu menjadi penjamin? Jadi, apabila dengan penyertaan kita dalam *convention*, kerajaan tidak perlu menjadi penjamin, sebagai *guarantor* maka saya berharap pembelian Airbus 380 ini akan dapat disegerakan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, kita dimaklumkan iaitu bahawa Air Asia juga akan membeli kapal terbang Airbus 320 sebanyak 100 buah pesawat. Apa yang kita faham apabila Air Asia membeli pesawat 100 buah ini, saya tidak tahulah apakah mereka ini juga boleh menggunakan kemudahan kredit ini. Tetapi apabila mereka membeli pesawat ini, kita difahamkan bahawa yang akan menyediakan segala kemudahan *engineering servicensya*, iaitu dari segi pemeriksa kapal terbang, isi minyak dan sebagainya akan dilakukan oleh MAS.

Maksudnya MAS akan menanggung suatu beban baru iaitu mereka mesti memberikan, ini adalah keputusan kerajaan iaitu memberikan *engineering service*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada Air Asia sebab MAS sekarang ini menggunakan kapal terbang *Boeing* bukan *Airbus*. Jadi, apa yang saya difahamkan ialah bahawa ini akan menyebabkan MAS terpaksa memberikan latihan baru kepada anggota-anggota bahagian kejuruteraannya untuk membantu Air Asia yang akan menggunakan kemudahan Airbus ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat melihat perkara ini sebagai suatu bebanan, ya. Tidakkah ia boleh dilihat sebagai satu peluang perniagaan bagi MAS untuk jual perkhidmatan kepada Air Asia?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, sebab apa yang saya difahamkan ialah untuk menyediakan latihan-latihan baru kepada mereka ini ia akan melibatkan kos yang tinggi dan ini akan mengganggu, apa yang dikatakan sebagai *turn around*, dengan izin, yang ingin dilakukan oleh MAS. Kadang-kadang kita merasakan bahawa Air Asia ini ia menganggap seolah-olah ia pun sebagai *national carrier*. Sebab itu apabila kerajaan baru-baru ini membenarkan MAS untuk kembali kepada program tambang murah nya dibenarkan semula kepada MAS, kita tengok Air Asia membuat suatu bantahan. Dia membantah, dia kata *level playing fields*, dengan izin, kenapa hendak disamakan dia dengan MAS dan dia kata ini tidak adil.

Jadi, ini kadang-kadang menyebabkan kita merasa dukacita. Kenapa dia hendak marah sangat bila MAS dibenarkan kembali oleh kerajaan. Tetapi saya berterima kasih kepada kerajaan iaitu bertegas dan tetap memberikan kebenaran kepada MAS untuk tambang murah ini, terutamanya tambang diskaun ini kepada warga emas dan sebagainya. Ini yang saya katakan, kenapa MAS dibebankan dengan Air Asia ini sebab sebelum ini Air Asia menggunakan *service* kejuruteraan di tempat lain tetapi kerajaan telah membuat keputusan sekarang ini MAS kena membantu Air Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kadang-kadang saya minta kerajaan membezakan, jangan sebab itu bila berlaku *route rationalizations* ini, dengan izin, kita merasa dukacita apabila MAS tidak diberikan laluan lamanya yang penting, seperti yang saya sebut antara laluan di Johor Bharu. Nyata bahawa MAS, Saudara Idris Jala di dalam dialog kita menyatakan sebenarnya mereka mahukan laluan itu balik, kenapa diserahkan kepada Air Asia. Saya yakin berdasarkan kenyataan yang telah dibuat oleh kerajaan, mungkin MAS akan dapat balik laluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang Johor oleh kerana *Airport Senai* itu akan dijadikan sebagai *cargo hub* untuk kita lebih kompetitif bersaing dengan Singapura. Apatah lagi kerajaan dalam RMK-9 sudah pun mengumumkan bahawa Koridor Johor Selatan adalah sebahagian daripada projek yang akan menjayakan RMK-9. Maka sudah tentulah kita mengharapkan bahawa MAS yang mempunyai kemampuan yang lebih baik dari segi kargo dan sebagainya mestilah diberikan laluan itu di Senai sebab saya lihat Air Asia sehingga setakat ini tidak dibenarkan masuk ke Singapura. Jadi, bagaimana mereka hendak menguruskan kargo-

kargo, terutamanya yang datang dari Sarawak dan Sabah. Jadi, sebab itulah kenapa saya mengharapkan perkara ini diberikan perhatian.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kupasan Yang Berhormat tadi tentang hendak balik kepada Air Asia dan MAS. Minta maaf Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan terkeliru, saya juga terkeliru beberapa kali sudah. Jawapan daripada Yang Berhormat bahawa MAS dan Air Asia sedang membuat persetujuan tentang *routes* yang diberi kepada Air Asia.

Tetapi selepas itu, baru-baru ini kita baca dalam kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh pengurusan MAS sendiri, Pengarah Urusannya Idris Jala, beliau sendiri mengatakan bahawa beliau sanggup mengambil balik route yang diberi kepada Air Asia ini kalau kerajaan setuju. Maknanya saya sudah beritahu dulu ada permainan silap mata, tetapi Yang Berhormat kata tidak ada permainan silap mata. Jadi, yang mana satu yang benar, mana satu yang betul, saya pun sudah terkeliru. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat bukan daripada Kementerian Silap Mata.  
[Ketawa]

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, timbullah isu-isu harimau sarkas dan sebagainya, sebab itulah kita perlukan jawapan yang betul sebab Air Asia pun datang ke Dewan Negara, MAS pun datang ke Dewan Negara. Kedua-duanya memberikan taklimat dan bila kita tanya kepada MAS, dia kata sebenarnya dia perlukan laluan-laluan tersebut. Sebab itu kita hairan apabila dikatakan bahawa sebenarnya *route rationalization* ini, dengan izin, adalah hasil daripada persetujuan MAS dan juga Air Asia. Sebab itulah bila timbul keputusan kerajaan membenarkan balik MAS dengan tambang murah ini, Air Asia bising. Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya baca satu artikel Air Asia, tajuknya mudah sahaja, 'Fahamilah Air Asia'. Jadi, dia merasakan seolah-olah bahawa kritikan-kritikan itu adalah tidak adil. Sebenarnya bukan kita ini tidak sayang dan tidak suka kepada Air Asia. Air Asia juga kita sebenarnya berbangga dengan kejayaannya. Kita gembira dengan kemampuan pengurusan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih pengundi beli tiket Air Asia atau lebih pengundi beli tiket MAS?

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Itu cukup rumit hendak saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka jaga-jagalah bila berucap. [Ketawa]

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Kedua-duanya ada sumbangan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya harap maksudnya dengan usaha MAS untuk *turn around*. Saya takut kadang-kadang mungkin Air Asia bimbang bila melihat program *turn around* MAS ini, mungkin dia anggap ini sebagai satu cabaran yang menyebabkan....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik daripada perkataan *turn around* tadi. Kita melihat bahawa *turn around* MAS ini telah pun menunjukkan keuntungan pada bulan Mac kalau tidak silap saya, walaupun tidak banyak tetapi telah diberi amaran oleh Idris Jalal bahawa *turn around* ini telah menunjukkan satu perkara yang positif.

Tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat iaitu sebagai seorang ahli Parlimen, salah satu kemudahan yang telah diberi oleh Parlimen melalui MAS ialah 25% potongan tiket pada mana-mana *route* yang diambil dalam *domestic flight*, dengan izin. Baru-baru ini telah diberitahu bahawa jumlah ini telah pun dikuotakan dan kuota ini pula mesti dihadkan kepada orang-orang tertentu sahaja. Apabila dibuat tempahan-tempahan mana-mana *route* yang ada, mestilah tempahan ini menyebutkan bahawa tempahan ini adalah untuk ahli Parlimen dan kebanyakannya dikatakan apabila dibuat tempahan ini, semuanya penuh.

Apabila ditanya cara yang lain, secara tiket yang penuh, masih lagi kosong. Adakah ini juga merupakan salah satu *turn around, management* yang dibuat oleh MAS kepada ahli-ahli Parlimen. Apa pandangan Yang Berhormat tentang cara-cara yang telah dilaksanakan oleh MAS? Mungkin juga pihak kerajaan boleh memberi jawapan. Adakah ini sebahagian daripada *turn around* dengan menarik balik kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada ahli Parlimen. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah benarkan perbahasan pergi jauh daripada masalah di depan Majlis. Jadi, saya amat berharap agar Yang Berhormat dapat buat sedikit *U-turn*. Silakan. Yang Berhormat hendak berikan laluan.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sedikit sahaja berkenaan dengan strategi *turn around* MAS yang disebutkan oleh Yang Berhormat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak pergi jauh lagi?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sedikit sahaja. Saya juga dimaklumkan bahawa MAS juga telah menarik balik kemudahan tiket tambang murah yang diberikan kepada warga emas bermula pada bulan Ogos. Jadi, minta pandangan Yang Berhormat, adakah ini wajar sebagai sebuah syarikat penerbangan yang dipunyai oleh kerajaan menarik balik kemudahan yang diberi kepada orang-orang yang telah berjasa dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menghormati apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut, jadi saya hendak jadikan apa yang dibangkitkan oleh kedua-dua sahabat ini ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandai Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** .....sebagai sebahagian kepada soalan saya kepada ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu jawab, Yang Berhormat kata untuk menghormati saya. [*Ketawa*] Bukan helah untuk lari daripada pertanyaan itu.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itulah, ini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri kena jawab. Sebab sebenarnya pun Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah di *Airport Senai* itu, *golden lounge* untuk *business class* sudah tidak ada, ditutup. Kita naik *business class* tetapi sekarang sudah tidak ada. Sebab itu kadangkadangkang adalah *turn around* MAS yang kita kena tegur, jangan sampai maksudnya orang merasakan bahawa *service* MAS ini tidak mendatangkan keselesaan, khususnya kepada penumpang-penumpang *business*. Jadi, sebab itu saya rasa perkara ini harus menjadi perhatian kepada MAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dalam .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat menjawab dua-dua ....

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Saya jadikan soalan saya kepada Timbalan Menteri. Boleh Tuan Yang di-Pertua ya ?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan tetapi terpujanglah kepada Yang Berhormat, sama ada hendak jawab atau tidak perkara itu. Dan, suka saya ingatkan bahawa celahan-celahan juga merupakan sebahagian daripada perbahasan.

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya harap tentang MSS tadi, sebab ini melibatkan Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) dan kita dapat tahu bahawa di kalangan yang mengambil MSS ini adalah kebanyakan mereka yang mempunyai pengalaman yang sudah lama dan jawatan yang penting. Oleh kerana tawarannya begitu baik, pembayarannya begitu tinggi mereka ambil duit itu, ada yang dapat RM900 ribu tetapi yang malangnya kita kehilangan golongan-golongan yang profesional ini, yang sudah berpengalaman dan bukan pun mereka ini berpindah bekerja di tempat lain, syarikat penerbangan di luar negara dan sebagainya.

Jadi, saya bimbang bahawa sebenarnya kesan yang lebih buruk ialah kita kehilangan mereka yang sudah berpengalaman, yang profesional ini, yang sudah lama bekerja dan akhirnya berlaku apa yang dikatakan sebagai *brain drain*, kepakaran-kepakaran yang cukup penting yang ada dalam MAS. Sebab itulah saya berharap oleh kerana PMB ini adalah milik kerajaan dan kita juga berharap bahawa jangan sampai nanti masanya Air Asia dan MAS ini juga apabila mereka membeli pesawat-pesawat ini, saya tidak tahu apakah ikatan-ikatan lain yang ada.

Jika sekiranya berlaku *dispute* dengan pemberi kredit, iaitu apakah pemberi kredit ini selain daripada ada hak untuk mengambil balik pesawat ini apakah mereka ada hak juga untuk membeli saham syarikat penerbangan ini dan akhirnya pembeli-pembeli kredit ini, daripada luar

negara ini, mereka ini akan menguasai syarikat-syarikat penerbangan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**4.46 ptg.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nyaris-nyaris saya kata Syeikh Abdul Kadir tadi. Haji Sheikh Fadzir.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Boleh saya mula, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006. Saya hendak bercakap satu isu sahaja Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ia ke lain sedikit tetapi masih dalam Kementerian Pengangkutan, masih lagi dengan syarikat penerbangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun mendapat beberapa aduan daripada kakitangan MAS sendiri. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi tentang pemberian MSS ini. Pada mula-mulanya sebelum pemberian MSS ini, pihak MAS sendiri telah buat *road show*, turun padang. Ini berlaku di Pulau Pinang, mungkin di Sarawak, Sabah, itu negeri lain. Ini saya bercakap dari Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila mereka turun padang, mereka menyatakan 400 pekerja akan diberhentikan di Pulau Pinang dan kalau hendak minta MSS, minta. Apabila kakitangan ini sudah pun minta MSS, kalau kata hendak berhenti 400 orang, yang minta lebih kurang 280 orang sahaja kakitangan MAS. Apabila dalam *road show* itu, pentadbiran MAS sendiri menyatakan bahawa kalau yang pencen bawah daripada 2 tahun, tidak akan dipertimbangkan. Tetapi malangnya 280 orang yang minta, yang diluluskan hanya 100 sahaja. Apa yang saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri siasat adakah penyelewengan berlaku di atas tawaran skim ini.

Sebab kita tidak mahu, hari ini kakitangan MAS sendiri sudah cemas. Bagaimanakah perancangan MAS untuk memajukan MAS sendiri, kakitangan tidak ada moral untuk bekerja, *morally* sudah *out*, semangat tidak ada. Dan, baru-baru ini dalam kenyataan akhbar sendiri, banyak kakitangan dibuang oleh pihak MAS sendiri. Dia kata 6,000 orang pekerja akan diberhentikan. 3,000 sudah ambil MSS dan yang lain itu sudah tentu akan diberhentikan begitu.

Jadi bagaimanakah mereka ini akan bekerja, akan menaikkan imej MAS, pekerja-pekerja ini sedangkan mereka tidak tahu masa depan mereka. Nasib mereka bagaimana?

Jadi, saya berharap kalau 100 orang sahaja lulus, kalau kita boleh beli kapal terbang, saya bersetuju macam rakan saya kata tadi, ada yang hendak bekerja, ada yang tidak hendak bekerja. Kalau yang tidak minat bekerja, kalau dia minta MSS Penerbangan Malaysia Berhad ini ada duit, beri pada mereka ini sebab mereka sudah minat bekerja. Kita takut kalau mereka tidak minat bekerja, kita paksa, esok ada sabotaj dalam MAS sendiri.

Jadi saya berharaplah pihak kementerian supaya menyasat perkara ini. Saya bercakap ini di Pulau Pinang dan saya mahu supaya pihak kementerian sendiri mengambil berat tentang perkara ini. Ini adalah kakitangan MAS, hari ini mereka cemas, tidak tahu ke mana hendak bawa nasib mereka.

Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim dan kemudian Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat bermula, saya memohon maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya perkara-perkara yang menyimpang daripada masalah di hadapan Majlis ditimbulkan. Ini menampakkan minat dan kepercayaan terhadap kemampuan Yang Berhormat menangani isu-isu yang berkaitan.

#### 4.52 ptg.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat udara) 2006. Hujah saya, Insya-Allah pendek sahaja. Saya ingin menyentuh perkara - tadi rakan saya pun ada menyentuh sedikit tentang - saya mulakan dengan ucapan syabas kepada kerajaan kerana dalam Konvensyen Cape Town, dengar-dengar cerita bahawa terma-terma yang telah dipersetujui atau terma-terma yang dikatakan baik dari segi kos dan sebagainya.

Apa kebimbangan saya adalah lebih kepada syarat-syarat yang mungkin ada yang tersurat ataupun yang tersirat. Sebagai seorang, kita tahu tentang apa yang dikatakan dengan izin, "*Beware of Greeks Bearing gifts*". Maknanya ini adalah satu perkara di mana kita dapat terma-terma yang baik, tetapi adakah kita juga disyaratkan dari segi jenis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ungkapan "*Beware of Greeks Bearing gifts*" itu adakah lebih kepada "Greeks" ataupun "*those who bear gifts*"?

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Saya rasa "*those who bear gifts*", Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan kepada semata-mata "*the Greeks who bear gifts*"?

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah syarat-syarat mereka termasuklah syarat-syarat jenis enjin, mungkin, di mana kita hantar pesawat untuk diservis. Termasuk juga perkara-perkara lain yang mungkin ada kaitan. Termasuklah *routing* dan sebagainya. Adakah perkara-perkara ini menjadi satu perkara yang diguna pakai oleh pihak-pihak tertentu? Mungkinkah juga jenis pesawat yang kita beli itu sendiri menjadi satu syarat supaya sesetengah ini menjadi satu cara untuk sesetengah syarikat untuk menjual pesawat ataupun khidmat mereka di dalam dunia *business* ini.

Kita tahu, macam tadi Tuan Yang di-Pertua pun ada bercakap "*spare hotel*", kadangkadangkang macam kereta juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita bawa kereta, tidak kisahlah kereta sebesar mana sekali pun orang tidak tahu, kereta kita sendiri ataupun kita sewa. Jadi yang ini adalah satu perkara, yang kalau tuan yang punya mungkin bukan Malaysia tetapi US Axim Bank dan sebagainya. Saya bimbang ada juga ternampak, kalau saya tidak silap dalam rang undang-undang ini ada fasa mengatakan dia boleh mengambil alih aset ini dan bayaran terpaksa juga dibuat walaupun katakanlah tidak berjalan dengan elok tuan punya berhak untuk mengambil alih pesawat-pesawat ini dan bayaran harus dan mesti dibuat oleh pihak-pihak pembayar.

Jadi, saya ingat itu sahajalah sebenarnya saya tekankan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi syarat-syarat yang berkaitan dengan terma-terma yang dikatakan baik dalam Rang Undang-undang ini. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mumtaz.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya mungkin kekurangan maklumat dan juga ilmu tentang masalah pesawat udara. Walau bagaimanapun, saya juga ingin menyumbang sedikit idea ini kepada Yang Berhormat Menteri khususnya mengenai peruntukan undang-undang yang telah dikemukakan dalam Rang Undang-Undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006. Ini kerana sebahagian besar daripada peruntukan undang-undang ini menunjukkan seolah-olah bila kita beli pesawat ini kita macam sudah tidak hendak bayar. Dari segi peruntukan tidak hendak bayar, remedi, penarikbalikan penebusan, kesemua perkara-perkara ini didetailkan sehingga sebegini rupa.

Sebagai seorang yang mempunyai asas daripada guaman, saya rasa kalau begini cara undang-undang itu diperbadankan di Parlimen, seolah-olah macam pihak yang membuat perjanjian yang kita sudah boleh membayangkan bahawa akan ada ketidakupayaan yang besar bagi sebuah syarikat iaitu dalam kes-kes ini mungkin daripada kerajaan kita untuk membayar balik semua pesawat yang kita bayar dalam keadaan yang betul-betul terjamin.

Jadi, mungkin pihak kerajaan perlu menilai balik. Tengok balik apa perkara yang berkemungkinan kita boleh atasi. Sebagai contohnya, kalaulah kita beli rumah atau beli kenderaan. Sekarang saya difahamkan bahawa Arab *Malaysian Finance* telah pun mula

menggunakan kaedah seolah-olah macam MRTA iaitu menginsuranskan kereta-kereta sekiranya tidak boleh dibayar oleh tuan akan dibayar oleh insurans.

Di dalam kes yang melibatkan pembelian pesawat yang bernilai mungkin beratus-ratus juta, adakah pendekatan yang sama akan dibuat oleh kerajaan iaitu dengan membayar insurans yang perlu bagi mengelakkan harta ataupun aset-aset kerajaan ini akan diambil balik, ditebus atau dirampas oleh pihak-pihak yang memberikan pembiayaan kepada pembelian pesawat-pesawat tersebut.

Kemudiannya mengenai perkara yang juga disebut dalam akta ini iaitu untuk memastikan keperluan serta faedah ekonomi yang luas. Saya juga bagi pihak kerajaan Kelantan memohon agar cadangan supaya Lapangan Terbang Kota Bharu dapat dinaiktarafkan sebagai lapangan terbang antarabangsa kerana saya rasa ini akan memberi faedah ekonomi yang luas kepada semua pihak yang berkepentingan kerana saya rasa pesawat MAS dan Air Asia yang membuat penerbangan ke Kota Bharu sentiasa penuh dan sekiranya dapatlah hasrat ini dijadikan salah satu tindakan kerajaan, kemungkinan Tahun Melawat Malaysia 2007 dengan jadinya Kota Bharu itu dinaiktarafkan kepada lapangan terbang antarabangsa mungkin akan lebih membawa pelancong ke Kelantan dan juga ke Malaysia amnya.

Dalam kes ini juga, ingin menanyakan kepada pihak kerajaan tentang maksud pajakan berasaskan aset. Adakah maksud pajakan berasaskan aset ini ada tahun-tahun tertentu pesawat-pesawat ini dipajak kepada bank tertentu dan juga berapa lama masa pajakan yang diberikan ataupun yang dikenakan oleh pihak pembiaya.

Satu lagi mengenai keselamatan objek pesawat udara. Saya suka untuk merujuk dalam kes yang melibatkan Tan Sri Yahya di mana keselamatan objek udara yang telah dibeli oleh beliau mungkin membawa kepada kematian beliau. Walaupun perkara ini telah pun mendapat keputusan secara rasmi, tetapi saya rasa perkara ini juga mungkin kita akan perlu perhatikan dengan lebih baik sebab keupayaan rakyat Malaysia untuk membeli sama ada helikopter atau pesawat udara itu tidak ramai yang dapat. Jadi, kalaulah perkara ini ada dua tiga orang dalam Malaysia yang mampu untuk beli helikopter atau kapal terbang, masalah keselamatan dari segi objek dan juga alat-alat di pesawat tersebut hendaklah diambil kira dengan lebih serius.

Saya rasa itulah sahaja. Dengan itu saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat menjawab dan menggulung perbahasan.

**4.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga bagi pihak kementerian berterima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan termasuk beberapa isu berkaitan

dengan rang undang-undang ini dan juga berkenaan dengan beberapa perkara yang ada dalam bidang kuasa kementerian.

Pertamanya, saya ingin menjawab lebih khusus kepada perkara-perkara yang saya anggap ada kaitan dengan rang undang-undang ini dulu. Selepas itu nanti saya akan pergi kepada perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertama Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim telah pun menyentuh mengenai keraguan beliau. Kita kena berjaga-jaga, dia kata kuarir mungkin ada perkara tersirat ataupun tersurat penyertaan kita dalam Cape Town ini. Saya ingin memberi jaminan di sini kepada Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak dan Yang Berhormat Puan Mumtaz bahawa kerajaan telah pun meneliti perkara ini dengan cukup teliti. Itulah sebab apabila kita memilih untuk meratifikasikan protokol ini, kita hanya mengambil yang berkaitan dengan pesawat udara. Ada tiga bahagian protokol ini;

- (i) mengenai *aero space*; dan
- (ii) *Rolling stock railway*.

Jadi kita tidak meratifikasikan kedua-dua kerana kita masih ... dengan lebih teliti untuk menentukan bahawa tidak ada perkara yang tersirat dan tersurat yang akan memerangkap kita tempoh hari nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna, kita harus yakin bahawa dalam perkhidmatan awam pun banyak juga *legal* kita.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Kita memang ada mempunyai pasukan-pasukan peguam, Pejabat Peguam Negara, segala terma-terma protokol yang kita telah ambil di sini.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi, mengenai nampaknya kita seolah-olah tidak berniat bayar hutang yang kita pinjam. Saya fikir Yang Berhormat ini tidak baca rang undang-undang ini dengan teliti, tidak melihat kerana kita juga ada banyak undang-undang mengenai pinjaman jual beli dan sebagainya. Tidak berertinya kalau ada undang-undang itu kita berniat jahat untuk tidak membayar hutang. Fikir Yang Berhormat mengambil cara yang lebih mudah, mungkin hendak menuduh kerajaan tidak berhati-hati apabila kita.....

**Puan Mumtaz Md Nawi:** Minta laluan.....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ..... mengambil keputusan untuk meratifikasikan protokol ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Puan Mumtaz Md Nawi:** Saya memohon maaf dalam kes ini. Saya tidak berniat untuk mengatakan bahawa kerajaan berniat untuk tidak membayar, tetapi apabila melihat kepada sebahagian besar kepentingan-kepentingan yang telah dinyatakan mungkin dalam konvensyen itu sendiri, saya bimbang perkara ini, pihak kita ini walaupun kita sudah ramai peguam mungkin sudah meneliti perkara-perkara ini, saya bimbang dari sudut kalaulah kita boleh dilindungi

dengan insurans ataupun dengan cara-cara lain supaya kita terjamin dari segi pembayaran. Bukan maksud saya ada niat untuk tidak membayar. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat yakin dengan Kerajaan Barisan Nasional dan juga dengan peguam-peguam kerajaan. Kita sentiasa melihat kepentingan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kata orang utara, Yang Berhormat ini dia perlahan sahaja, sederhana sahaja dia “keng” orang. *[Ketawa]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Apa tadi, saya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia “keng, keng”... *[sambil menunjukkan caranya]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Oh, dia “keng”, *[sambil menunjukkan caranya]* *[Ketawa]* kerana seperti Tuan Yang di-Pertua yang telah pun beritahu tadi, kita meratifikasikan protokol ini adalah supaya kita dapat bersama-sama dengan negara lain mengambil manfaat dengan persetujuan antarabangsa. Kerana sekarang industri penerbangan seluruh dunia menghadapi satu cabaran yang begitu hebat mengenai kosnya. Jadi IATA telah pun berbincang dan mencari jalan bagaimana hendak mengurangkan kos supaya syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia termasuk syarikat penerbangan kita di Malaysia dapat bersaing.

Jadi, inilah satu caranya, dan kita adalah satu daripada lapan negara yang telah meratifikasikan ini, dan kita berharap dengan kita mengurangkan kos, kita membeli kapal terbang ini, kita dapat mengurangkan kos operasi dan kita juga dapat bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan lain di seluruh negara supaya bendera Malaysia yang dibawa oleh MAS terus berkibar di seluruh dunia dengan bangga dan membawa keuntungan kepada MAS sendiri. Itulah matlamat kita, jadi saya berharap Yang Berhormat faham mengenai perkara ini. Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi juga menyentuh mengenai keselamatan kapal terbang kita.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, di negara kita, kita ada badan pengawal selia DCA yang diberi kuasa di bawah kementerian untuk menentukan bahawa semua pesawat yang terbang di negara kita mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan oleh bukan hanya negara kita, tetapi *International Civil Aviation Organization* badan dunia. Saya harap Yang Berhormat percayalah kita pun sama-sama memikirkan bahawa keselamatan kapal terbang kita adalah satu isu yang paling penting sekali.

Kementerian tidak akan bertolak ansur mengenai masalah keselamatan ini. Kalau ada perkara berlaku yang tidak diingini, itu kadang-kadang kita tidak dapat mengelak. Tetapi, tidak juga kita anggapkan sebagai kecuaiian pindaan. Sebagai satu, kita tidak memikirkan keselamatan penumpang dan pesawat tersebut. Beberapa Yang Berhormat tadi telah pun menyentuh mengenai *rationalization of domestic routes* kalau saya tidak silap, perkara ini banyak telah diperbincangkan dalam Dewan ini. Kalau kita meneliti, sejarah ataupun perjalanan rasionalisasi ini kita nampak, yang pertama ianya adalah untuk menunjukkan bahawa kedua-

dua syarikat penerbangan kita MAS dan Air Asia dapat meningkatkan prestasi mereka dan dapat juga sama-sama membawa kebaikan kepada industri penerbangan kita.

Jadi, apabila rasionalisasi ini dimulakan, diberi peluang kepada kedua-dua syarikat iaitu berbincang untuk menentukan laluan, apa dia laluan utama dan apa dia bukan laluan utama. Satu ketika Yang Berhormat membuat keputusan bahawa 19 dari laluan itu adalah sebagai laluan utama. Tetapi, apabila ini telah diumumkan dan kita menerima banyak aduan termasuk dari Johor, dari beberapa negeri dan seluruh negeri di seluruh Malaysia, kerajaan pun minta kedua-dua syarikat ini balik untuk menimbang. Maka itulah sebab pada keputusan, bahawa tiga lagi laluan utama ditambah termasuk Kuching ke Johor dan ini bukan tutup, kita fikir mereka akan terus berbincang dan matlamat akhirnya adalah untuk menentukan bahawa proses rasionalisasi laluan domestik ini akan membawa hasil yang diharapkan oleh kerajaan.

Satu lagi perkara yang saya hendak jelaskan di sini adalah mengenai MSS. Ini juga telah banyak dijelaskan di sini. Saya ingin memberitahu di sini bahawa MSS ini adalah satu usaha yang telah dipersetujui oleh kakitangan MAS dan dengan pengurusan MAS dan persetujuan ianya adalah *mutual agreement*. Jadi oleh yang demikian ia adalah dibuka untuk siapa yang berminat dan telah diberitahu di sini bahawa lebih 4,000 yang minat. Tetapi, dalam masa yang sama seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat tadi, MAS juga mesti melihat kepada kepentingan MAS sendiri. Ia tidak boleh melepaskan semua kakitangan. Kalau kakitangan yang diberi MSS itu akan menggugat prestasi MAS.

Maka itulah sebabnya dari 4,000 lebih yang memohon hanya 2,016 yang telah ditawarkan dalam program MSS ini. Saya ambil maklum cadangan dari Yang Berhormat Dato' Musa yang minta kementerian meneliti dan mengkaji MSS ini untuk menentukan bahawa tidak ada penyelewengan.

Memang kementerian mengawasi dan kita juga rela untuk menyiasat kalau ada apa-apa tuduhan yang konkrit yang menunjukkan ada penyelewengan dalam program ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta laluan Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasanlah MSS tadi itu sumber membayar kepada mereka yang mengambil MSS ini sumber daripada mana? Duit MAS kah ataupun PMB ambil duit daripada kerajaan. Mohon penjelasan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sebelum saya menjawab itu saya hendak jelas kalau ada soalan mengenai ada soalan mengenai perbezaan MAS dengan PMB tadi. Untuk makluman kerana ada soalan tadi mengenai apa bezanya (PMB) Penerbangan Malaysia Berhad dengan MAS. Untuk makluman Dewan ini PMB adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab dalam pengurusan aset termasuk pesawat-pesawat yang disewakan kepada MAS. Manakala MAS adalah bertanggungjawab dari segi operasi penyediaan bagi laluan domestik dan antarabangsa. Jadi kedua-dua ini adalah satu entiti yang berlainan, berbeza.

Jadi beberapa tahun yang lepas kerajaan telah pun menjalankan satu program membaik aset '*link agreement*' di mana PMB adalah tuan empunya aset dan laluan-laluan domestik

berkenaan oleh PMB. Jadi masa itu MAS lah diberi hak untuk menjalankan operasi dalam domestik *route* dan di situ ada *agreement* kerana satu perjanjian di antara dua entiti yang berlainan. Jadi oleh sebab *rationalization* ini berlaku maka kerajaan telah pun meminta MAS mengambil alih laluan domestik dan di sinilah perjanjian-perjanjian tadi akan mengakibatkan keperluan PMB untuk memberi pampasan kepada MAS.

Jadi segala kos membayar MSS itu adalah dari pampasan yang diberi oleh PMB kepada MAS akibat dari MAS mengambil alih dari segi laluan domestik mulai dari 1 Ogos ini, bukan hanya mengambil alih operasi tetapi juga mengambil alih (P&L) *profit and lost account* terus kepada MAS. Jadi inilah punca - Satu perkara yang saya fikir minat oleh kita semua yang juga disentuh oleh rakyat ialah sama ada hak status tambang biasa termasuk kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Senat ini akan diteruskan. Kerajaan memikir ini harus diteruskan kerana Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat adalah satu kumpulan rakyat yang mempunyai tanggungjawab yang berat yang dihormati oleh seluruh negara jadi patutlah diteruskan kemudahan-kemudahan peratus.

Kementerian sedang berbincang dengan MAS untuk mencari jalan bagaimana hendak melaksanakan 'program' ini tanpa kuota iaitu bermaknanya apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian memerlukan kemudahan itu kalau ada tempat duduk dalam kapal terbang ianya harus diberi hak. Jadi tidaklah timbul masalah ini. Jadi kita haraplah perkara ini Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun menyampaikan perkara ini khas supaya ianya *the list in convenient* dengan izin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan memang *respect your position* setelah kemudahan-kemudahan ini diberikan terlalu susah kepada Yang Berhormat.

Ini juga terus kepada soalan yang kedua adalah kemudahan-kemudahan kepada rakyat-rakyat lain dan sebagainya untuk makluman Dewan yang mulia ini apabila kerajaan tarik balik *flow price* dengan izin dari satu syarat-syarat *rationalization*, ini maknanya MAS boleh kenakan tambang mengikut rancangan MAS sendiri. Jadi ini bermakna kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada *senior citizen* kepada pelajar dan sebagainya masih diteruskan. Jadi Yang Berhormat itu sajalah perkara-perkara yang saya hendak sentuh. Perkara yang lain kita akan ambil perhatian dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semua yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dengan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fsal-sasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.20 petang.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat kerana telah berjaya membawa satu lagi Rang Undang-Undang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Profesion Rang Undang-Undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila beri huraian.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sejak dibuat Akta Profesion Undang-Undang dalam tahun 1976 yang akan saya rujuk sebagai Akta 166, negara telah menyaksikan perubahan dan perkembangan kepada profesion undang-undang dan ke perguaman di sektor swasta melalui pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta 166 itu. Pindaan-pindaan yang telah dibuat masing-masing mempunyai latar belakangnya yang tersendiri dengan pertimbangan dan kewajarannya yang tidak sekali-kali merencatkan malah memperkasakan keutuhan 'kepeguaman' sektor swasta kerana berjaya memenuhi kehendak masyarakat dan negara. Sungguh pun demikian, kerajaan sentiasa prihatin dengan perubahan semasa yang sememangnya memerlukan dibuat dari masa ke semasa, ubahan dan ubahsuaian kepada pertimbangan dan kewajaran yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sekali lagi kerajaan dalam kesediaannya menerima perubahan dengan sikap yang terbuka dan positif membentangkan dalam Dewan yang mulia ini cadangan pindaan kepada Akta 166. Sebahagian besar daripada pindaan ini tertumpu kepada dua perkara iaitu kehendak kuorum dalam sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia dan Bar Negeri yang dikatakan membebaskan kerana begitu sukar untuk dipatuhi. Dan tatacara pengendalian prosiding tatatertib yang dikatakan penyebab berlakunya kelewatan dalam

menyelesaikan sesuatu aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara. Pindaan yang lain bersifat berbangkit atau difikirkan perlu dan sesuai mengikut kehendak semasa dan kehendak keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 ialah peruntukan permulaan.

Fasal 2 ialah pindaan kepada Seksyen 3, bertujuan antara lainnya untuk memasukkan dua takrif baru iaitu fakulti undang-undang dan menteri dan meminda takrif lembaga. Takrif fakulti undang-undang menyenaraikan Fakulti Undang-Undang yang dimaksudkan di bawah Akta 166. Takrif menteri juga bermaksud penjelasan. Fasal 3 juga membuat pindaan kepada takrif lembaga bertujuan untuk menamakan semula Lembaga Kelayakan sebagai Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan meminda nama Lembaga Kelayakan juga membabitkan

.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah terdapat *typo* sedikit di Rang Undang-Undang ini selepas satu dia ada angka dua dan dia ada angka tiga terus dan sekali lagi angka tiga? [*sambil Dewan menyemak dokumen*] [*Yang Berhormat Kayveas sedang menyemak dan membaca kesilapan menaip*]

**Datuk M. Kayveas:** Oh! Pindaan seksyen tiga itu, tiga itu ialah dua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua ya?

**Datuk M. Kayveas:** Ya dua pindaan itu, perlu ubahsuai dari tiga kepada dua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia semata-mata typographical sahaja, tidak menyentuh apa-apa.

**Datuk M. Kayveas:** Benar. Boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan meminda nama Lembaga Kelayakan juga membabitkan pindaan kepada tajuk bahagian 2 Akta 166 dan Seksyen 4, kedua-duanya diperuntukkan dalam Fasal 3 dan 4. Antara fungsi Lembaga Kelayakan di bawah Akta 166 adalah bagi memutuskan kelayakan orang berkelayakan bagi maksud penerimaan maksud orang itu sebagai seorang peguam bela dan peguam cara. Oleh itu, adalah wajar nama lembaga itu diberikan perihalan yang sepadan dan sesuai dengan fungsinya. Berbangkit daripada perubahan nama ini, peruntukan kecualian dan peralihan dinyatakan dalam Fasal 4.

Pindaan kepada Seksyen 7 dalam Fasal 5 pula bertujuan untuk membolehkan seseorang ahli sepenuh masa, kakitangan akademik sesuatu Fakulti Undang-Undang menjadi ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang dan tidak mengehadkan keahlian kepada Dekan Fakulti Undang-undang sahaja sebagaimana yang diperuntukkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 13(4) yang sedia ada menghendaki setiap pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan berkhidmat selama tujuh tahun sebelum layak dikecualikan daripada menjalani apa-apa tempoh latihan bagi membolehkan pegawai itu memfailkan petisyen untuk diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara. Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen itu bertujuan untuk memendekkan tempoh keperluan perkhidmatan selama tujuh tahun itu kepada sekurang-kurangnya satu tahun. Rata-rata sebilangan besar pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan turut terlibat dalam amalan ke perguaman dalam tugas seharian mereka. Sama seperti mana-mana peguam bela dan peguam cara. Tempoh tujuh tahun itu dianggap terlalu panjang berbanding seseorang pelatih yang boleh mengemukakan petisyen untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara selepas menjalani tempoh latihan selama 9 bulan.

Oleh yang demikian, adalah wajar seseorang pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang didapati layak dan sesuai oleh peguam negara melalui sijil yang dikeluarkan oleh beliau diberi peluang untuk turut menjadi anggota Bar Malaysia dalam tempoh yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, selain seseorang peguam bela dan peguam cara, pegawai-pegawai tertentu boleh hadir di mahkamah sama ada bagi pihak kerajaan atau menurut undang-undang bertulis yang berhubungan dengan jawatan itu. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 35 Akta 166. Berbangkit daripada pembuatan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, Akta 532 dan Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967, Akta A 1197 terdapat perubahan gelaran jawatan pegawai-pegawai tertentu itu. Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 35(2) merupakan Suatu pindaan berbangkit bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan gelaran jawatan pegawai daripada kedua-dua agensi tersebut.

Selain itu, kehadiran pegawai-pegawai daripada Biro Bantuan Guaman juga kini diperuntukkan dengan nyata. Pindaan kepada subseksyen 38(1) dalam Fasal 9 bertujuan untuk mengelakkan timbul keraguan tentang keupayaan pegawai-pegawai yang saya sebut tadi untuk memulakan hadir dalam dan menjalankan prosiding di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 46A(1)(A) Akta 166 memperuntukkan bahawa seorang peguam bela dan peguam cara tidak layak menjadi Ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam atau Ahli mana-mana Jawatankuasa Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam sekiranya dia belum cukup tujuh tahun menjadi seorang peguam bela dan peguam cara. Rasional peruntukan ini adalah supaya ahli-ahli Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam atau mana-mana Jawatankuasa kedua-dua badan itu terdiri daripada peguam-peguam yang difikirkan cukup matang dalam menjalankan kewajipan masing-masing dan pengalaman selama tujuh tahun difikirkan perlu bagi maksud itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah 39 Fasal semua, Yang Berhormat telah huraikan 10. Masa kita sudah cukup, bolehkah Yang Berhormat terus huraikan perkara 11 dan seterusnya pada hari esok apabila kita bersidang semula?

**Datuk M. Kayveas:** Boleh, baik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang dan dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

***Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 5.30 petang.***